

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI PAHANG
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI, PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER Pengurusan Program Pembangunan Sektor Pelancongan Negeri
42	PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB Pengurusan Pemberimilikan Tanah
80	PERBANDANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.
103	PENUTUP




PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di satu (1) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 November 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER

1. Pengurusan Program Pembangunan Sektor Pelancongan Negeri

- a. Pelan Transformasi Pelancongan Pahang Tahun 2011 hingga 2015 (PTPP 2015) telah dirangka bagi pembangunan industri pelancongan Negeri Pahang selaras yang digariskan oleh Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP) 2020. Salah satu (1) Pelan Strategik dan Program Transformasi Ekonomi Negeri Pahang Tahun 2016 hingga 2020 (PSPTENP 2016 - 2020) adalah untuk memperkasakan sektor pelancongan dengan melaksanakan program dan aktiviti yang dapat mempertingkatkan sektor pelancongan dalam nilai globalisasi dunia. PSPTENP (2016 - 2020) telah menetapkan sasaran 15 juta pelancong setahun menjelang tahun 2020, perbelanjaan pelancong RM7 bilion setahun serta mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan pembangunan wilayah serta pembangunan sektor pelancongan dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan sama ada pihak kerajaan dan swasta. Bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan sektor pelancongan dapat dilaksanakan dengan baik, Unit Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bawah Unit Sektor, BPEN telah merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan bersama dengan agensi pelaksana seperti Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF), Lembaga Pembangunan Tioman (LPT) serta jabatan kerajaan dan agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Sukan Pahang (MSP). Manakala pindaan Enakmen Negeri Pahang Nombor 3/1997, menetapkan PKBF bertanggungjawab menyelaraskan semua perkara dan aktiviti berkaitan penggalakan pembangunan Pahang sebagai satu (1) destinasi pilihan. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, seramai 38.20 juta orang kedatangan pelancong direkodkan yang melibatkan perbelanjaan pelancong berjumlah RM25.41 bilion. Bagi tempoh tahun yang sama, sejumlah RM14.03 juta (88.8%) daripada RM15.8 juta peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi program promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan telah dibelanjakan.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Program

Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif melalui peningkatan kedatangan pelancong yang memberi impak kepada peningkatan perbelanjaan pelancong dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan sektor industri pelancongan. Trend peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 21.8% dan 15.6% masing-masing pada tahun 2016 dan 2017 dengan kedatangan pelancong sebenar bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah 38.19 juta (86.8%) orang pelancong berbanding sasaran berjumlah 44 juta orang. Manakala trend peningkatan perbelanjaan pelancong sebanyak 21.7% dan 15.7% masing-masing pada tahun 2016 dan 2017 dengan prestasi perbelanjaan pelancong bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM25.41 bilion (77.2%) berbanding sasaran berdasarkan penetapan PTPP 2015 dan PSPTENP (2016 - 2020) berjumlah RM32.90 bilion. Prestasi pencapaian sasaran bagi mendapat pengiktirafan dunia tidak dapat diukur kerana tiada ketetapan sasaran dibuat secara khusus dan dua (2) destinasi pelancongan di Negeri Pahang telah mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia.

ii. Pengurusan Program

Berdasarkan sampel yang dipilih didapati pengurusan program pembangunan pelancongan masih boleh ditambah baik daripada aspek pengurusan produk pelancongan, pengurusan promosi, pelaksanaan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan, pentadbiran kontrak serta pemantauan.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. tiada ketetapan sasaran dibuat secara khusus untuk mengukur prestasi pencapaian *outcome* iaitu pengiktirafan pertubuhan dunia;
- ii. kelemahan pengurusan produk pelancongan iaitu sebanyak 95 (76%) daripada 125 laporan acara tidak disediakan dan tiada analisis dibuat bagi mengukur kepuasan pelanggan bagi tujuan penambahbaikan produk pelancongan;

- iii. kelemahan pengurusan promosi iaitu sebanyak 17 (56.7%) daripada 30 pembekal dan kontraktor tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan nilai perolehan berjumlah RM0.71 juta serta sebanyak 14 perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM1.2 juta lewat dibekalkan;
 - iv. kelemahan pelaksanaan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti Pelancongan iaitu sebanyak 7 (17.5%) daripada 40 projek bernilai RM1.1 juta lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan satu (1) hingga dua (2) bulan memperoleh kelulusan EOT berdasarkan alasan yang kurang wajar dan kualiti kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan bagi tujuh (7) daripada 14 projek yang dilawati dengan nilai kontrak berjumlah RM1.35 juta walaupun baru disiapkan antara enam (6) hingga 20 bulan;
 - v. pengurusan pentadbiran kontrak tidak cekap kerana bon pelaksanaan berjumlah RM70,013 tidak dikenakan terhadap enam (6) daripada lapan (8) perolehan kerja serta bekalan dan perkhidmatan serta polisi insurans tidak dikemukakan bagi tiga (3) projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan bernilai RM0.66 juta; dan
 - vi. pemantauan kurang berkesan kerana ketiadaan ketetapan kekerapan mesyuarat penyelarasan bagi kerjasama industri pelancongan; tiada laporan analisis bagi mengukur keberkesanan produk pelancongan dan program promosi serta rancangan strategik pelancongan tidak disediakan secara khusus untuk membangunkan sektor pelancongan.
- d. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, disyorkan BPEN, PKBF dan agensi pelaksana yang terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. membuat perancangan dan kajian dengan teliti agar semua aktiviti promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan tiada pembaziran berlaku;
 - ii. Rancangan Strategik Pelancongan hendaklah disediakan dengan lebih komprehensif dan mengambil kira perkembangan industri pelancongan semasa serta mempertingkatkan kerjasama antara pemain industri;
 - iii. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci di dalam pelaksanaan projek dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan

- iv. memberi latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja dalam pengurusan kewangan dan program.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB

2. Pengurusan Pemberimilikan Tanah

- a. Pemberimilikan tanah Kerajaan merupakan pelupusan tanah Kerajaan untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selama-selamanya seperti yang termaktub di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Kuasa untuk melupuskan tanah Kerajaan secara pemberimilikan terletak pada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah Seksyen 42(1)(a) KTN dan boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pentadbir Tanah. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, jabatan atau agensi Kerajaan dan swasta untuk tujuan pertanian, pembinaan bangunan dan operasi perindustrian. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu dijelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktimad. Menurut Seksyen 78(3) KTN, pemberimilikan tanah Kerajaan hendaklah berkuat kuasa apabila dokumen hak milik didaftarkan. Tanah yang telah diluluskan untuk pemberimilikan masih terus bertaraf tanah Kerajaan selagi hak milik tidak didaftarkan. Pejabat Daerah dan Tanah Raub (PDT) bertanggungjawab menguruskan urusan pentadbiran tanah seperti pemberimilikan tanah, pembangunan tanah dan memungut hasil cukai tanah. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Pahang 1992, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan dan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang. Bidang kuasa PDT Raub tertakluk kepada hal ehwal pentadbiran kawasan dalam Daerah Raub seluas 226,833 hektar atau 2,269 km persegi. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, PDT Raub menerima sebanyak 6,506 permohonan pemberimilikan tanah.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Aktiviti

Prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub bagi bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah berbanding dengan bilangan permohonan yang belum selesai. Bilangan permohonan yang telah selesai iaitu sebanyak 2,717 (41.8%) permohonan manakala bilangan permohonan yang masih belum selesai adalah sebanyak

3,789 (58.2%) permohonan. Selain itu, prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub dari tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah semakin menurun pada setiap tahun. Berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelewatan dalam memproses kelulusan permohonan tanah. Selain itu, PDT Raub tidak menetapkan sasaran bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah yang perlu diselesaikan pada setiap tahun dan menyukarkan PDT Raub untuk mengukur kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah. Manakala prestasi keseluruhan kutipan hasil pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah RM8.21 juta berbanding sasaran kutipan berjumlah RM8.44 juta dengan kurangan kutipan sejumlah RM227,074. Kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tiga (3) daripada lima (5) tahun tidak mencapai sasaran disebabkan penetapan sasaran kutipan yang tidak konsisten pada setiap tahun.

ii. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti pemberimilikan tanah bagi bilangan Notis Borang 5A sebanyak 623 dan jumlah belum bayar sejumlah RM6.64 juta serta tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran Notis Borang 5A tidak dapat disahkan. Permohonan rayuan pengurangan bayaran premium Notis Borang 5A pada tahun 2017 pula menyumbang kepada kekurangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, sejumlah RM157,770 deposit tanah masih belum dituntut atau dikembalikan kepada pemohon. Pewartaan tanah bandar/pekan Daerah Raub bagi sembilan (9) kawasan tidak dilaksanakan. Manakala pemantauan dan penguatkuasaan permohonan pemberimilikan tanah juga perlu ditambah baik di mana berlaku tanah yang belum/tidak mendapat kelulusan pemberimilikan telah diusahakan.

iii. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah iaitu sebanyak 2,717 (41.8%) permohonan berbanding dengan bilangan permohonan yang belum selesai (dalam proses) iaitu sebanyak 3,789 (58.2%). Selain itu, peratus penyelesaian permohonan tanah semakin menurun pada setiap tahun;
- kelewatan tempoh masa antara 14 hari hingga 76 bulan dalam memproses permohonan pemberimilikan tanah;

- kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 bagi PDT Raub adalah berjumlah RM8.21 juta berbanding sasaran kutipan berjumlah RM8.44 juta dengan kurangan kutipan sejumlah RM227,074;
 - ketepatan bilangan Notis Borang 5A sebanyak 623 dan amaun belum bayar berjumlah RM6.64 juta serta tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran Notis Borang 5A tidak dapat disahkan;
 - sebanyak 36 permohonan yang diluluskan pemberimilikan tanah oleh PBN pada tahun 2017 mendapat pengurangan premium berjumlah RM770,871. Selain itu, sejumlah RM157,770 deposit bagi 18 permohonan masih belum dituntut atau dikembalikan kepada pemohon;
 - pewartaan tanah bandar/pekan daerah Raub tidak dilaksanakan; dan
 - seramai 19 pemohon telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum permohonan tanah diluluskan. Selain itu, seramai tiga (3) pemohon telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum kelulusan pemberimilikan tanah dan sebanyak lima (5) permohonan pemberimilikan tanah yang tidak diluluskan oleh PBN telah diusahakan oleh pemohon secara haram.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan pemberimilikan tanah di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Pejabat Daerah dan Tanah Raub mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
- i. mengkaji semua mekanisme sedia ada seperti kaedah pelaksanaan dan pemantauan supaya masalah kelewatan memproses permohonan dan penyelesaian pemberimilikan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh sewajarnya. Selain itu, PDT Raub perlu menetapkan sasaran penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah bagi mengukur kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah;
 - ii. menetapkan tempoh masa dan piagam pelanggan serta objektif kualiti bagi setiap proses kerja dalam urusan pemberimilikan tanah sebagai panduan dan kawalan bagi memastikan tempoh penyelesaian permohonan tanah dapat dicapai. Langkah-langkah meningkatkan kecekapan pengurusan perlu diberi perhatian segera;
 - iii. memantapkan prosedur kerja dan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan serta mempercepatkan proses pewartaan tanah bandar/pekan

Daerah Raub bagi memastikan hasil kerajaan negeri diuruskan dan dikutip dengan cekap; dan

- iv. melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan dengan lebih kerap dan tegas bagi memastikan tanah yang dimohon tidak diusahakan sebelum hak milik diberikan atau selepas ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

3. PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.

- a. PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd. (PASB) ditubuhkan pada 26 Ogos 2010 di bawah Akta Syarikat 1965. PASB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Modal dibenarkan dan modal berbayar PASB masing-masing berjumlah RM10 juta. Aktiviti utama syarikat ialah perladangan tanaman kelapa sawit dan penjualan hasil tanaman berkenaan serta mengurus ladang-ladang kelapa sawit milik PKNP. Objektif PASB adalah bagi meningkatkan pertumbuhan industri kelapa sawit di Negeri Pahang dan menjalankan aktiviti secara langsung dan tidak langsung bagi membantu PKNP dalam menggalakkan pembangunan penanaman kelapa sawit. Bagi tahun 2010 hingga 2015, aktiviti utama PASB hanya menfokus kepada pengurusan ladang-ladang kelapa sawit PKNP dan pendapatan utama PASB adalah yuran pengurusan yang diperolehi daripada pengurusan ladang tersebut. Manakala mulai 19 Ogos 2015, PKNP telah memajakkan Ladang Mukim Ganchong, Ladang Sebayon dan Ladang Ulu Tembeling kepada PASB untuk diuruskan sepenuhnya.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PASB adalah kurang stabil di mana PASB mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut iaitu berjumlah RM0.64 juta pada tahun 2015, RM1.15 juta pada tahun 2016 dan RM0.26 juta pada tahun 2017. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.16:1 menunjukkan syarikat kurang berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman pada akhir tahun 2017. Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan 2017 yang berbaki negatif sejumlah RM2.99 juta juga menunjukkan PASB tidak mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai perniagaannya.

ii. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti perladangan kelapa sawit adalah kurang cekap di mana pengeluaran Buah Tandan Sawit Segar pada tahun 2016 dan 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing hanya 83.1% dan 72.2%. Hanya tahun 2015 sahaja pencapaiannya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 113.8%. Namun, keluasan ladang kelapa sawit PASB yang dibangunkan telah meningkat setiap tahun iaitu seluas 5,904 hektar pada tahun 2017 berbanding 4,237 hektar pada tahun 2016 dan 2,759 hektar pada tahun 2015.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PASB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek amalan tadbir urus berkaitan Rancangan Korporat, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman.

iv. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh PASB adalah seperti berikut:

- prestasi pengeluaran Buah Tandan Sawit Segar pada tahun 2016 dan 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- penyimpanan baja adalah tidak sempurna yang memberi risiko kepada kerosakan dan kecurian; dan
- Rancangan Korporat bagi tahun 2015 hingga 2017 dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2015 dan 2016 juga tidak disediakan. Walaupun KPI tahun 2017 ada disediakan namun ia tidak dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah. Selain itu, Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.

c. Bagi memastikan objektif penubuhan PASB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PASB mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- i. mewujudkan saluran yang baik bagi mengurangkan kawasan tanaman kelapa sawit terlibat banjir supaya dapat meningkatkan hasil kelapa sawit;

- ii. memastikan langkah diambil bagi meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit seperti penggunaan teknologi baru serta mengatasi kekurangan tenaga kerja dengan segera;
- iii. kaedah penyimpanan baja hendaklah dibuat mengikut SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan segera;
- iv. menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam bagi memastikan pematuhan dan mekanisme kawalan dalaman yang berkesan terhadap organisasi; dan
- v. mengkaji dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.



AKTIVITI JABATAN/ AGENCI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI PERBADANAN KEMAJUAN BUKIT FRASER

1. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN SEKTOR PELANCONGAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pelan Transformasi Pelancongan Pahang Tahun 2011 hingga 2015 (PTPP 2015) telah dirangka bagi pembangunan industri pelancongan Negeri Pahang selaras yang digariskan oleh Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia (MTTP) 2020. Salah satu Pelan Strategik dan Program Transformasi Ekonomi Negeri Pahang Tahun 2016 hingga 2020 (PSPTENP 2016 - 2020) adalah untuk memperkasakan sektor pelancongan dengan melaksanakan program dan aktiviti yang dapat mempertingkatkan sektor pelancongan dalam nilai globalisasi dunia. PSPTENP (2016 - 2020) telah menetapkan sasaran 15 juta pelancong setahun menjelang tahun 2020, perbelanjaan pelancong RM7 bilion setahun serta mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020.

1.1.2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan pembangunan wilayah serta pembangunan sektor pelancongan dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan sama ada pihak kerajaan dan swasta. Bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan sektor pelancongan dapat dilaksanakan dengan baik, Unit Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bawah Unit Sektor, BPEN telah merancang dan melaksanakan aktiviti berkaitan promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan bersama dengan agensi pelaksana seperti Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF), Lembaga Pembangunan Tioman (LPT) serta jabatan kerajaan dan agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Sukan Pahang (MSP). Manakala pindaan Enakmen Negeri Pahang Nombor 3/1997, menetapkan PKBF bertanggungjawab menyelaraskan semua perkara dan aktiviti berkaitan penggalakan pembangunan Pahang sebagai satu (1) destinasi pilihan.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, seramai 38.20 juta orang kedatangan pelancong direkodkan yang melibatkan perbelanjaan pelancong berjumlah RM25.41 bilion. Bagi tempoh tahun yang sama, sejumlah RM14.03 juta (88.8%) daripada RM15.8 juta peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan

Negeri bagi program promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan telah dibelanjakan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai program pembangunan pelancongan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu sasaran 15 juta pelancong setahun menjelang tahun 2020, perbelanjaan pelancong RM7 bilion setahun serta mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

1.3.1. Skop pengauditan meliputi dua (2) aspek utama iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Prestasi program pembangunan pelancongan dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output program dan pencapaian *outcome*. Data kedatangan pelancong dan data perbelanjaan pelancong bagi tempoh tersebut telah dianalisis bagi menilai prestasi program. Manakala pengurusan program pembangunan pelancongan pula dinilai berdasarkan enam (6) perkara iaitu pengurusan kewangan, pengurusan produk pelancongan, pengurusan promosi, pelaksanaan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan, pentadbiran kontrak dan pemantauan.

1.3.2. Pengauditan dijalankan di Unit Sektor, BPEN dan PKBF. Selain itu, lawatan fizikal telah dilaksanakan terhadap 14 (35%) daripada 40 projek bernilai RM2.18 juta yang dilaksanakan oleh lapan (8) agensi pelaksana seperti PKBF, JPNP, JKR Daerah Kuantan, MSP, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), PDT Kuantan, PDT Pekan dan PDT Cameron Highlands. Bagi menilai pengurusan produk pelancongan dan pengurusan promosi sejumlah RM7.98 juta (82%) daripada RM9.73 juta melibatkan 194 baucar bayaran telah dipilih sebagai sampel. Bagi menilai pelaksanaan projek kesemua 39 baucar bayaran berjumlah RM4.30 juta telah disemak. Selaras dengan pendekatan audit secara *complementary*, Unit Audit Dalam (UAD) Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (PSUKP) telah menjalankan pengauditan pematuhan bagi aspek proses bayaran melibatkan 150 baucar bayaran berjumlah RM2.32 juta bagi tempoh dari bulan November hingga Disember 2016.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta menganalisis data. Lawatan dan pemeriksaan fizikal ke atas 14 projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan dan stor barang promosi telah dibuat. Perbincangan dan temu bual turut diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan maklumat tambahan.

1.5. RUMUSAN AUDIT

1.5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program

Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif melalui peningkatan kedatangan pelancong yang memberi impak kepada peningkatan perbelanjaan pelancong dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan sektor industri pelancongan. Trend peningkatan kedatangan pelancong sebanyak 21.8% dan 15.6% masing-masing pada tahun 2016 dan 2017 dengan kedatangan pelancong sebenar bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah 38.19 juta (86.8%) orang pelancong berbanding sasaran berjumlah 44 juta orang. Manakala trend peningkatan perbelanjaan pelancong sebanyak 21.7% dan 15.7% masing-masing pada tahun 2016 dan 2017 dengan prestasi perbelanjaan pelancong bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM25.41 bilion (77.2%) berbanding sasaran berdasarkan penetapan PTPP 2015 dan PSPTENP (2016 - 2020) berjumlah RM32.90 bilion. Prestasi pencapaian sasaran bagi mendapat pengiktirafan dunia tidak dapat diukur kerana tiada ketetapan sasaran dibuat secara khusus dan dua (2) destinasi pelancongan di Negeri Pahang telah mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia.

b. Pengurusan Program

Berdasarkan sampel yang dipilih didapati pengurusan program pembangunan pelancongan masih boleh ditambah baik daripada aspek pengurusan produk pelancongan, pengurusan promosi, pelaksanaan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan, pentadbiran kontrak serta pemantauan.

1.5.2. Penemuan Audit yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini terutamanya berkaitan dengan pengurusan program adalah seperti berikut:

- a. tiada ketetapan sasaran dibuat secara khusus untuk mengukur prestasi pencapaian *outcome* iaitu pengiktirafan pertubuhan dunia;
- b. kelemahan pengurusan produk pelancongan iaitu sebanyak 95 (76%) daripada 125 laporan acara tidak disediakan dan tiada analisis dibuat bagi mengukur kepuasan pelanggan bagi tujuan penambahbaikan produk pelancongan;
- c. kelemahan pengurusan promosi iaitu sebanyak 17 (56.7%) daripada 30 pembekal dan kontraktor tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan nilai perolehan berjumlah RM0.71 juta s sebanyak 14 perolehan bekalan dan perkhidmatan berjumlah RM1.2 juta lewat dibekalkan;
- d. kelemahan pelaksanaan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti Pelancongan iaitu sebanyak 7 (17.5%) daripada 40 projek bernilai RM1.1 juta lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan satu (1) hingga dua (2) bulan memperoleh kelulusan EOT berdasarkan alasan yang kurang wajar dan kualiti kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan bagi tujuh (7) daripada 14 projek yang dilawati dengan nilai kontrak berjumlah RM1.35 juta walaupun baru disiapkan antara enam (6) hingga 20 bulan;
- e. pengurusan pentadbiran kontrak tidak cekap kerana bon pelaksanaan berjumlah RM70,013 tidak dikenakan terhadap enam (6) daripada lapan (8) perolehan kerja serta bekalan dan perkhidmatan serta polisi insurans tidak dikemukakan bagi tiga (3) projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan bernilai RM0.66 juta; dan
- f. pemantauan kurang berkesan kerana ketiadaan ketetapan kekerapan mesyuarat penyelarasan bagi kerjasama industri pelancongan; tiada laporan analisis bagi mengukur keberkesanan produk pelancongan dan program promosi serta rancangan strategik pelancongan tidak disediakan secara khusus untuk membangunkan sektor pelancongan.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas BPEN dan PKBF serta agensi pelaksana yang berkaitan telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 21 September 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Program

1.6.1.1. Pencapaian Output

- a. Berdasarkan PTPP 2015, sasaran kedatangan pelancong pada tahun 2015 ditetapkan sebanyak 14 juta orang. Manakala bagi tahun 2016 dan 2017, sasaran kedatangan pelancong ditetapkan seramai 15 juta orang setahun berdasarkan PSPTENP (2016 - 2020).
- b. Analisis Audit mendapati kedatangan pelancong sebenar bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah 38.20 juta (86.8%) orang berbanding sasaran berjumlah 44 juta orang. Kedatangan pelancong pada tahun 2015 hingga 2017 masing-masing berjumlah 10.54 juta orang (75.3%), 12.83 juta orang (85.5%) dan 14.83 juta orang (98.9%) berbanding sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, kedatangan pelancong bagi tempoh tiga (3) tahun ini menunjukkan trend peningkatan seramai 2.3 juta orang (21.7%) bagi tahun 2016 dan dua (2) juta orang (15.6%) bagi tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
PRESTASI KEDATANGAN PELANCONG BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN KEDATANGAN PELANCONG (Juta Orang) [a]	KEDATANGAN PELANCONG SEBENAR (Juta Orang)				PRESTASI KEDATANGAN PELANCONG BERBANDING SASARAN (%) [c = b/a x 100]	TREND KEDATANGAN PELANCONG PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
		DOMESTIK	ANTARABANGSA	ASEAN	JUMLAH [b]		
2015	14	8.08	1.46	1.00	10.54	75.3	-
2016	15	9.99	1.35	1.49	12.83	85.5	21.7
2017	15	11.88	1.58	1.37	14.83	98.9	15.6
JUMLAH	44	29.95	4.39	3.86	38.20	86.8	-

Sumber: PKBF

- c. Berdasarkan analisis Audit selanjutnya, didapati pelancong domestik mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 29.95 juta orang (78.4%) berbanding pelancong antarabangsa dan ASEAN. Pelancong domestik menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. Manakala, pelancong antarabangsa menunjukkan trend yang tidak menentu di mana pada tahun 2015 jumlah pelancong antarabangsa ialah seramai 1.46 juta orang, pada tahun 2016 seramai 1.35 juta orang dan pada tahun 2017 seramai 1.58 juta orang. Kedatangan pelancong dari negara ASEAN juga menunjukkan trend tidak menentu di mana pada tahun 2015 jumlah pelancong dari negara ASEAN iaitu seramai satu (1) juta orang, pada tahun 2016 seramai 1.49 juta orang dan pada tahun 2017 seramai 1.37 juta orang.

- d. Semakan Audit mendapati PKBF telah menyertai program promosi pelancongan di luar negara seperti Singapura, Dubai, London, dan Turki bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Selain itu, PKBF mengadakan 'Jelajah Kembara Pahang ke London' merentasi 12 buah negara seperti Malaysia, Thailand, Laos, China, Kazakhstan, Belarus, Belanda, Jerman, Belgium, Perancis, United Kingdom dan Rusia pada 24 September hingga 5 November 2016 sempena Kempen Tahun Melawat Pahang 2017 (TMP 2017). Semakan Audit selanjutnya mendapati pencapaian PKBF dalam program promosi pelancongan seperti berikut:
- i. Sebanyak 15 pasaran tertinggi mengikut negara ke Negeri Pahang yang direkodkan oleh PKBF terdiri dari Singapura, China, Thailand, Indonesia, India, Jepun, Taiwan, Korea, Jerman, Perancis, Australia, Hong Kong, United Kingdom, Arab Saudi dan Belanda. Analisis Audit mendapati kedatangan pelancong bagi 15 buah negara pasaran tertinggi menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Kedatangan pelancong pada tahun 2015 ialah seramai 2.32 juta orang, meningkat kepada 2.62 juta orang (12.9%) pada tahun 2016 dan seterusnya meningkat kepada 2.70 juta orang (3.1%) pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.2**.

JADUAL 1.2
PASARAN TERTINGGI MENGIKUT
NEGARA KE PAHANG BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	PASARAN UTAMA	2015 (Juta Orang)	2016 (Juta Orang)	2017 (Juta Orang)	JUMLAH (Juta Orang)
1.	Singapura	1.07	1.06	0.95	3.08
2.	China	0.53	0.72	0.93	2.18
3.	Indonesia	0.26	0.29	0.28	0.83
4.	Jepun	0.04	0.14	0.14	0.32
5.	India	0.12	0.13	0.11	0.36
6.	Thailand	0.07	0.07	0.08	0.22
7.	Australia	0.02	0.02	0.04	0.08
8.	Perancis	0.03	0.03	0.03	0.09
9.	Jerman	0.03	0.03	0.03	0.09
10.	Belanda	0.03	0.02	0.03	0.08
11.	United Kingdom	0.02	0.02	0.02	0.06
12.	Arab Saudi	0.03	0.02	0.02	0.07
13.	Vietnam	0.03	0.03	0.02	0.08
14.	Taiwan	0.02	0.02	0.01	0.05
15.	Korea	0.02	0.02	0.01	0.05
JUMLAH		2.32	2.62	2.70	7.64

Sumber: PKBF

- ii. Negara yang mencatatkan kedatangan pelancong tertinggi bagi tempoh tersebut ialah Singapura iaitu seramai 3.08 juta orang. Walau bagaimanapun, ia menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. Manakala, pelancong dari China pula merupakan negara kedua tertinggi dan menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh yang sama.
- iii. PKBF memaklumkan bahawa, berdasarkan laporan media *Malay Mail Online* bertarikh 24 Mei 2016, trend penurunan kedatangan pelancong dari Singapura disebabkan jarak yang dekat dan kekerapan pelancong berkunjung pada tahun-tahun sebelum serta kemampuan pelancong dari Singapura untuk berbelanja dan memilih destinasi negara lain yang mempunyai kadar mata wang yang lebih rendah. Faktor lain termasuk kesesakan lalu lintas di laluan masuk negara dan kebimbangan mereka terhadap jenayah di Malaysia. Manakala laporan media *mStar Online* bertarikh 11 Januari 2017 menyatakan trend peningkatan kedatangan pelancong dari negara China disebabkan Kerajaan Malaysia memperkenalkan kemudahan pengecualian visa atau pendaftaran pelancongan elektronik dan visa elektronik bermula pada bulan Mac 2016. Selain itu, pelancong dari negara China dilihat mempunyai kecenderungan melancong secara berkumpulan ke destinasi yang mempunyai pakej penuh termasuk kemudahan penginapan, pengangkutan dan aktiviti sampingan seperti Genting Highlands, Cherating, Pulau Tioman dan Taman Negara.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF memaklumkan bahawa industri pelancongan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti suasana ekonomi, kestabilan politik, bencana alam dan sebagainya. Keadaan ekonomi yang tidak menentu merupakan faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan dan penurunan kedatangan pelancong. Berdasarkan statistik Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia jumlah pelancong asing ke negara ini merosot pada tiga (3) bulan pertama tahun 2015 disebabkan kejatuhan ringgit.

Pada pendapat Audit, prestasi kedatangan pelancong boleh ditingkatkan lagi berdasarkan pencapaian bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 iaitu sebanyak 86.8% berbanding sasaran.

1.6.1.2. Pencapaian Outcome

a. Prestasi Perbelanjaan Pelancong

PTPP 2015 telah menetapkan sasaran perbelanjaan pelancong pada tahun 2015 berjumlah RM18.9 bilion melibatkan seramai 14 juta orang pelancong. Manakala bagi tahun 2016 hingga 2017, PSPTENP (2016 - 2020) pula menetapkan sasaran perbelanjaan pelancong pada tahun 2016 hingga 2020 adalah RM7 bilion melibatkan seramai 15 juta orang setahun. Semakan Audit mendapati perbezaan data/ maklumat sasaran perbelanjaan pelancong kerana pengiraan sasaran perbelanjaan pelancong berdasarkan kedatangan pelancong tidak sama dengan pengiraan perbelanjaan pelancong yang diguna pakai oleh PKBF. Bagi tahun 2015 hingga 2017, prestasi perbelanjaan pelancong berjumlah RM25.41 bilion (77.2%) berbanding sasaran berdasarkan penetapan PTPP 2015 dan PSPTENP (2016 - 2020) berjumlah RM32.90 bilion. Manakala prestasi perbelanjaan pelancong berjumlah RM25.41 bilion (82.6%) berbanding sasaran berdasarkan kedatangan pelancong dan formula yang diguna pakai berjumlah RM30.78 bilion. Penjelasan lanjut adalah seperti perenggan berikut:

i. Prestasi Perbelanjaan Pelancong Berdasarkan PTPP 2015 dan PSPTENP (2016 - 2020)

- PSPTENP (2016 - 2020) menetapkan sasaran perbelanjaan pelancong RM7 bilion setahun. Pihak Audit mendapati perancangan PSPTENP (2016 - 2020) menetapkan sasaran yang rendah iaitu RM7 bilion berbanding perbelanjaan sebenar pada tahun 2015 berjumlah RM7.01 bilion. Selain itu, pihak Audit juga mendapati prestasi perbelanjaan pelancong pada tahun 2015 tidak menepati sasaran sebanyak 62.9% kerana penetapan sasaran purata perbelanjaan (RM per pelancong) pada tahun 2015 adalah berjumlah RM1,350 yang merupakan purata perbelanjaan yang tertinggi yang disasarkan berbanding tahun 2011 hingga 2014.
- Analisis Audit selanjutnya mendapati prestasi perbelanjaan pelancong bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM25.41 bilion (77.2%) berbanding sasaran yang ditetapkan berjumlah RM32.90 bilion. Secara keseluruhannya perbelanjaan pelancong menunjukkan trend peningkatan sebanyak 21.7% bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 dan 15.7% bagi tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
PRESTASI PERBELANJAAN PELANCONG BERDASARKAN
PTPP 2015 DAN PSPTENP (2016 - 2020) BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN PERBELANJAAN PELANCONG (RM Bilion) [a]	PERBELANJAAN SEBENAR PELANCONG (RM Bilion) [b]	PRESTASI PERBELANJAAN PELANCONG BERBANDING SASARAN (%) [c= (b/a)x 100]	TREND PERBELANJAAN PELANCONG [PENINGKATAN/ (PENURUNAN)] (%)
2015	18.90	7.01	37.1	-
2016	7.00	8.53	121.9	21.7
2017	7.00	9.87	141.0	15.7
JUMLAH	32.90	25.41	77.2	-

Sumber: Statistik Kedatangan Pelancong, PKBF dan Analisis Audit

ii. Prestasi Perbelanjaan Pelancong Berdasarkan Sasaran Kedatangan Pelancong

- Pengiraan perbelanjaan seorang pelancong berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menetapkan jumlah perbelanjaan pelancong ditentukan berdasarkan purata tempoh penginapan dua (2) hari bagi tahun 2016 ke bawah dengan anggaran perbelanjaan seorang pelancong berjumlah RM332.70 dan 1.5 hari mulai tahun 2017 ke atas dengan anggaran perbelanjaan seorang pelancong berjumlah RM599.
- Analisis Audit berdasarkan pengiraan formula yang diguna pakai oleh PKBF mendapati perbelanjaan pelancong sebenar berjumlah RM25.41 bilion (82.6%) berbanding sasaran berjumlah RM30.78 bilion bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Secara keseluruhannya perbelanjaan pelancong menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut iaitu peningkatan sebanyak 21.7% bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 dan 15.7% bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.4**.

JADUAL 1.4
PRESTASI PERBELANJAAN PELANCONG BERDASARKAN
SASARAN KEDATANGAN PELANCONG BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN KEDATANGAN PELANCONG (Juta Orang)	SASARAN PERBELANJAAN PELANCONG (RM Bilion) [a]	PERBELANJAAN SEBENAR PELANCONG (RM Bilion) [b]	PRESTASI PERBELANJAAN PELANCONG BERBANDING SASARAN (%) [c= (b/a)x 100]	TREND PERBELANJAAN PELANCONG [PENINGKATAN/ (PENURUNAN)] (%)
2015	14	7.32	7.01	95.8	-
2016	15	9.98	8.53	85.5	21.7
2017	15	13.48	9.87	73.2	15.7
JUMLAH	44	30.78	25.41	82.6	-

Sumber: Statistik Kedatangan Pelancong, PKBF dan Analisis Audit

- c. Pihak PKBF memaklumkan penetapan sasaran perbelanjaan pelancong di dalam PSPTENP (2016 - 2020) dibuat berdasarkan kadar perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2010 dan tiada kajian semula dibuat untuk memperbaharui sasaran tersebut dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018. Prestasi perbelanjaan pelancong tidak dapat diukur dan dinilai dengan tepat kerana penetapan sasaran perbelanjaan pelancong tahunan tidak mengambil kira kadar semasa pengiraan perbelanjaan pelancong.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan pelancong boleh ditingkatkan lagi berdasarkan pencapaian RM25.41 bilion (77.2%) berbanding sasaran yang ditetapkan berjumlah RM32.90 bilion dengan trend peningkatan setiap tahun bagi memberi impak yang positif kepada peningkatan pendapatan sektor industri pelancongan di Negeri Pahang.

1.6.1.3. Pencapaian Pengiktirafan daripada Pertubuhan Dunia Menjelang Tahun 2020

- a. PSPTENP (2016 - 2020) menetapkan sasaran mendapat pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* dalam Perenggan 2.4.9 menjelaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Indikator Pencapaian (IP) merupakan bukti pencapaian yang akan digunakan untuk menyokong penemuan semasa penilaian *outcome*.
- b. Negeri Pahang mempunyai dua (2) destinasi pelancongan iaitu Tasik Bera yang merupakan tanah lembap berkepentingan antarabangsa dan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera yang telah mendapat pengiktirafan daripada Konvensyen Antarabangsa Tahun 1975 di Ramsar, Iran dan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- c. PSPTENP (2016 - 2020) hanya menetapkan sasaran untuk mendapatkan pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020. Namun begitu, tiada ketetapan IP iaitu sasaran bilangan destinasi pelancongan menyebabkan pencapaian IP bagi KPI untuk menyokong penemuan semasa melakukan penilaian *outcome* tidak dapat dilaksanakan.

Maklum Balas BPEN yang Diterima pada 18 September 2018

Kerajaan Negeri Pahang bercadang untuk mendapat pengiktirafan pertubuhan dunia bagi kawasan semula jadi sebagai tapak UNESCO dengan penilaian

daripada jabatan agensi di bawah Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli Malaysia melibatkan kawasan di Tasik Bera, Bukit Fraser dan Merapoh.

Pada pendapat Audit, usaha mendapatkan pengiktirafan daripada pertubuhan dunia menjelang tahun 2020 boleh ditingkatkan lagi.

1.6.2. Pengurusan Program Pembangunan Pelancongan Negeri

1.6.2.1. Pengurusan Kewangan

- a. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kewangan bagi tujuan membiayai aktiviti promosi dan pembangunan pelancongan. Kerajaan Negeri telah menyerahkan tanggungjawab untuk melaksanakan program promosi pelancongan di Negeri Pahang kepada PKBF. Selain itu, LPT turut menerima peruntukan setiap tahun untuk menganjurkan beberapa acara tahunan pelancongan di Pulau Tioman. Pada tahun 2016 dan 2017, BPEN bertanggungjawab mengurus dan memantau peruntukan kewangan bagi aktiviti promosi oleh PKBF dan aktiviti pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana yang dilantik.
- b. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, sejumlah RM14.03 juta (88.8%) daripada RM15.80 juta peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi program promosi dan pembangunan telah dibelanjakan. Analisis Audit mendapati sehingga tahun 2017, sejumlah RM9.73 juta (88.1%) daripada RM11.04 juta telah dibelanjakan bagi program promosi pelancongan dan sejumlah RM4.30 juta (90.3%) daripada RM4.76 juta dibelanjakan bagi projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.5**.

JADUAL 1.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
SEKTOR PELANCONGAN NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	AGENSI	PERUNTUKAN (RM Juta)		PERBELANJAAN (RM Juta)		PERATUS PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN (%)	
		PROMOSI	PEMBANGUNAN	PROMOSI	PEMBANGUNAN	PROMOSI	PEMBANGUNAN
2015	PKBF	0.90	-	0.87	-	96.7	-
	LPT	0.30	-	0.28	-	93.3	-
2016	PKBF/BPEN	4.24	2.76	3.58	2.33	84.4	84.4
	LPT	0.30	-	0.29	-	96.7	-
2017	PKBF/BPEN	5.00	2.00	4.43	1.97	88.6	98.5
	LPT	0.30	-	0.28	-	93.3	-
JUMLAH		11.04	4.76	9.73	4.30	88.1	90.3
JUMLAH KESELURUHAN		15.80		14.03		88.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, BPEN, PKBF dan LPT

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah cekap selaras dengan peruntukan yang diluluskan.

1.6.2.2. Pengurusan Produk Pelancongan

- a. PTPP 2015 menyatakan Pahang sesuai untuk memasarkan produk pelancongan yang menjurus kepada tanah tinggi, kembara dan alam semula jadi, serta pantai dan pulau. PKBF juga mempromosikan produk sampingan iaitu acara tahunan yang dianjurkan di Pahang. Penjenamaan produk pelancongan oleh PKBF dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Negeri Pahang. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* dalam Perenggan 3.6 menjelaskan tujuan analisis data adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan program/projek pembangunan yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati laporan analisis kedatangan pelancong ke produk pelancongan ada disediakan bagi produk pelancongan menjurus kepada tanah tinggi, kembara dan alam semula jadi serta pantai dan pulau. Namun begitu, pihak Audit mendapati tiada maklumat maklum balas kepuasan pelancong disediakan dan dianalisis untuk mengukur kepuasan pelanggan bagi tujuan penambahbaikan produk pelancongan. Selain itu, didapati tiada laporan analisis dibuat bagi mengukur keberkesanan acara pelancongan dan penjenamaan produk. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

i. Tanah Tinggi

Produk pelancongan berasaskan tanah tinggi di Negeri Pahang terdiri daripada lima (5) destinasi iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands, Bukit Fraser, Bukit Tinggi dan Janda Baik. Antara contoh berdasarkan analisis kedatangan pelancong yang direkodkan di Genting Highlands menunjukkan trend peningkatan pada setiap tahun iaitu masing-masing seramai 6.40 juta orang, 8.23 juta orang (28.6%), dan 9.13 juta orang (10.9%) bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. Kedatangan pelancong ke Genting Highlands telah menyumbang lebih 60% daripada jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Pahang bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.6**.

JADUAL 1.6
KEDATANGAN PELANCONG KE PRODUK PELANCONGAN
BERASASKAN TANAH TINGGI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

DESTINASI	KEDATANGAN PELANCONG (Juta Orang)			TREND PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%)	
	2015	2016	2017	2016	2017
Genting Highlands	6.40	8.23	9.13	28.6	10.9
Cameron Highlands	0.90	1.00	1.33	11.1	33.0
Bukit Fraser	0.12	0.12	0.13	-	8.3
Bukit Tinggi	0.08	0.09	0.09	12.5	-
Janda Baik	0.06	0.07	0.08	16.7	14.3

Sumber: PKBF

ii. Kembara dan Alam Semula jadi

Produk pelancongan berasaskan kembara dan alam semula jadi terdiri daripada tujuh (7) destinasi pelancongan iaitu Bentong, Temerloh, Tasik Bera, Kuala Lipis, Jerantut, Taman Negara dan Raub. Antara contoh berdasarkan analisis kedatangan pelancong yang direkodkan di Temerloh menunjukkan trend peningkatan pada setiap tahun iaitu seramai 0.19 juta orang pada tahun 2015, seramai 0.20 juta orang (4.5%) pada tahun 2016 dan seramai 0.27 juta orang (35.4%) pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.7**.

JADUAL 1.7
KEDATANGAN PELANCONG KE PRODUK PELANCONGAN BERASASKAN
KEMBARA DAN ALAM SEMULAJADI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

DESTINASI	KEDATANGAN PELANCONG (Orang)			TREND PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%)	
	2015	2016	2017	2016	2017
Bentong	114,201	161,284	161,936	41.2	0.4
Temerloh	193,240	201,844	273,254	4.5	35.4
Tasik Bera	5,131	3,395	<i>Renovation</i>	(33.8)	-
Kuala Lipis	84,645	81,638	80,204	(3.6)	(1.8)
Jerantut	99,416	99,257	122,070	(0.2)	23.0
Taman Negara	68,873	85,288	89,753	23.8	5.2
Raub	55,919	66,959	65,257	19.7	(2.5)

Sumber: PKBF

iii. Pantai dan Pulau

Produk pelancongan berasaskan pantai dan pulau terdiri daripada tujuh (7) destinasi pelancongan iaitu Kuantan, Cherating, Sungai Lembing, Pekan, Tasik Chini, Rompin dan Pulau Tioman. Antara contoh berdasarkan analisis kedatangan pelancong yang direkodkan di Kuantan menunjukkan trend peningkatan pada setiap tahun iaitu seramai 1.60 juta

orang pada tahun 2015, seramai 1.84 juta orang (14.8%) pada tahun 2016 dan seramai 2.43 juta orang (32.2%) pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.8**.

JADUAL 1.8
KEDATANGAN PELANCONG KE PRODUK PELANCONGAN
BERASASKAN PANTAI DAN PULAU BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

DESTINASI	KEDATANGAN PELANCONG (Orang)			TREND PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%)	
	2015	2016	2017	2016	2017
Kuantan	1,601,521	1,838,553	2,430,995	14.8	32.2
Cherating	226,241	254,169	298,566	12.3	17.5
Sungai Lembing	25,908	34,401	66,185	32.8	92.4
Pekan	36,356	34,530	34,785	(5.0)	0.7
Tasik Chini	13,711	16,575	7,649	20.9	(53.9)
Rompin	153,988	140,203	148,877	(9.0)	6.2
Pualau Tioman	270,164	276,878	263,261	2.5	(4.9)

Sumber: PKBF

iv. Acara Pelancongan

- Acara pelancongan diadakan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam setiap program dan acara yang dianjurkan. Ia secara langsung dapat menarik pelancong mengunjungi Negeri Pahang. Pihak PKBF telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan setiap acara mengikut peruntukan yang telah diagihkan. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PKBF yang bertanggungjawab, terdapat dua (2) jenis acara yang dilaksanakan iaitu acara mengikut kalendar tahunan dan acara *ad-hoc*.
- Sebanyak 100 acara pelancongan telah dirancang bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Bagaimanapun, sebanyak 131 acara pelancongan (131%) telah berjaya dilaksanakan dengan kos perbelanjaan berjumlah RM1.79 juta (70.8%) berbanding jumlah peruntukan diluluskan sebanyak RM2.53 juta. Butiran lanjut mengenai rancangan dan pelaksanaan program acara adalah seperti **Jadual 1.9**.

JADUAL 1.9
PROGRAM ACARA YANG DILAKSANAKAN MENGIKUT
KALENDAR TAHUNAN DAN ACARA AD-HOC BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERANCANGAN		PELAKSANAAN	
	BILANGAN ACARA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM Juta)	BILANGAN ACARA	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
2015	6	0.26	22	0.24
2016	60	1.10	56	0.57
2017	34	1.17	53	0.98
JUMLAH	100	2.53	131	1.79

Sumber: PKBF

- Bagaimanapun, dalam tempoh tiga (3) tahun tersebut, sebanyak 70 acara yang dirancang telah dilaksanakan dan 61 acara lagi diadakan secara *ad-hoc*. Hanya dua (2) acara sahaja dikendalikan sepenuhnya oleh PKBF pada setiap tahun, selebihnya dikendalikan oleh penganjur acara dan pihak PKBF hanya menyalurkan peruntukan serta membantu dalam mempromosikan acara tersebut.
- Semakan Audit terhadap laporan acara kalendar dan *ad-hoc* mendapati 95 (76%) daripada 125 laporan tidak disediakan. Berdasarkan 20 laporan acara yang disediakan, didapati laporan yang disediakan tidak mengandungi laporan perbelanjaan penganjur acara secara terperinci dan maklum balas pengunjung. Pihak Audit juga mendapati pihak PKBF tidak membuat analisis bagi mengukur keberkesanan acara pelancongan kerana laporan acara yang lengkap tidak disediakan bagi semua acara yang dilaksanakan.
- Berdasarkan temu bual dengan pegawai PKBF, laporan acara yang tidak disediakan melibatkan acara secara *ad-hoc* yang diuruskan oleh pihak penganjur dan tidak melibatkan perbelanjaan peruntukan Kerajaan Negeri. Selain itu, laporan acara yang disediakan oleh penganjur tidak lengkap dan dikemukakan kepada pihak PKBF mengikut format acara dan kadar sumbangan yang diberikan oleh PKBF.

v. Penjenamaan Produk

- Penjenamaan produk adalah penting bagi mempromosi dan memasarkan Pahang sebagai destinasi pelancongan. Antara perkara yang diberi penekanan ialah pembentukan imej dan pembangunan jenama, media dan perhubungan awam serta pengiklanan. Pembentukan imej dan pembangunan jenama melibatkan aktiviti seperti logo korporat, destinasi serta pengenalan *tagline* bagi setiap

daerah yang digunakan. Melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-12/2016 Kertas Mesyuarat Bil. 533/2016 bertarikh 13 April 2016, Persediaan Kempen Tahun Melawat Pahang 2017 telah diluluskan dengan permohonan peruntukan sebanyak RM0.56 juta. Salah satu perancangan cadangan kempen tersebut ialah pelantikan perunding promosi antara skop kerja menyediakan tema, logo dan *tagline* yang bersesuaian; menyediakan program pengiklanan berbentuk *thematic* dan taktikal, merancang Majlis Pelancaran TMP 2017, merancang program promosi dan publisiti; dan pembangunan promosi dan kreatif.

- Semakan Audit mendapati pada tahun 2016 perbelanjaan bagi khidmat perunding yang melibatkan pembangunan kreatif; pra-pelancaran dan pelancaran TMP 2017; promosi dan publisiti serta pelan perancangan penajaan adalah berjumlah RM496,278. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sejauh mana penjenamaan produk ini telah berjaya memberi impak kepada kedatangan pelancong kerana tiada laporan berkaitannya disediakan.
 - Berdasarkan maklum balas dengan pegawai PKBF yang bertanggungjawab, tahap kejayaan penjenamaan produk pelancongan boleh diukur daripada segi aspek kemasukan pengunjung ke laman sosial PKBF (Tourism Pahang) seperti aplikasi TMP 2017, *facebook*, *twitter*, dan *instagram*. Selain itu, PKBF telah mengambil pendekatan menyediakan format kepala surat jabatan bagi mempromosikan penjenamaan tersebut.
- c. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PKBF, keberkesanan pengurusan produk pelancongan tidak dapat diukur kerana tiada mekanisme yang khusus diwujudkan disebabkan kekangan daripada aspek sumber dana, sumber tenaga manusia, masa dan data. Ini akan mengakibatkan kajian pasaran tidak dapat dibuat dan kehendak pasaran pelancong tidak dapat dikaji. Perkara ini boleh menjejaskan prestasi kedatangan pelancong.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF memerlukan sumber tenaga pakar atau perunding dan peruntukan kewangan bagi melaksanakan kajian kepuasan pelancong.

Pada pendapat Audit, pengurusan produk pelancongan boleh ditingkatkan lagi.

1.6.2.3. Pengurusan Promosi

Produk pelancongan di Negeri Pahang hendaklah dipromosikan bagi menarik lebih ramai pelancong daripada domestik dan antarabangsa untuk berkunjung ke Negeri Pahang. Antara strategi promosi dan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan sepenuhnya oleh PKBF untuk meningkatkan kedatangan pelancong adalah seperti kempen TMP 2017, pengiklanan, pengedaran bahan penerbitan dan barangan kolateral, eksposisi pelancongan Jelajah Kembara dan liputan media.

a. Perbelanjaan Promosi Berbanding Perbelanjaan Pelancong

- i. Analisis Audit terhadap perbelanjaan promosi berbanding kedatangan serta perbelanjaan pelancong mendapati berlaku peningkatan bagi kedatangan dan perbelanjaan pelancong serta perbelanjaan promosi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 peratusan peningkatan kedatangan dan perbelanjaan pelancong hanya 21.7% berbanding peningkatan perbelanjaan promosi pada kadar 236.5%. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.10**.

JADUAL 1.10
PERBELANJAAN PROMOSI BERBANDING KEDATANGAN
DAN PERBELANJAAN PELANCONG BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERBELANJAAN PROMOSI		KEDATANGAN PELANCONG		PERBELANJAAN PELANCONG	
	AMAUN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)	BILANGAN (Juta Orang)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)	AMAUN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
2015	1.15	-	10.54	-	7.01	-
2016	3.87	236.5	12.83	21.7	8.53	21.7
2017	4.71	21.7	14.83	15.6	9.87	15.7
JUMLAH	9.73	-	38.20	-	25.41	-

Sumber: PKBF

- ii. Peningkatan perbelanjaan promosi sebanyak 236.5% pada tahun 2016 melibatkan kos sejumlah RM3.87 juta berbanding tahun 2015 sejumlah RM1.15 juta disebabkan perbelanjaan yang melibatkan persediaan kempen promosi TMP 2017. Ini secara tidak langsung memberi kesan peningkatan sebanyak 21.7% kedatangan pelancong serta 21.7% perbelanjaan pelancong pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017, peningkatan perbelanjaan promosi sebanyak 21.7% melibatkan kos berjumlah RM4.71 juta berbanding pada tahun 2016 sejumlah RM3.87 juta dan juga memberi kesan peningkatan sebanyak 15.6% kedatangan pelancong serta 15.7% perbelanjaan pelancong.

Pada pendapat Audit, peningkatan perbelanjaan promosi memberi kesan positif kepada peningkatan jumlah kedatangan pelancong dan peningkatan perbelanjaan pelancong pada tahun tersebut.

b. Pameran dan Eksposisi Pelancongan

- i. Pada setiap tahun PKBF menyediakan rancangan untuk mengadakan pameran dan eksposisi pelancongan di dalam dan luar negara. Sebanyak 24 (77.4%) program promosi telah dilaksanakan daripada 31 perancangan program promosi di dalam dan luar negara. Manakala enam (6) program lagi melibatkan program luar jangka/*ad-hoc* adalah seperti **Jadual 1.11**.

JADUAL 1.11
PELAKSANAAN PAMERAN DAN EKSPOSISI
PELANCONGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PAMERAN DAN EKSPOSISI PELANCONGAN	PERANCANGAN	PELAKSANAAN		BILANGAN LAPORAN YANG DISEDIAKAN
			MENGIKUT PERANCANGAN	LUAR JANGKA (AD-HOC)	
2015	Dalam Negara	6	4	-	4
	Luar Negara	4	4	1	0
2016	Dalam Negara	5	5	1	5
	Luar Negara	5	2	1	1
2017	Dalam Negara	6	4	-	3
	Luar Negara	5	5	3	1
JUMLAH		31	24	6	14

Sumber: PKBF

- ii. Hanya 14 (46.7%) daripada 30 laporan program yang dilaksanakan telah disediakan. Semakan Audit terhadap 14 laporan program pameran dan eksposisi yang disertai telah menyumbang pendapatan sektor pelancongan dengan jualan pakej percutian sebanyak RM1.52 juta. Selain itu, pihak Audit mendapati tiada laporan analisis perbelanjaan program eksposisi yang dilaksanakan berbanding hasil jualan pakej percutian untuk mengukur keberkesanan program.
- iii. Keperluan laporan analisis perbelanjaan pameran dan eksposisi tidak dijelaskan dalam garis panduan berkaitan prosedur aktiviti tersebut menyebabkan tiada mekanisme yang diwujudkan bagi mengukur keberkesanan program serta kecekapan pengurusan program promosi terjejas.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

Tindakan sewajarnya akan diambil bagi menyediakan laporan program berserta perbelanjaan secara terperinci.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pameran dan eksposisi pelancongan yang berkesan memberi impak positif terhadap perkembangan sektor pelancongan Negeri.

c. Perolehan Secara Rundingan Terus Tidak Mematuhi Peraturan Kewangan

- i. 1PP PK7.14 menjelaskan prosedur dan peraturan bagi perolehan secara rundingan terus dalam perenggan berkaitan. Antara prosedur yang ditetapkan ialah Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuhkan dan kajian pasaran hendaklah dibuat sebelum sesuatu rundingan dijalankan. Selain itu, minit mesyuarat rundingan harga dan laporan hasil rundingan harga hendaklah disediakan. Agensi hendaklah memastikan keseluruhan proses rundingan harga dapat diselesaikan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat tawaran dan syarikat tidak melengahkan persetujuan harga dan tempoh rundingan hendaklah ditentukan dan dimaklumkan kepada syarikat di awal rundingan.
- ii. Bagi melaksanakan kempen promosi TMP 2017, MMKN Ke-6/2016 pada 24 Februari 2016 telah meluluskan pelantikan Syarikat (No. 573173-M) sebagai Agensi Perunding melalui rundingan terus tanpa menetapkan anggaran nilai kontrak. Skop kerja yang dicadangkan bagi khidmat perunding melibatkan pembangunan kreatif; pra-pelancaran dan pelancaran TMP 2017; promosi dan publisiti serta pelan perancangan penajaan. Semakan Audit terhadap proses lantikan agensi perunding mendapati perkara berikut:
 - Tiada Jawatankuasa Rundingan Harga ditubuhkan bagi menguruskan semua urusan rundingan terus. Didapati Laporan Jawatankuasa Penilaian Harga (Laporan Penilaian Teknikal) bertarikh 29 September 2015 tidak ditandatangani oleh pengerusi dan ahli. Selain itu, didapati tiada kajian pasaran dibuat sebelum sesuatu rundingan dijalankan.

- Tiada mesyuarat rundingan harga diadakan dan hanya dua (2) mesyuarat Penilaian Teknikal diadakan serta dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang dan dihadiri oleh Ahli Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Pengarah PKBF dan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Selain itu, tiada laporan hasil rundingan harga disediakan dan ditandatangani serta dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri bagi meluluskan harga yang diperakukan.
 - Tempoh rundingan mengambil masa yang lama iaitu dari 9 November 2015 sehingga 1 Ogos 2016. PKBF telah mengeluarkan Surat Niat Pelantikan sebagai agensi perunding bertarikh 9 November 2015 manakala surat lantikan bertarikh 29 Februari 2016. Surat terima tawaran daripada Syarikat (No. 573173-M) bertarikh 2 Mac 2016 telah dikemukakan bersama tuntutan bayaran fasa satu perkhidmatan perunding berjumlah RM557,200. Sehubungan itu, MMKN Ke-12/2016 bertarikh 13 April 2016 telah bersetuju pembayaran dibuat bagi sebut harga fasa satu perkhidmatan perunding tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran bagi pembangunan kreatif dan pra-pelancaran TMP 2017 berjumlah RM496,278 dibuat tanpa membuat kontrak formal yang disempurnakan dan tiada Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Setelah pembayaran dibuat pada bulan April dan Jun 2016, pengerusi PKBF telah memberi notis bertarikh 1 Ogos 2016 kepada Syarikat (No. 573173-M) untuk mengubah bentuk kerjasama kolaborasi kepada dasar *ad-hoc* dan tidak lagi bertindak sebagai perunding.
- iii. Lantikan agensi perunding melalui rundingan terus tidak mematuhi peraturan kewangan disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan. Perkara ini boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

Lantikan agensi perunding dan proses perolehan telah mendapat kelulusan MMKN dan berpendapat tiada wujud keperluan untuk mematuhi peraturan kewangan seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling 1PP.

Pada pendapat Audit, lantikan agensi perunding melalui rundingan terus tidak cekap kerana tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

d. Pembekal dan Kontraktor yang Dilantik Tidak Berdaftar dengan Kementerian Kewangan

- i. Berdasarkan 1PP, PK 2.1 Para 5 menetapkan perolehan perkhidmatan percetakan sehingga RM50,000 serta perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM20,000 hendaklah dipelawa di kalangan pembuat/pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ii. Berdasarkan pengesahan pihak Audit dengan pihak Kementerian Kewangan terhadap 30 pembekal dan kontraktor bekalan seperti item percetakan dan barangan kolateral serta perkhidmatan seperti agensi perunding yang dilantik oleh PKBF, didapati 17 (56.7%) daripadanya tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dengan nilai perolehan berjumlah RM0.71 juta.
- iii. Perkara ini berlaku kerana semasa pelantikan pembekal dan kontraktor, PKBF tidak membuat penilaian terhadap pembekal berdasarkan syarat peraturan pemilihan pembekal yang ditetapkan iaitu berdaftar dengan Kementerian Kewangan menyebabkan perolehan tidak mengikut syarat dan wujudnya pelanggaran yang serius dalam perolehan Kerajaan yang menjejaskan kepentingan Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pelantikan pembekal dan kontraktor tidak mematuhi peraturan kewangan kerana penilaian terhadap syarat pemilihan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan tidak dilaksanakan.

e. Pecah Kecil Perolehan

- i. Mengikut 1PP, PK 2.1, Perenggan 1(iii) dan 5(ii), agensi dilarang memecah kecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan pelawaan secara sebut harga dan tender. Perolehan bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau perolehan kerja melebihi RM20,000 hingga RM500,000 setahun hendaklah dipelawa secara sebut harga. Pekeliling ini juga telah mentafsirkan setiap jenis item sebagai sesuatu barang dan perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama atau boleh diperolehi daripada satu

- (1) punca bekalan serta perolehan tersebut boleh dirancang. Perenggan 5(iv) pula menjelaskan perolehan perkhidmatan percetakan sehingga RM50,000 boleh dibuat secara pembelian terus dengan pembekal/syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ii. Perancangan perolehan bekalan bagi program promosi dibuat melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PKBF. Analisis Audit terhadap 508 baucar bayaran bagi program promosi mendapati sebanyak 22 perolehan pada tahun 2016 yang melibatkan item percetakan bagi program kempen TMP 2017 berjumlah RM194,605 telah dipecahkan kecil secara pembelian terus melibatkan lima (5) pembekal.
 - iii. Pecah kecil berlaku kerana tiada perancangan awal bagi kerja yang perlu dilaksanakan sepanjang tahun menyebabkan kerugian kepada Kerajaan di mana sebut harga tidak dapat dilaksanakan bagi mendapatkan harga terbaik.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

Sehingga bulan Januari tahun 2016, PKBF masih belum memperolehi surat kelulusan mengenai peruntukan pelancongan yang akan diperolehi, maka PKBF telah membuat perolehan secara kerap mengikut bajet PKBF yang ada sahaja. Melalui sebut harga yang dikeluarkan, PKBF membuat tempahan cetakan melalui syarikat yang sama kerana rekaan eksklusif mereka. PKBF tidak dapat membuat perancangan awal kerana ketidakpastian dengan peruntukan yang akan diperolehi.

Pada pendapat Audit, tindakan PKBF memecah kecil perolehan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana tidak mendapat harga yang paling menguntungkan. Bagaimanapun, PKBF mempunyai potensi untuk meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan melalui tindakan penambahbaikan yang telah diambil pada tahun 2017.

f. Kelewatan Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan

- i. Arahan Perbendaharaan 176.1(b) menetapkan syarat-syarat dan terma hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan sebut harga bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara dan disertakan bersama pesanan Kerajaan atau inden kerja supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.

- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 14 perolehan bekalan dan perkhidmatan melibatkan program promosi berjumlah RM1.2 juta di PKBF lewat dibekalkan antara satu (1) hingga 111 hari daripada tarikh sepatutnya dibekalkan. Bagaimanapun, tiada ganti rugi atau denda lewat dikenakan dan bayaran penuh telah dibuat tanpa sebarang pemotongan amaun berikutan tiada klausa khusus mengenai denda ditetapkan. Selain itu, pihak PKBF juga tidak mengeluarkan sebarang surat amaran atau peringatan berhubung kelewatan pembekalan/perkhidmatan kepada pihak syarikat. Pengiraan anggaran kerugian berdasarkan kaedah pengiraan denda yang ditetapkan oleh JKR menggunakan kadar asas pinjaman (BLR) yang berkuat kuasa mendapati, denda berhubung kelewatan pembekalan yang berlaku adalah sejumlah RM6,854. Butiran lanjut seperti **Jadual 1.12**.

JADUAL 1.12
KELEWATAN PENERIMAAN BEKALAN DAN
PERKHIDMATAN BAGI TEMPOH DARI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TEMPOH HARI	BILANGAN BAUCAR	AMAUN BAUCAR (RM)	ANGGARAN LAD (RM)
1 - 20	10	799,350	1,534
21 - 40	2	124,000	600
41 - 60	0	-	-
61 - 80	1	156,500	2,225
> 80	1	124,880	2,495
JUMLAH	14	1,204,730	6,854

Sumber: PKBF

- iii. Kelewatan menerima bekalan dan perkhidmatan menyebabkan ia tidak dapat digunakan pada tarikh yang dikehendaki sebagaimana keperluan pembelian berkenaan. Tindakan tidak dapat diambil ke atas kelewatan penerimaan barang kerana syarat kontrak sebut harga yang disediakan oleh PKBF tidak memasukkan klausa khusus tentang denda boleh mengakibatkan kepentingan Kerajaan terjejas.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF mengambil maklum perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan klausa berkaitan denda menyebabkan penghantaran bekalan tidak mengikut jadual dan denda tidak dapat dikenakan.

1.6.2.4. Projek Pembangunan Penyediaan Infra dan Fasiliti Pelancongan

Pada tahun 2016 dan 2017 kesemua 40 projek yang dirancang iaitu masing-masing sebanyak 19 projek dan 21 projek telah siap dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kelewatan Penyiapan Projek

- i. Mengikut Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3/2008 mengenai Pemberian Lanjutan Masa Kontrak Kerja, sebaik sahaja jelas bahawa kemajuan kerja terlewat, kontraktor hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis kepada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (PP) menyatakan sebab-sebab kelewatan berlaku disertakan dengan segala dokumen sokongan/tahap kerja kemajuan/program kerja bagi mengesahkan berlakunya kelambatan masa.
- ii. Semakan Audit mendapati 10 daripada 40 projek bernilai RM1.51 juta telah lewat disiapkan dengan kelulusan antara satu (1) hingga dua (2) Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa untuk tempoh satu (1) hingga dua (2) bulan. Analisis lanjut Audit terhadap projek yang memperoleh kelulusan Lanjutan Masa, alasan yang diberikan adalah kurang wajar iaitu berkaitan dengan masalah cuaca berikutan hujan di tapak bina, bekalan bahan binaan yang dihadapi oleh kontraktor dan kedudukan tapak semasa pemilihan projek melibatkan tujuh (7) projek bernilai RM1.1 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.13**.

JADUAL 1.13
PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN TIDAK
DISOKONG DENGAN DOKUMEN SOKONGAN SERTA ALASAN KURANG WAJAR

BIL.	NAMA PROJEK/ AGENCI PELAKSANA/ TARIKH ASAL SEPATUT SIAP	PERKARA/ TARIKH SIAP SEBENAR	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH LANJUTAN MASA/ ANTARA SEBAB LANJUTAN MASA YANG KURANG WAJAR
1.	Kerja-kerja Naik taraf di Kompleks Pelancongan dan Jeti Sg. Chini Pekan/ PDT Pekan Tarikh Asal Sepatut Siap: 20.09.2016	EOT 1/ 14.10.2016	299,980	20.09.2016 hingga 18.10.2016/ i. Faktor cuaca yang tidak menentu.
Maklum Balas PDT Pekan yang Diterima pada 18 September 2018 Pegawai Penguasa semasa projek dilaksanakan membuat keputusan berdasarkan situasi semasa dan tempoh lanjutan masa yang dimohon adalah wajar bagi menyiapkan projek.				
2.	Membina Sebuah Tandas & Kerja Berkaitan Di Mossy Forest/ JPNP Tarikh Asal Sepatut Siap: 10.01.2017	EOT 1/ 31.03.2017	380,405	10.01.2017 hingga 31.03.2017/ i. Cuaca yang tidak menentu iaitu sering hujan.
Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 18 September 2018 JPNP telah mengemukakan laporan meteorologi kepada pihak Audit setelah menerima teguran.				
3.	Kerja Baik Pulih Bangunan Pusat Anyaman dan Kraf Cherating/	EOT 1/ 22.07.2016	99,856	13.07.2016 hingga 22.07.2016/ i. Kerja-kerja mengecat permukaan

BIL.	NAMA PROJEK/ AGENSI PELAKSANA/ TARIKH ASAL SEPATUT SIAP	PERKARA/ TARIKH SIAP SEBENAR	KOS PROJEK (RM)	TEMPOH LANJUTAN MASA/ ANTARA SEBAB LANJUTAN MASA YANG KURANG WAJAR
	PDT Kuantan Tarikh Asal Sepatut Siap: 13.07.2016			tidak dapat dibuat kerana cuaca hujan.
Maklum Balas PDT Kuantan yang Diterima pada 18 September 2018				
PDT Kuantan telah mengemukakan Laporan Lawatan Tapak sebagai bukti cuaca hujan pada tempoh tersebut.				
4.	Menaik taraf Tandas Pantai Mempisang Pembangunan Pelancongan Negeri Pahang 2017/ PDT Rompin	EOT 1/ 31.10.2017	35,947	11.09.2017 hingga 02.10.2017/ i. Lewat terima bekalan. ii. Sistem air tiada. iii. Masalah cuaca yang tidak menentu.
	Tarikh Asal Sepatut Siap: 11.09.2017	EOT 2/ 31.10.2017		02.10.2017 hingga 31.10.2017/ i. Tapak yang salah ketika dalam pembinaan.
Maklum Balas PDT Rompin yang Diterima pada 18 September 2018				
PDT Rompin telah mengemukakan laporan meteorologi kepada pihak Audit setelah menerima teguran. Masalah tapak berlaku apabila Jawatankuasa Kecil Kampung Tanjung Gemok meminta supaya tapak projek dipindahkan dari tapak asal ke tapak baru.				
5.	Penyenggaraan Kawasan Pelancongan Kg. Batu Malim, Raub, Pahang/ PDT Raub	EOT 1/ 13.11.2017	130,000	08.10.2017 hingga 22.10.2017/ i. Cuaca tidak menentu. ii. Kelewatan pembekal mendapatkan bekalan bahan binaan.
	Tarikh Asal Sepatut Siap: 08.10.2017	EOT 2/ 13.11.2017		22.10.2017 hingga 13.11.2017 i. Keadaan cuaca yang tidak menentu terutama musim hujan dan banjir di kawasan kerja. ii. Kesukaran mendapatkan bekalan bahan binaan terutama "ready mix"
Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018				
PDT Raub telah mengemukakan gambar lokasi projek yang mengalami bencana banjir dan hanya mengemukakan surat permohonan kontraktor bagi memohon lanjutan masa bagi alasan kesukaran mendapat bekalan bahan binaan.				
6.	Bina Baru Tandas Awam Kawasan Rekreasi Kg Kempadang, Kuantan/ PDT Kuantan	EOT 1/ 24.11.2017	59,411	14.11.2017 hingga 24.11.2017/ i. Lewat mendapat kepastian kedudukan tandas secara khusus daripada pihak ketua kampung. ii. Keadaan cuaca yang tidak menentu menyebabkan proses pelaksanaan kerja tergendala.
	Tarikh Asal Sepatut Siap: 14.11.2017			
Maklum Balas PDT Kuantan yang Diterima pada 18 September 2018				
PDT Kuantan hanya mengemukakan surat permohonan kontraktor bagi memohon lanjutan masa bagi alasan cuaca tidak menentu dan kelewatan mendapat kepastian kedudukan tandas.				
7.	Projek Bina Baru Kemudahan Mercu Tanda Pelancongan Daerah Jerantut/ PDT Jerantut	EOT 1/ 13.12.2017	98,477	15.11.2017 hingga 13.12.2017/ i. Faktor cuaca yang tidak menentu.
	Tarikh Asal Sepatut Siap: 15.11.2017			
Maklum Balas PDT Jerantut yang Diterima pada 18 September 2018				
PDT Jerantut hanya mengemukakan surat permohonan kontraktor bagi memohon lanjutan masa bagi alasan cuaca tidak menentu.				
JUMLAH			1,104,076	

Sumber: BPEN

- iii. Berdasarkan alasan berkaitan dengan masalah cuaca, pihak Audit mendapati tiada laporan meteorologi dikemukakan oleh pihak kontraktor terlibat dan tiada rekod diselenggarakan oleh pihak agensi pelaksana sebagai pengesahan terhadap masalah cuaca yang dinyatakan di tapak. Selain itu, masalah pembekalan bahan binaan yang dihadapi oleh kontraktor juga didapati tidak wajar berikutan projek yang dilaksanakan tidak memerlukan bahan binaan yang khusus/ khas. Manakala alasan bagi pemilihan kedudukan tapak bina lewat adalah tidak wajar kerana ia boleh dikawal melalui perancangan terperinci dalam tempoh kontrak. Perkara tersebut juga telah dinyatakan terma kontrak di mana pihak kontraktor dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti tapak bina sebelum projek dilaksanakan.
- iv. Kelewatan penyiapan projek dengan kelulusan lanjutan masa berdasarkan alasan kurang wajar dan tiada penilaian terperinci dibuat sebelum lanjutan masa diluluskan menyebabkan projek lewat dimanfaatkan dan digunakan oleh pelancong serta kepentingan Kerajaan terjejas.

Pada pendapat Audit, proses perakuan kelambatan dan lanjutan masa adalah tidak cekap kerana alasan yang dikemukakan kurang wajar dan tiada penilaian terperinci dibuat sebelum lanjutan masa diluluskan.

b. Spesifikasi Kerja Tidak Lengkap dan Terperinci

- i. 1PP, PK 2.1 Perenggan 1 (iv) (c) menetapkan spesifikasi yang disediakan perlu mengandungi perkara-perkara seperti warna, saiz, bentuk, kualiti dan nisbah kandungan dan hendaklah dinyatakan dengan jelas serta terperinci supaya tidak menimbulkan keraguan kepada kontraktor/pembekal. Arahan Perbendaharaan 174.1(a) juga menetapkan apabila tender atau sebut harga dipelawa, spesifikasinya hendaklah jelas supaya petender mendapat gambaran mengenai kehendak Kerajaan. Ia juga penting bagi tujuan penyeliaan dan pemantauan serta menentukan butiran yang dinyatakan dalam spesifikasi dibekalkan/dilaksanakan.
- ii. Semakan Audit mendapati spesifikasi kerja bagi empat (10%) daripada 40 projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan berjumlah RM97,400 tidak lengkap dan terperinci bagi sesuatu kerja dan harga dinyatakan secara pukal. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.14**.

JADUAL 1.14
SPESIFIKASI KERJA TIDAK LENGKAP DAN TERPERINCI

BIL.	PERIHAL KERJA/ AGENSI PELAKSANA	BUTIRAN KERJA SEBUT HARGA	MAKLUMAT TIDAK LENGKAP	KOS KERJA TERLIBAT (RM)
1.	Membina Baru Pondok Rehat, Pantai Kampung Chendor, Kuantan/ PDT Kuantan	Kerja-kerja membina dan menyiapkan 3 unit pondok rehat seperti mana lukisan lampiran termasuk kerja-kerja berkaitan.	Spesifikasi/jenis jubin dan atap/kerja-kerja berkaitan yang dibina.	31,500
2.	Baikpulih Bangunan Pusat Anyaman Dan Kraf Kg. Cherating/ PDT Kuantan	Membekal dan memasang <i>awning</i> dek logam – 20 m (panjang)	Ukuran lebar bagi kerja pemasangan <i>awning</i>.	10,000
		Menukar atau membaiki pintu, pam tandas serta lurang tandas sehingga dapat digunakan semula dan lain-lain kerja berkaitan.	Jumlah, jenis dan kualiti pintu, pam tandas dan lurang tandas yang perlu dibaiki.	2,000
		Membekal dan memasang lekapan dinding dengan berpaksi “L” termasuk peletak barang jenis kaca seperti mana pengeluar atau pembuatan atau setara mengikut kesempurnaan spesifikasi kerja dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.	- Ukuran luas bagi kerja pemasangan lekapan dinding. - Jenis kaca yang digunakan.	2,000
3.	Bina Baru Tandas Awam, Kawasan Rehat Rekreasi, Kampung Kempadang, Kuantan/ PDT Kuantan	Kerja-kerja membina bangunan tandas berukuran 7.2m x 7.8m (anggaran kasar) serta kerja-kerja penyediaan tapak sebelum proses pembinaan menggantikan dan mengangkut keluar bahan kotoran serta kerja yang berkaitan.	Spesifikasi/jumlah/jenis bahan yang dibina.	30,000
		Kerja-kerja membekal, memasang dan menyiapkan dengan sempurna pemasangan paip bekalan air dalaman termasuk membekal dan memasang kelengkapan kebersihan seperti mana spesifikasi kerja dan arahan Pegawai Penguasa.	Jumlah, jenis, luas dan kualiti bagi kerja pemasangan paip bekalan air dalaman yang perlu dibekalkan.	4,500
4.	Naik taraf dan Bina Baru Taman Permainan Kanak-kanak Kawasan Pelancongan Kampung Batu Malim, Raub/ PDT Raub	Membina dan menyiapkan buaian, jongkang-jongket dan segala kerja berkaitan.	Jumlah, jenis dan kualiti buaian, jongkang-jongket dan segala kerja yang perlu dibekalkan.	9,600
		Menaik taraf kemudahan sedia ada di taman permainan dengan membuat kerja pembaikan konkrit, kimpalan dan mengecat lapisan anti <i>rust</i> dan lapisan terakhir.	- Ukuran luas bagi kerja pembaikan konkrit, kimpalan dan mengecat. - Kualiti dan saiz jubin. - Kualiti dan jenis cat.	7,800
JUMLAH				97,400

Sumber: BPEN dan Fail Projek Agensi Pelaksana

- iii. Butiran spesifikasi kerja yang tidak dinyatakan secara terperinci berlaku disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan mengakibatkan kesukaran untuk membuat perakuan kerja siap dan pengesahan pembayaran.

Pada pendapat Audit, kecekapan pengurusan projek terjejas kerana butiran spesifikasi kerja tidak dibuat selaras dengan peraturan kewangan.

c. Projek Siap Belum/Kurang Dimanfaatkan

- i. Projek pembinaan yang siap dilaksanakan sepatutnya dapat dimanfaatkan dengan segera serta penggunaan yang optimum oleh golongan sasar selaras dengan objektif pelaksanaan.
- ii. Pihak Audit mendapati setakat 30 Mei 2018 satu (1) projek bernilai RM380,405 belum dimanfaatkan penggunaannya selama 13 bulan selepas projek disiapkan. Selain itu, sebanyak dua (2) projek kurang dimanfaatkan dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 1.15**.

JADUAL 1.15
PROJEK PEMBANGUNAN PENYEDIAAN INFRA DAN
FASILITI PELANCONGAN YANG TELAH SIAP BELUM/KURANG DIMANFAATKAN

BIL.	PROJEK/ AGANSI PELAKSANA	NILAI KONTRAK (RM)	PENEMUAN AUDIT
1.	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Sebuah Tandas dan Lain-lain Kerja yang Berkaitan di <i>Mossy Forest</i> / JPNP	380,405	- Projek ini telah siap dibina pada 31 Mac 2017. Bagaimanapun, projek tersebut masih belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya walaupun selepas 13 bulan setakat 3 Mei 2018 projek disiapkan kerana tandas yang dibina masih belum dapat beroperasi disebabkan ketiadaan bekalan tenaga elektrik di rumah pam bagi mengepam sumber air bukit di Gunung Brinchang ke bangunan tandas. - Semakan selanjutnya, mendapati rumah pam air masih belum dapat beroperasi kerana masalah punca bekalan tenaga elektrik tidak dapat dibekalkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pada 30 Jun 2016, TNB memaklumkan persetujuan untuk membekalkan tenaga elektrik melalui pencawang elektrik yang sedia ada berdekatan dengan premis permohonan (rumah pam). - Bagaimanapun, pada 15 Disember 2016, TNB memaklumkan semula bahawa bekalan elektrik tidak dapat dibekalkan kerana jarak pencawang elektrik yang sedia ada melebihi 500 meter dari rumah pam serta ia akan mengakibatkan risiko kejatuhan voltan. Sehingga tarikh lawatan tapak dijalankan, perkara ini masih lagi belum selesai. (Gambar 1.1)
2.	Naik taraf Projek Tasik Burung Mandi, Kemahang, Lipis/ PKBF	196,100	- Projek ini telah siap pada 5 Disember 2016. Antara skop kerja yang dilaksanakan adalah membina tandas awam, membina tapak gerai jualan, membina jeti dan menaik taraf rumah wakaf sedia ada. - Bagaimanapun, lawatan Audit pada 13 Mac 2018 mendapati kawasan persekitaran tidak bersih dan projek kurang dimanfaatkan. Didapati juga pembinaan tapak gerai jualan adalah kurang praktikal kerana kafe telah disediakan. Selain itu, program promosi dan pelaksanaan aktiviti tidak dirancang bagi memanfaatkan sepenuhnya kegunaan projek. - Berdasarkan kalendar acara tahunan, hanya satu program diadakan di lokasi ini. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PKBF, kawasan ini dijaga/dipantau oleh pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kawasan tanpa dikenakan sebarang bayaran. (Gambar 1.2)
3.	Naik taraf Gelanggang BMX di Kompleks SUKPA, Kuantan/ MSP/JKR	96,346	- Projek ini telah siap pada 30 Oktober 2017. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati projek tersebut tidak dapat berfungsi sepenuhnya dengan baik disebabkan kerja membekal dan menghampar <i>quarry dust</i>; kerja pembinaan tangki najis dan kerja pembinaan longkang, lurang dan takungan bernilai RM36,895 tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi butiran kerja sebut harga yang ditetapkan serta tiada bayaran dibuat ke atas item kerja tersebut. - Keadaan <i>trex section</i> yang kurang sempurna disebabkan kerja membekal dan menghampar <i>quarry dust</i> tidak dilaksanakan boleh mendatangkan risiko kemalangan kepada atlet dan mengakibatkan air hujan bertakung di gelanggang. (Gambar 1.3)
JUMLAH		672,851	

Sumber: BPEN dan Fail Projek Agensi Pelaksana

GAMBAR 1.1



Bangunan Tandas Di Mossy Forest, Cameron Highlands
- Keadaan Tandas yang Belum Dimanfaatkan Kerana Bekalan Elektrik Belum Dapat Dibekalkan (03.05.2018)

GAMBAR 1.2



Gerai Jualan di Tasik Burung Mandi, Kemahang Benta,
- Keadaan Bangunan Gerai yang Telah Dibina Tetapi Kurang Dimanfaatkan (13.03.2018)

GAMBAR 1.3



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Air Hujan Bertakung di Gelanggang BMX (04.05.2018)

GAMBAR 1.4



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Hamparan *Quarry Dust* Telah Dilaksanakan (September 2018)
(Sumber: JKR Daerah Kuantan)

- iii. Projek siap yang masih belum digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya berlaku disebabkan kelemahan perancangan awalan pengurusan projek dan keadaan ini akan menyebabkan kerugian dan pembaziran.

Maklum Balas JPNP yang Diterima pada 18 September 2018

Kemudahan tandas di *Mossy Forest* boleh beroperasi tetapi terhad kepada program khas seperti lawatan yang diatitkan dengan mengisi air ke tangki secara manual oleh kakitangan Pejabat Hutan Daerah Cameron Highlands. Pihak Tenaga Nasional Berhad telah meluluskan cadangan tapak pencawang elektrik bertarikh 22 Mei 2018. JPNP juga telah membuka sebut harga bagi kerja membina dan menyiapkan tadahan air untuk tandas tersebut pada 4 September 2018.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

Kawasan Tasik Burung Mandi merupakan kawasan litar untuk sukan bermotor lasak digunakan semasa acara bermusim mengikut keadaan cuaca. Sehubungan itu, kawasan ini telah diselaraskan oleh PDT Lipis dengan

kerjasama Kelab Sukan Bermotor Burung Mandi bagi memastikan ia diselenggarakan dengan teratur dan baik.

Maklum Balas JKR Daerah Kuantan yang Diterima pada 18 September 2018

Kekangan peruntukan kewangan menyebabkan skop kerja pembinaan tandas dan bilik persalinan tiada dinyatakan. Masalah air bertakung di tapak bina dapat diselesaikan setelah 'trex section' dihampar dengan 'quarry dust' seperti Gambar 1.4.

Pada pendapat Audit, kecekapan pengurusan projek terjejas kerana terdapat projek siap yang masih belum digunakan dan dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru itu, wujud keperluan penambahbaikan dalam perancangan pelaksanaan projek.

d. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

- i. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan sempurna serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.
- ii. Berdasarkan lawatan Audit ke 14 tapak projek yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2018 mendapati kualiti kerja yang dilaksanakan kurang memuaskan bagi tujuh (7) projek dengan nilai kontrak berjumlah RM1.35 juta walaupun baru disiapkan antara enam (6) hingga 20 bulan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.16**.

JADUAL 1.16
KUALITI KERJA KURANG MEMUASKAN

BIL.	PROJEK/ AGENSI PELAKSANA	NILAI KONTRAK (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI (AGENSI PELAKSANA) DITERIMA PADA 18 SEPTEMBER 2018
1.	Naik taraf Gelanggang BMX Di Kompleks SUKPA, Kuantan. - MSP/ JKR Daerah Kuantan	96,346	• Permukaan Dinding Bangunan Tidak Kemas Kerana Terdapat Paku pada Dinding. (Gambar 1.5) • Pemasangan Tiang Kerangka yang Tidak Sama. (Gambar 1.7)	JKR Daerah Kuantan memaklumkan kerja mencabut paku dinding telah dibuat dan kerja pembaikan pemasangan tiang kerangka telah dibaiki. (Gambar 1.6 dan Gambar 1.8)
2.	Membina Baru Pondok Rehat di Pantai Kampung Chendor/ PDT Kuantan	35,550	• Kerosakan pada Permukaan Meja <i>Semiferro</i>. (Gambar 1.9)	PDT Kuantan memaklumkan kerosakan meja telah dibaiki dan ditambah baik dengan ikatan batu-bata. (Gambar 1.10)
3.	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan Sebuah Tandas Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di <i>Mossy Forest</i> / JPNP	380,405	• Pagar Bahagian Belakang Rumah Pam Rosak. (Gambar 1.11)	JPNP memaklumkan pagar telah dibaiki setelah kerosakan disebabkan kemungkinan dihempap pokok atau vandalisme. (Gambar 1.12)
4.	Mereka bentuk Dan Memasang Papan Tanda Baru Kawasan	356,100	• Papan Tanda yang Tercabut. (Gambar 1.13)	PKBF memaklumkan surat kepada Majlis Daerah Lipis bertarikh 9 Ogos 2018 bagi memohon kontraktor

BIL.	PROJEK/ AGANSI PELAKSANA	NILAI KONTRAK (RM)	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS AUDITI (AGANSI PELAKSANA) DITERIMA PADA 18 SEPTEMBER 2018
	Pelancongan Negeri Pahang 2016/ PKBF			memasang semula papan tanda yang dicabut daripada kedudukan asal kerana terdapat kerja-kerja pelebaran jalan dan membina tempat letak kenderaan.
5.	Menaik taraf Tandas Di Air Terjun Pelangi, Sungai Leming/ JPNP	99,983	- Lapisan Cat Bangunan Telah Luntur. (Gambar 1.14) - Struktur Longkang Telah Retak dan Pecah. (Gambar 1.15) - Lantai Konkrit yang Telah Retak dan Pecah. (Gambar 1.16)	JPNP memaklumkan lapisan cat telah luntur disebabkan faktor cuaca tidak menentu. Manakala struktur longkang dan lantai konkrit yang telah retak dan pecah disebabkan menjadi laluan pusungan 'U' kenderaan pacuan empat roda dan jentera berat dan laluan kumpulan gajah.
6.	Baik pulih dan Naik taraf Di Kompleks Pelancongan Dan Jeti Sungai Chini, Pekan/ PDT Pekan	286,081	Pintu Pagar Tidak Dapat Digunakan Kerana Besi Gelongsor pada Roda Telah Patah. (Gambar 1.17)	PDT Pekan memaklumkan besi gelongsor patah akibat penggunaan biasa dan berlaku selepas tamat tempoh kecacatan.
7.	Projek Pintu Gerbang Tasik Chini, Pekan/ PKBF	98,000	Keadaan Struktur Beam yang Tidak Kemas dan Telah Retak. (Gambar 1.18)	PKBF memaklumkan warna hijau lumut yang tumbuh pada struktur beam telah mengubah warna dan menjejaskan pandangan.
JUMLAH		1,352,465		


Sumber: BPEN dan Fail Projek Agensi Pelaksana

GAMBAR 1.5



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Permukaan Dinding Bangunan Tidak Kemas Kerana
Terdapat Paku pada Dinding
(25.04.2018)

GAMBAR 1.6



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Paku pada Dinding Telah Dikemas
(September 2018)
(Sumber: JKR Daerah Kuantan)

GAMBAR 1.7



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Pemasangan Tiang Kerangka yang Tidak Sama
(25.04.2018)

GAMBAR 1.8



Gelanggang BMX, Kompleks SUKPA
- Tiang Kerangka yang Tidak Sama Telah Dibaiki
(September 2018)
(Sumber: JKR Daerah Kuantan)

GAMBAR 1.9



Pondok Rehat, Pantai Kampung Chendor
- Keretakan pada Permukaan Meja *Semiferro*
(19.04.2018)

GAMBAR 1.10



Pondok Rehat, Pantai Kampung Chendor
- Kerosakan Meja Telah Dibaiki dan Ditambah Baik
(September 2018)
(Sumber: PDT Kuantan)

GAMBAR 1.11



Rumah Pam, Mossy Forest, Cameron Highlands
- Pagar Bahagian Belakang Rumah Pam Rosak
(03.04.2018)

GAMBAR 1.12



Rumah Pam, Mossy Forest, Cameron Highlands
- Pagar Bahagian Belakang Rumah Pam Telah Dibaiki
(September 2018)
(Sumber: JPNP)

GAMBAR 1.13



Taman Rimba Kenong
- Papan Tanda yang Tercabut
(13.03.2018)

GAMBAR 1.14



Bangunan Tandas, Air Terjun Pelangi
- Lapisan Cat Bangunan Telah Luntur
(24.04.2018)

GAMBAR 1.15



Bangunan Tandas, Air Terjun Pelangi
- Struktur Longkang Telah Retak dan Pecah
(24.04.2018)

GAMBAR 1.16



Bangunan Tandas, Air Terjun Pelangi
- Lantai Konkrit Telah Retak dan Pecah
(24.04.2018)

GAMBAR 1.17



Kompleks Pelancongan Dan Jeti Sungai Chini, Pekan
- Pintu Pagar Tidak Dapat Digunakan Kerana Besi
Gelongsor pada Roda Telah Patah
(17.04.2018)

GAMBAR 1.18



Pintu Gerbang Tasik Chini, Pekan
- Keadaan Struktur *Beam* yang Tidak Kemas dan Telah
Retak
(17.04.2018)

- iii. Kualiti kerja yang kurang memuaskan berlaku disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan mengakibatkan keselamatan dan keselesaan pelancong serta imej Kerajaan terjejas.

Pada pendapat Audit, kualiti kerja projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan masih boleh dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan kepada *standard* dan spesifikasi yang ditetapkan oleh kontrak.

1.6.2.5. Pentadbiran Kontrak Projek/Program

a. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan

- i. 1PP, PK 4 Perenggan 1(iii)b(2) dan Arahan Perbendaharaan 176.2(a) menetapkan bon pelaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM200,000 dan tidak melebihi RM500,000 dengan kadar 2.5% daripada nilai kontrak. Bagi nilai kontrak melebihi RM500,000 kadar dikenakan adalah sebanyak 5% daripada nilai kontrak. Selain itu, 1PP, PK 4 Perenggan 1 (iii) b (3) dan Arahan Perbendaharaan 200.2 (a) menjelaskan bon pelaksanaan untuk kontrak kerja, kadarnya ialah 5% daripada nilai kontrak bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM200,000.
- ii. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan tidak dikenakan terhadap enam (6) daripada lapan (8) perolehan kerja serta bekalan dan perkhidmatan melibatkan jumlah kontrak bernilai RM1.68 juta. Mengikut pengiraan Audit jumlah nilai bon pelaksanaan yang tidak dikenakan bagi perolehan tersebut berjumlah RM70,013. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.17**.

JADUAL 1.17
BON PELAKSANAAN YANG TIDAK DIKENAKAN KE ATAS
PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SERTA KERJA

BIL.	NO. SEBUT HARGA/ AGANSI PELAKSANA	AMAUN KONTRAK (RM)	BON PELAKSANAAN YANG TIDAK DIKENAKAN (RM)	CATATAN
A) BEKALAN DAN PERKHIDMATAN				
1.	PKBF/PP:08-002/98 (5)/ PKBF	230,300	5,758	Mereka bentuk dan Mencetak Risalah Serta Acara Pelancongan Negeri Pahang.
2.	P:100-6/4/17/SH (2)/ PKBF	320,120	8,003	Membekal Perkhidmatan Peralatan Teknikal Sempena Majlis Pengisytiharan Tahun Melawat Pahang 2017.
JUMLAH		550,420	13,761	
B) KERJA				
3.	PDCH/PD.03/PF.001/SJ :1/ PDT Cameron Highlands	342,900	17,145	Bina Baru Menara Pandang Hentian Pondok 2, <i>Mossy Forest</i> , Cameron Highlands.
4.	PP/100-32/6/1/16/ PKBF	202,545	10,127	Kerja-kerja Mereka bentuk, Membina dan Memasang Papan Tanda Pelancongan Tahun Melawat Pahang 2017.
5.	PP:100-32/6/2/16/ PKBF	356,100	17,805	Khidmat Mereka bentuk dan Memasang Papan Tanda Baru Kawasan Pelancongan Negeri Pahang.
6.	BBE 111/2016/ Majlis Perbandaran Bentong	223,500	11,175	Cadangan Pembangunan Prasarana Infrastruktur Di Kolam Air Panas, Bentong.
JUMLAH		1,125,045	56,252	
JUMLAH KESELURUHAN		1,675,465	70,013	

Sumber: BPEN dan Fail Projek Agensi Pelaksana

- iii. Bon pelaksanaan tidak dikemukakan disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan mengakibatkan kepentingan Kerajaan terjejas sekiranya berlaku pelanggaran syarat kontrak.

Maklum Balas BPEN yang Diterima pada 18 September 2018

BPEN mengambil maklum perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak berkaitan bon pelaksanaan tidak cekap dan boleh ditambah baik bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

b. Polisi Insurans Tidak Dikemukakan

- i. 1PP, PK 4.2 Perenggan 9.19.9 menetapkan agensi hendaklah memastikan syarikat telah mengemukakan kepada kerajaan polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan (sekiranya ada) sebelum membekalkan barang atau memulakan perkhidmatan. Manakala syarat sebut harga menetapkan penender perlu mengemukakan Insurans Liabiliti Awam/ Kerja dan Insurans Pampasan Kerja kepada Pegawai Penguasa/Inden sebelum memulakan kerja.
- ii. Semakan Audit terhadap baucar bayaran melibatkan 40 projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan mendapati polisi insurans tidak disediakan bagi tiga (3) projek yang dilaksanakan oleh PKBF bernilai RM0.66 juta.
- iii. Polisi insurans tidak disediakan disebabkan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara teliti oleh pihak pengurusan mengakibatkan kepentingan Kerajaan terjejas sekiranya berlaku sebarang kemalangan.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF mengambil maklum perkara ini dan tindakan sewajarnya akan diambil pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak berkaitan polisi insurans tidak cekap dan boleh ditambah baik bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

1.6.2.6. Pemantauan

- a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 berkaitan Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* dalam Perenggan 3.3 menjelaskan Penubuhan Jawatankuasa Kerja/Pasukan kajian hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang terlibat dalam program/projek pembangunan tersebut pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Sekiranya program/projek pembangunan dinilai melibatkan pelbagai kementerian/agensi jawatankuasa tersebut hendaklah dipengerusikan oleh kementerian/agensi yang mengetuai Bidang Keberhasilan Utama. Perenggan 3.10, pekeliling tersebut juga menjelaskan

laporan penilaian *outcome* sepatutnya dibentangkan dan dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi kementerian/jabatan/agensi/sendiri.

b. Mesyuarat Penyelarasan Kerjasama Dalam Industri Pelancongan

- i. Laman sesawang PKBF (*Tourism Pahang*) mempunyai ruang maklum balas orang ramai. Sebanyak 32 aduan/maklum balas diterima pada tahun 2017. Namun begitu, tiada bukti aduan/maklum balas diambil tindakan sewajarnya oleh pihak PKBF. Selain itu, didapati tiada data aduan/maklum balas direkodkan pada tahun 2015 dan 2016. Pihak Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan hanya melibatkan jabatan dan agensi pelaksana bagi membincang dan menyelaras peranan pemain industri pelancongan secara khusus dan terperinci sebanyak 3 kali pada tahun 2016 dan satu (1) kali pada tahun 2017.
- ii. Ketiadaan ketetapan mesyuarat penyelarasan kerjasama dalam industri pelancongan yang melibatkan agensi jabatan kerajaan, pengusaha hotel, pengendali produk dan pengurus acara, agensi pelancongan, pengangkutan dan *homestay* mengakibatkan peranan pemain industri tidak dapat berfungsi dengan baik dan berkesan.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

Maklum balas terhadap aduan pada tahun 2015 dan 2016 telah diberi melalui e-mel dan tidak disimpan dan difailkan. Selain itu, di peringkat daerah Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah sebagai urus setia.

Pada pendapat Audit, kerjasama dalam industri pelancongan boleh dipertingkatkan dengan penambahbaikan bagi memastikan penyelarasan peranan semua pemain industri diambil tindakan sewajarnya.

c. Laporan Maklumat Pelancong dan Penilaian Kemudahan Pelancong

- i. Semakan Audit mendapati PKBF belum menyediakan pangkalan data mengenai semua maklumat pelancong. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2015 hingga 2017, tiada soal selidik pelancong dan kajian pasaran dijalankan. Selain itu, tiada laporan disediakan bagi

penilaian kemudahan pelancong bagi 10 jenis ikon pelancongan selaras dengan kehendak PTPP 2015.

- ii. Penyediaan laporan maklumat pelancong dan penilaian kemudahan pelancong tidak dijelaskan secara terperinci dalam garis panduan atau prosedur berkaitan. Ketiadaan maklumat pelancong dan penilaian kemudahan pelancong mengakibatkan pelan promosi pelancongan yang disediakan tidak mengambil kira kehendak pelancong.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF akan mengambil tindakan penambahbaikan. Selain itu, PKBF telah mengambil langkah menyediakan borang soal selidik kajian ke atas kecenderungan/tingkah laku perbelanjaan pelancong yang telah mula diedarkan semasa pameran pelancong MATTA Fair 2018 pada 7 hingga 9 September 2018.

Pada pendapat Audit, pemantauan melalui laporan maklumat pelancong dan penilaian kemudahan pelancong boleh dipertingkatkan dengan penambahbaikan bagi memastikan pelan promosi pelancongan yang disediakan bersesuaian dengan kehendak pelancong.

d. Laporan Analisis Aktiviti Program Promosi Pelancongan

- i. Semakan Audit mendapati tiada analisis aktiviti promosi pelancongan dilaporkan dan dibincangkan bagi mengukur keberkesanan program promosi melalui mesyuarat yang diadakan seperti Mesyuarat Lembaga Pengarah PKBF serta Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang.
- ii. Penyediaan laporan analisis tidak dijelaskan secara terperinci dalam garis panduan atau prosedur berkaitan. Sehubungan itu, pihak pengurusan tidak dapat membuat perancangan dan keputusan yang tepat kerana ketiadaan laporan dilaporkan dan dibentangkan berkaitan analisis aktiviti promosi dan pengurusan produk pelancongan bagi mengukur keberkesanannya untuk menarik kedatangan pelancong.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF memaklumkan bahawa tiada analisis *post-mortem* bagi setiap aktiviti promosi pelancongan dan agensi akan mengambil tindakan

penambahbaikan bagi tujuan memantau keberkesanan program promosi pada masa hadapan.

Pada pendapat Audit, pemantauan daripada pihak yang bertanggungjawab kurang berkesan kerana laporan analisis program promosi pelancongan tidak dibuat bagi membuat perancangan program promosi yang berkesan.

e. Rancangan Strategik Pelancongan

- i. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1/1992 menjelaskan salah satu aspek utama Pengurusan Kualiti Menyeluruh adalah strategi yang mengandungi penambahbaikan yang berterusan; melibatkan seluruh organisasi; tindakan-tindakan yang strategik; berorientasikan matlamat jangka panjang; pengawalan kos kualiti; tindakan pencegahan; menekankan kepastian kualiti; dan penyelesaian masalah secara sistematik. Perenggan 39, pekeling yang sama menjelaskan keupayaan jabatan menghasilkan output yang berkualiti memerlukan perancangan yang berkesan.
- ii. Semakan Audit mendapati PTPP 2015 telah dirangka sebagai peta pembangunan industri pelancongan Negeri Pahang bagi membentuk hubungan jalin yang konstruktif di kalangan pemain-pemain industri pelancongan. Namun begitu, rancangan strategik pelancongan tidak disediakan secara khusus untuk membangunkan sektor pelancongan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 yang menyokong (PSPTENP 2016-2020).
- iii. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PKBF, ketiadaan sambungan Rancangan Strategik secara khusus bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 kerana pelaksanaan Program Kempen Tahun Melawat Pahang Tahun 2017. Ini mengakibatkan tiada pelan strategi penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai matlamat.

Maklum Balas PKBF yang Diterima pada 18 September 2018

PKBF pernah mengadakan Seminar dan Bengkel Pelan Tindakan Pelancongan Negeri Pahang pada bulan September 2013 bagi membincangkan sejauh mana produk pelancongan seperti destinasi, infrastruktur, kemudahan asas dan kemudahan penginapan dan lain-lain yang berkaitan supaya memenuhi kepelbagaian cita rasa pelancong. PKBF akan mengambil inisiatif untuk mengadakan satu bengkel khas bagi mengemas kini Pelan Tindakan Pelancongan Negeri Pahang.

Pada pendapat Audit, pengurusan perancangan pemantauan kurang cekap kerana tiada pelan strategi penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai matlamat organisasi bagi memperkasakan sektor pelancongan.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan dilakukan, disyorkan BPEN, PKBF dan agensi pelaksana yang terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:

1.7.1. membuat perancangan dan kajian dengan teliti agar semua aktiviti promosi dan projek pembangunan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan tiada pembaziran berlaku;

1.7.2. Rancangan Strategik Pelancongan hendaklah disediakan dengan lebih komprehensif dan mengambil kira perkembangan industri pelancongan semasa serta mempertingkatkan kerjasama antara pemain industri;

1.7.3. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci di dalam pelaksanaan projek dan pengurusan kewangan selaras dengan peraturan yang ditetapkan agar kerja yang dilaksanakan berkualiti dan kepentingan Kerajaan terpelihara; dan

1.7.4. memberi latihan yang berterusan dan bersesuaian kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi meningkatkan tahap pengetahuan serta kemahiran kerja dalam pengurusan kewangan dan program.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH RAUB

2. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pejabat Daerah dan Tanah Raub (PDT) ditubuhkan pada Mei 1899 bagi menguruskan pentadbiran tanah seperti pemberimilikan tanah, pembangunan tanah dan memungut hasil cukai tanah. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Pahang 1992, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang. Pemberimilikan tanah Kerajaan merupakan pelupusan tanah Kerajaan untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selama-selamanya seperti yang termaktub di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Kuasa untuk melupuskan tanah Kerajaan secara pemberimilikan terletak pada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah Seksyen 42(1)(a) KTN dan boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pentadbir Tanah. Menurut Seksyen 78(3) KTN, pemberimilikan tanah Kerajaan hendaklah berkuat kuasa apabila dokumen hak milik didaftarkan. Tanah yang telah diluluskan untuk pemberimilikan masih terus bertaraf tanah Kerajaan selagi hak milik tidak didaftarkan.

2.1.2. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, jabatan atau agensi Kerajaan dan swasta untuk tujuan pertanian, pembinaan bangunan dan operasi perindustrian. Setiap permohonan pemberimilikan yang diluluskan oleh PBN perlu dijelaskan bayaran cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur dan bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Muktimad. Bidang kuasa PDT Raub tertakluk kepada hal ehwal pentadbiran kawasan dalam Daerah Raub seluas 226,833 hektar atau 2,269 km persegi. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, PDT Raub menerima sebanyak 6,506 permohonan pemberimilikan tanah seperti **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

JENIS PERMOHONAN	TAHUN					JUMLAH KESELURUHAN
	2013	2014	2015	2016	2017	
Individu	1,457	1,665	799	994	669	5,584
Agensi Kerajaan	22	6	221	625	43	917
Agensi Swasta	-	-	1	-	4	5
JUMLAH	1,479	1,671	1,021	1,619	716	6,506

Sumber: PDT Raub

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan pemberimilikan tanah dilaksanakan secara cekap dan berkesan serta mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Kanun Tanah Negara dan pentadbiran negeri.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini terbahagi kepada dua (2) elemen iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan permohonan dan kelulusan permohonan pemberimilikan tanah, proses penyelesaian permohonan dan kelulusan pemberimilikan tanah, proses siasatan dan laporan siasatan tanah serta kutipan hasil pemberimilikan tanah. Manakala pengurusan aktiviti meliputi deposit tanah dan pewartaan serta pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan pemberimilikan tanah yang dilaksanakan oleh PDT Raub bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017. Sampel pengauditan terdiri daripada 800 fail (12.3%) daripada 6,506 permohonan pemberimilikan tanah yang diterima bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail permohonan, mengkaji maklumat terhadap daftar permohonan tanah, dokumen bayaran hasil, peraturan serta minit mesyuarat berkaitan dengan pengurusan pemberimilikan tanah. Selain itu, temu bual dengan pegawai daripada PDT Raub juga telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pengurusan pemberimilikan tanah. Lawatan Audit ke 80 lokasi tapak tanah juga telah dilakukan bersama pegawai PDT Raub di tujuh (7) mukim di Daerah Raub bagi menentukan sama ada tanah yang dimohon telah diusahakan mengikut syarat yang diluluskan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Julai 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Aktiviti Pemberimilikan Tanah

Prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub bagi bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah berbanding dengan bilangan permohonan yang belum selesai. Bilangan permohonan yang telah selesai iaitu sebanyak 2,717 (41.8%) permohonan

manakala bilangan permohonan yang masih belum selesai adalah sebanyak 3,789 (58.2%) permohonan. Selain itu, prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub dari tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah semakin menurun pada setiap tahun. Berdasarkan sampel yang dipilih mendapati pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelewatan dalam memproses kelulusan permohonan tanah. Selain itu, PDT Raub tidak menetapkan sasaran bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah yang perlu diselesaikan pada setiap tahun dan menyukarkan PDT Raub untuk mengukur kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah. Manakala prestasi keseluruhan kutipan hasil pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah RM8.21 juta berbanding sasaran kutipan berjumlah RM8.44 juta dengan kurangan kutipan sejumlah RM227,074. Kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tiga (3) daripada lima (5) tahun tidak mencapai sasaran disebabkan penetapan sasaran kutipan yang tidak konsisten pada setiap tahun.

b. Pengurusan Aktiviti Pemberimilikan Tanah

Pengurusan aktiviti pemberimilikan tanah bagi bilangan Notis Borang 5A sebanyak 623 dan jumlah belum bayar sejumlah RM6.64 juta serta tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran Notis Borang 5A tidak dapat disahkan. Permohonan rayuan pengurangan bayaran premium Notis Borang 5A pada tahun 2017 pula menyumbang kepada kekurangan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, sejumlah RM157,770 deposit tanah masih belum dituntut atau dikembalikan kepada pemohon. Pewartaan tanah bandar/pekan Daerah Raub bagi sembilan (9) kawasan tidak dilaksanakan. Manakala pemantauan dan penguatkuasaan permohonan pemberimilikan tanah juga perlu ditambah baik di mana berlaku tanah yang belum/tidak mendapat kelulusan pemberimilikan telah diusahakan.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah iaitu sebanyak 2,717 (41.8%) permohonan berbanding dengan bilangan permohonan yang belum selesai (dalam proses) iaitu sebanyak 3,789 (58.2%). Selain itu, peratus penyelesaian permohonan tanah semakin menurun pada setiap tahun;
- b. kelewatan tempoh masa antara 14 hari hingga 76 bulan dalam memproses permohonan pemberimilikan tanah;

- c. kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 bagi PDT Raub adalah berjumlah RM8.21 juta berbanding sasaran kutipan berjumlah RM8.44 juta dengan kurangan kutipan sejumlah RM227,074;
- d. ketepatan bilangan Notis Borang 5A sebanyak 623 dan amaun belum bayar berjumlah RM6.64 juta serta tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran Notis Borang 5A tidak dapat disahkan;
- e. sebanyak 36 permohonan yang diluluskan pemberimilikan tanah oleh PBN pada tahun 2017 mendapat pengurangan premium berjumlah RM770,871. Selain itu, sejumlah RM157,770 deposit bagi 18 permohonan masih belum dituntut atau dikembalikan kepada pemohon;
- f. pewartaan tanah bandar/pekan daerah Raub tidak dilaksanakan; dan
- g. seramai 19 pemohon telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum permohonan tanah diluluskan. Selain itu, seramai tiga (3) pemohon telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum kelulusan pemberimilikan tanah dan sebanyak lima (5) permohonan pemberimilikan tanah yang tidak diluluskan oleh PBN telah diusahakan oleh pemohon secara haram.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDT Raub telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 18 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Permohonan dan Penyelesaian Pemberimilikan Tanah

2.6.1.1. Seksyen 43 KTN 1965, menetapkan permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan boleh diterima antaranya daripada perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaannya untuk memiliki tanah. Ia termasuk pertubuhan yang ditubuhkan di bawah undang-undang persekutuan atau negeri (agensi Kerajaan negeri dan perbadanan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 (agensi swasta) serta syarikat berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*)).

2.6.1.2. Manakala Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) menetapkan pemberimilikan tanah Kerajaan merupakan pelupusan tanah Kerajaan untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selama-selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah Kerajaan secara pemberimilikan terletak pada Pihak

Berkuasa Negeri (PBN) di bawah Seksyen 42(1)(a) KTN dan boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pentadbir Tanah.

2.6.1.3. Semakan Audit terhadap fail permohonan pemberimilikan tanah mendapati pemberimilikan tanah di Daerah Raub melibatkan permohonan daripada individu, agensi Kerajaan, Badan-badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan syarikat swasta untuk dijadikan tapak pertanian, tapak kediaman atau bangunan. Permohonan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 mendapati sebanyak 6,506 permohonan telah diterima oleh PDT Raub. Butiran lanjut mengenai permohonan pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 di PDT Raub adalah seperti **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH
MENGIKUT KATEGORI PEMOHON BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PERMOHONAN					JUMLAH
	INDIVIDU	AGENCI KERAJAAN	BBN	PBT	SYARIKAT SWASTA	
2013	1,457	5	16	1	-	1,479
2014	1,665	2	4	-	-	1,671
2015	799	215	-	6	1	1,021
2016	994	622	2	1	-	1,619
2017	669	7	23	13	4	716
JUMLAH	5,584	851	45	21	5	6,506

Sumber: PDT Raub

2.6.1.4. Analisis Audit mendapati daripada 6,506 permohonan yang diterima, sebanyak 5,584 (85.8%) permohonan telah diterima daripada individu dan 851 (13.1%) permohonan telah diterima daripada agensi Kerajaan seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Manakala sebanyak 71 (1.1%) permohonan telah diterima daripada BBN, PBT dan syarikat swasta yang terdiri daripada Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), Majlis Daerah Raub (MDR) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

2.6.1.5. Semakan Audit terhadap daftar permohonan pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 di PDT Raub mendapati sebanyak 6,506 permohonan telah diterima. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak 926 (14.2%) permohonan yang diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN, sebanyak 1,751 (27%) permohonan telah ditolak ringkas oleh PDT Raub dan sebanyak 40 (0.6%) permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN. Keseluruhan permohonan pemberimilikan tanah yang telah selesai adalah berjumlah 2,717 (41.8%) permohonan.

2.6.1.6. Semakan Audit selanjutnya mendapati, permohonan pemberimilikan yang diterima pada setiap tahun akan diselesaikan dalam tempoh dua (2) tahun selepas fail dibuka. Namun begitu, fail tahun semasa boleh diselesaikan dalam tahun yang sama mengikut keperluan. Manakala bilangan permohonan pemberimilikan tanah yang masih belum selesai di PDT Raub pula sebanyak 3,789 (58.2%) permohonan. Butiran lanjut mengenai prestasi penyelesaian pemberimilikan tanah adalah seperti **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
PRESTASI PENYELESAIAN PERMOHONAN
PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TEMP OH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PERMOHONAN TERIMA	BILANGAN PERMOHONAN SELESAI				BILANGAN PERMOHONAN BELUM SELESAI	PERATUS PENYELESAIAN PERMOHONAN (%)
		LULUS PBN	TOLAK RINGKAS	TIDAK LULUS PBN	JUMLAH		
2013	1,479	38	762	28	828	651	56
2014	1,671	31	786	11	828	843	49.6
2015	1,021	239	196	1	436	585	42.7
2016	1,619	617	6	-	623	996	38.5
2017	716	1	1	-	2	714	0.3
JUMLAH	6,506	926	1,751	40	2,717	3,789	41.8

Sumber: PDT Raub

2.6.1.7. Analisis Audit terhadap prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub bagi tempoh dari tahun 2013 hingga tahun 2017 mendapati bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah adalah rendah berbanding dengan bilangan permohonan yang belum selesai. Bilangan permohonan yang telah selesai iaitu sebanyak 2,717 (41.8%) permohonan manakala bilangan permohonan yang masih belum selesai adalah sebanyak 3,789 (58.2%) permohonan.

2.6.1.8. Selain itu, analisis Audit terhadap bilangan permohonan yang selesai mendapati pada tahun 2013, sebanyak 828 (56%) pemberimilikan tanah yang dapat diselesaikan daripada 1,476 permohonan yang diterima. Manakala pada tahun 2014 dan 2015, bilangan permohonan pemberimilikan tanah yang dapat diselesaikan adalah masing-masing sebanyak 828 (49.6%) daripada 1,671 permohonan dan sebanyak 436 (42.7%) daripada 1,021 permohonan yang diterima. Pada tahun 2016 pula, bilangan permohonan pemberimilikan tanah yang dapat diselesaikan adalah sebanyak 623 (38.5%) daripada 1,619 permohonan. Pada tahun 2017, hanya sebanyak dua (2) (0.3%) daripada 716 permohonan pemberimilikan tanah yang dapat diselesaikan.

2.6.1.9. Pihak Audit juga mendapati prestasi peratus penyelesaian permohonan adalah semakin menurun pada setiap tahun dari tempoh tahun 2013 hingga 2017. Pada tahun 2013, peratus penyelesaian permohonan

pemberimilikan tanah adalah sebanyak 56% menurun kepada 49.6% pada tahun 2014 iaitu peratus penurunan sebanyak 6.4%. Manakala pada tahun 2015, penurunan peratus penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah daripada 42.7% kepada 38.5% pada tahun 2016. Pada tahun 2017 pula, penurunan peratus penyelesaian permohonan pemberimilikan semakin ketara iaitu sebanyak 38.2% daripada 38.5% kepada 0.3% berbanding pada tahun 2016. Selain itu, PDT Raub juga tidak menetapkan sasaran bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah yang perlu diselesaikan pada setiap tahun menyukarkan PDT Raub untuk mengukur kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah.

2.6.1.10. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan PDT Raub perlu menyelesaikan fail permohonan yang tertunggak sebelum tahun 2013 iaitu sebanyak 5,949 permohonan. Perkara ini mengakibatkan peningkatan tunggakan bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah pada setiap tahun.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Bagi penambahbaikan untuk meningkatkan kecekapan penyelesaian permohonan dan mengurangkan tunggakan fail, mulai bulan Julai 2018 PDT Raub telah menetapkan sasaran sebanyak 16 fail yang perlu diselesaikan dalam tempoh sebulan. Setiap seorang Penolong Pegawai Tanah perlu menyelesaikan sebanyak 10 fail permohonan yang tertunggak dan sebanyak enam (6) fail permohonan semasa.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub adalah tidak cekap kerana bilangan permohonan yang telah selesai adalah rendah iaitu 2,717 (41.8%) permohonan berbanding bilangan permohonan yang belum selesai iaitu 3,789 (58.2%) dalam tempoh lima (5) tahun. Selain itu, peratus penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah juga semakin menurun pada setiap tahun dari tempoh tahun 2013 hingga 2017.

2.6.2. Prestasi Kutipan Hasil Pemberimilikan Tanah

2.6.2.1. Mengikut KTN 81(1), bayaran hendaklah dituntut seperti yang dinyatakan dalam Borang 5A (Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar). Manakala Seksyen 43 KTN atau 81(2) KTN 1965 menetapkan semua kelulusan pemberimilikan tanah perlu menjelaskan bayaran yang dituntut dalam Borang

5A. Notis Borang 5A adalah bayaran tuntutan mengikut kadar yang telah ditetapkan meliputi cukai tahun pertama, premium, upah ukur/batu sempadan, hak milik sementara dan pelan hak milik. Pemohon hendaklah membayar jumlah bayaran mengikut tempoh yang dinyatakan dalam Notis Borang 5A. Semakan Audit terhadap kutipan hasil pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2017 mendapati perkara berikut:

a. Pengurangan Kutipan Hasil Pemberimilikan Tanah


- i. Pada setiap tahun PDT Raub telah menetapkan sasaran hasil tanah adalah berdasarkan penetapan sasaran hasil tanah negeri Pahang oleh PTG. Sasaran ini merangkumi sasaran kutipan hasil tanah bagi pemberimilikan tanah bagi cukai tanah pertama, bayaran permohonan tanah, premium dan pelbagai denda/hukuman.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Anggaran Hasil bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 yang dikeluarkan oleh PTG mendapati sasaran yang telah ditetapkan adalah masing-masing berjumlah RM1.07 juta, RM2.13 juta, RM1.51 juta, RM2.12 juta dan RM1.62 juta.
- iii. Analisis Audit terhadap prestasi kutipan hasil pemberimilikan tanah mendapati kutipan sebenar berbanding sasaran bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 adalah tidak konsisten pada setiap tahun. PDT Raub pada tahun 2013 telah mencapai sasaran yang ditetapkan sebanyak 238.5% dengan lebihan kutipan berjumlah RM1.48 juta manakala pada tahun 2014 PDT Raub tidak mencapai sasaran kutipan sebanyak 68.7% dengan kurangan kutipan berjumlah RM RM663,517. Bagaimanapun, kutipan hasil tanah PDT Raub pada tahun 2015 telah mencapai sebanyak 151.7% dengan memperoleh lebihan kutipan berjumlah RM779,354. Bagaimanapun, bagi tahun 2016 dan 2017, PDT Raub tidak mencapai sasaran sebanyak 57.9% dan 42.8% dengan kurangan kutipan berjumlah RM891,376 dan RM928,015.
- iv. Kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 bagi PDT Raub adalah berjumlah RM8.21 juta berbanding sasaran kutipan berjumlah RM8.44 juta dengan kurangan kutipan sejumlah RM227,074. Butiran lanjut mengenai prestasi kutipan hasil tanah adalah seperti **Jadual 2.4** dan **Carta 2.1**.

JADUAL 2.4
PERBANDINGAN SASARAN DAN KUTIPAN
HASIL PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	SASARAN KUTIPAN (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	LEBIH/(KURANG) JUMLAH (RM)	PRESTASI KUTIPAN BERBANDING SASARAN (%)
2013	1,066,000	2,542,480	1,476,480	238.5
2014	2,126,300	1,462,783	(663,517)	(68.7)
2015	1,506,000	2,285,354	779,354	151.7
2016	2,116,500	1,225,124	(891,376)	(57.9)
2017	1,622,000	693,985	(928,015)	(42.8)
JUMLAH	8,436,800	8,209,726	(227,074)	

Sumber: PDT Raub

CARTA 2.1
SASARAN DAN KUTIPAN HASIL
PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TEMPOH LIMA TAHUN



Sumber: PDT Raub

- v. PDT Raub memaklumkan asas kewajaran sasaran kutipan hasil tanah yang ditetapkan adalah berpandukan kepada kutipan yang diperoleh bagi tahun sebelumnya. Pihak Audit mendapati penetapan sasaran kutipan yang tidak konsisten pada setiap tahun mengakibatkan PDT Raub sukar untuk mencapai sasaran kutipan yang telah ditetapkan.


Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub menjelaskan sasaran penetapan hasil tanah negeri Pahang pada setiap tahun adalah ditetapkan oleh PTG berdasarkan kutipan tahun sebelumnya. Jumlah kutipan hasil pemberimilikan tanah di PDT Raub adalah berdasarkan kelulusan fail daripada PBN pada setiap tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil tanah di PDT Raub adalah tidak cekap kerana kutipan sebenar hasil tanah untuk pemberimilikan tanah bagi tiga (3) daripada lima (5) tahun tidak mencapai sasaran iaitu untuk tahun 2014, 2016 dan 2017.

2.6.3. Kelewatan Proses Pemberimilikan Tanah

2.6.3.1. Mengikut Manual Kanun Tanah Negara, proses pemberimilikan tanah melibatkan 15 peringkat daripada permohonan diterima sehingga hak milik sementara dikeluarkan seperti **Carta 2.2**.



Sumber: Manual Kanun Tanah Negara


Nota:

- Tindakan di PDT Sebelum Keputusan MMK Diperoleh
- Tindakan di Pejabat Tanah dan Galian
- Tindakan di PDT Selepas Keputusan MMK Diperoleh

2.6.3.2. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 1 Tahun 2013 berkaitan Panduan Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah telah dikeluarkan bagi mempercepatkan urusan melibatkan permohonan pemberimilikan tanah yang bertujuan mengatasi tunggakan permohonan yang tinggi. Pada tahun 2004, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah mengeluarkan Perakuan dan Garis Panduan Pelaksanaan Proses Utama Pentadbiran Tanah yang bertujuan memperkemaskan dan mempertingkatkan sistem penyampaian dalam urusan pentadbiran tanah. Dalam konteks pemberimilikan tanah, beberapa perakuan yang disarankan adalah memendekkan tempoh masa bagi memproses

pelupusan tanah secara pemberimilikan daripada 15 bulan kepada empat (4) bulan. Proses *charting* hingga input teknikal mengambil masa selama 25 hari manakala Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah (JKPTD) perlu dilaksanakan dalam tempoh 14 hari. Tempoh masa proses permohonan pemberimilikan tanah yang dicadangkan adalah 80 hari bekerja seperti Carta 2.3.

CARTA 2.3
PROSES PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN



Sumber: Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 1/2013

2.6.3.3. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 3/1993 menyatakan panduan bagi membantu jabatan/agensi Kerajaan menyediakan piagam pelanggan sebagai jaminan bertulis untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti, cekap, cepat dan memenuhi kehendak pelanggan. PDT Raub menetapkan piagam pelanggan bagi permohonan pemberimilikan tanah di Bahagian Pengurusan Tanah adalah dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pembayaran pemprosesan dibuat bagi membuka, mendaftar dan mengeluarkan surat makluman kepada pemohon, manakala laporan *charting* di atas *sheet* perlu disediakan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh penerimaan fail di Unit Pelan. Proses mengemukakan fail permohonan pemberimilikan tanah ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG) untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang pula adalah dalam tempoh dua (2) bulan (60 hari) daripada tarikh pengesahan minit mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah (JKPTD).

2.6.3.4. Selain itu, objektif kualiti bagi Seksyen Pelupusan Tanah menetapkan permohonan tanah secara pemberimilikan dikemukakan kepada JKPTD dalam tempoh enam (6) bulan (180 hari) daripada tarikh penerimaan fail oleh Penolong Pegawai Tanah. Tempoh masa proses permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub adalah daripada menerima permohonan sehingga diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN adalah selama sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari seperti **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
TEMPOH MASA DITETAPKAN MENGIKUT PIAGAM PELANGGAN/ OBJEKTIF KUALITI

BIL.	TINDAKAN PEMROSESAN PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH	TEMPOH MASA DITETAPKAN MENGIKUT PIAGAM PELANGGAN/OBJEKTIF KUALITI (HARI)
1.	Membuka, Mendaftar dan Mengeluarkan Surat Makluman Kepada Pemohon	14
2.	Laporan <i>Charting</i> di Atas <i>Sheet</i>	30
3.	Permohonan Tanah Secara Pemberimilikan Dikemukakan Kepada JKPTD Daripada Tarikh Penerimaan Fail oleh Penolong Pegawai Tanah	180
4.	Fail Permohonan Pemberimilikan Tanah Dikemukakan Ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG) Untuk Pertimbangan (MMK) Daripada Tarikh Pengesahan Minit Mesyuarat (JKPTD)	60
5.	Pengeluaran Notis Borang 5A	Tidak Ditetapkan
JUMLAH		284

Sumber: PDT Raub

2.6.3.5. Semakan Audit terhadap piagam pelanggan dan objektif kualiti yang disediakan mendapati PDT Raub hanya menyediakan tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah daripada permohonan diterima sehingga permohonan diangkat ke PTG iaitu selama sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari. Manakala tempoh masa bagi memproses permohonan daripada

peringkat penerimaan keputusan MMK sehingga Notis Borang 5A dikeluarkan tidak ditetapkan tempoh masa proses permohonan pemberimilikan tanah.

2.6.3.6. Semakan Audit selanjutnya mendapati PDT Raub tidak menggunakan pekeliling yang ditetapkan iaitu Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 1 Tahun 2013 bagi menyeragamkan urusan pemberimilikan tanah, menjimatkan masa dan tenaga dalam urusan pembangunan untuk kemajuan ekonomi negara. Bagaimanapun, ia dijadikan sebagai asas rujukan mengikut kesesuaian dalam memproses permohonan pemberimilikan tanah.

2.6.3.7. Pihak Audit telah memilih sampel sebanyak 800 fail (12.3%) daripada 6,506 fail permohonan pemberimilikan tanah bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 bagi mengukur kecekapan pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub. Permohonan tersebut adalah terdiri daripada permohonan yang telah diangkat ke PTG mendapat kelulusan PBN dan tidak diluluskan oleh PBN, permohonan yang ditolak ringkas serta permohonan yang belum diselesaikan (dalam proses). Penilaian pencapaian kecekapan pemprosesan permohonan pemberimilikan tanah di PDT Raub adalah berdasarkan kepada piagam pelanggan dan objektif kualiti yang telah ditetapkan oleh PDT Raub. Maklumat persampelan yang digunakan adalah seperti **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
PERSAMPELAN AUDIT UNTUK PERMOHONAN
PEMBERIMILIKAN TANAH BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PERMOHONAN DITERIMA	LULUS PBN	SAMPEL AUDIT	TIDAK LULUS PBN	SAMPEL AUDIT	TOLAK RINGKAS	SAMPEL AUDIT	BELUM SELESAI	SAMPEL AUDIT	KESELURUHAN SAMPEL AUDIT
2013	1,479	38	29	28	28	762	71	651	69	197
2014	1,671	31	30	11	11	786	88	843	85	214
2015	1,021	239	53	1	1	196	21	585	61	136
2016	1,619	617	63	-	-	6	3	996	101	167
2017	716	1	-	-	-	1	1	714	85	86
JUMLAH	6,506	926	175	40	40	1,751	184	3,789	401	800

Sumber: Jabatan Audit Negara dan PDT Raub

2.6.3.8. Berdasarkan semakan Audit terhadap sampel yang dipilih mengikut tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti yang diguna pakai di PDT Raub mendapati perkara seperti berikut:

a. Kelewatan Pengeluaran Surat Makluman

- i. Mengikut tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti yang disediakan di PDT Raub menetapkan 14 hari bermula dari membuka, mendaftar dan mengeluarkan surat makluman kepada pemohon. Pihak Audit telah menyemak sebanyak 399 daripada 2,717 fail permohonan pemberimilikan yang telah selesai melibatkan 175 permohonan yang telah diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN, sebanyak 40 permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN dan sebanyak 184 permohonan yang ditolak ringkas oleh PDT Raub.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 41 (10.3%) daripada 399 surat makluman kepada pemohon telah diproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Manakala 65 (16.3%) telah diproses melebihi tempoh 14 hari iaitu antara 22 hingga 279 hari. Selebihnya baki sebanyak 293 (73.4%) fail permohonan pula didapati tiada surat makluman kepada pemohon yang direkodkan. Butiran lanjut mengenai tempoh kelewatan proses mengeluarkan surat makluman kepada pemohon adalah seperti **Jadual 2.7**.

JADUAL 2.7
TEMPOH KELEWATAN PROSES
MENGELUARKAN SURAT MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

PROSES KERJA	< 14 HARI	> 14 HARI	TIDAK DIREKODKAN	JUMLAH
Lulus MMK	13	13	149	175
Tidak Diluluskan MMK	1	6	33	40
Tolak Ringkas	27	46	111	184
JUMLAH	41	65	293	399

Sumber: PDT Raub

- iii. PDT Raub memaklumkan perkara ini disebabkan surat makluman tersebut perlu ditandatangani oleh Penolong Pengawai Daerah (Pelupusan) yang mempunyai komitmen lain yang perlu diutamakan. Perkara ini disebabkan tiada pemantauan berkala oleh pihak pengurusan mengakibatkan ketidakcekapan proses kerja dan tidak mematuhi piagam pelanggan serta objektif kualiti yang ditetapkan.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub menjelaskan kelewatan mengeluarkan surat makluman permohonan disebabkan surat makluman perlu ditandatangani oleh

pegawai. Bagaimanapun, mulai tahun 2017 slip makluman telah dikeluarkan kepada pemohon dan disimpan untuk rujukan pejabat. Penurunan kuasa kepada Pembantu Tadbir untuk menandatangani surat makluman kepada pemohon telah dikeluarkan pada 1 Januari 2017.

Pada pendapat Audit, pengeluaran surat makluman kepada pemohon adalah tidak cekap serta tidak mematuhi piagam pelanggan dan objektif kualiti yang ditetapkan kerana kelewatan pengeluaran sebanyak 65 daripada 399 surat makluman dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, sebanyak 293 daripada 399 surat makluman tidak direkodkan bagi tempoh 2013 hingga 2017.

b. Kelewatan Tempoh Masa Siasatan Tanah Hingga Peringkat JKPTD Lebih Dari Enam (6) Bulan

- i. Objektif kualiti bagi Seksyen Pelupusan Tanah menetapkan permohonan tanah secara pemberimilikan dikemukakan kepada JKPTD dalam tempoh enam (6) bulan (180 hari) daripada tarikh penerimaan fail oleh Penolong Pegawai Tanah. Pihak Audit telah menyemak 215 sampel daripada 966 fail permohonan yang melibatkan sebanyak 926 permohonan yang diangkat ke PTG dan mendapat kelulusan PBN melalui MMK. Manakala sebanyak 40 permohonan pula tidak diluluskan oleh PBN. Sebanyak 120 daripada 215 permohonan adalah daripada permohonan individu yang diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN dan selebihnya sebanyak 95 permohonan adalah daripada agensi/BBN.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 73 daripada 120 permohonan individu yang dikemukakan untuk kelulusan di peringkat JKPTD adalah melebihi tempoh enam (6) bulan sehingga 31 bulan daripada tarikh penerimaan fail oleh Penolong Pegawai Tanah. Manakala selebihnya iaitu 95 permohonan daripada agensi/BBN hanya diluluskan di peringkat PTG sahaja.
- iii. PDT Raub memaklumkan perkara ini disebabkan fail permohonan yang berlapis dengan lain-lain fail permohonan di lokasi yang sama. Selain itu, bentuk muka bumi dan kesukaran sampai ke lokasi permohonan dan kegagalan pemohon menunjukkan lokasi permohonan tanah. Perkara ini mengakibatkan kelewatan siasatan tanah dan peningkatan tunggakan

bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah pada setiap tahun.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub dalam proses untuk membuat penjadualan semula penggunaan kenderaan bagi memberi keutamaan kepada pegawai untuk melaksanakan siasatan tanah bagi mengelakkan kelewatan tempoh memproses permohonan pemberimilikan tanah.

Pada pendapat Audit, proses kerja bagi siasatan tanah hingga ke peringkat JKPTD adalah tidak cekap serta tidak mematuhi objektif kualiti yang ditetapkan. Sebanyak 73 (60.8%) daripada 120 permohonan pemberimilikan tanah melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu enam (6) bulan sehingga 31 bulan daripada tarikh penerimaan fail oleh Penolong Pegawai Tanah.

c. Kelewatan Tempoh Masa Permohonan Diangkat ke PTG Untuk Kelulusan PBN

- i. Mengikut tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti yang disediakan di PDT Raub menetapkan tempoh bagi proses permohonan pemberimilikan tanah dari permohonan diterima sehingga permohonan diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN atau sebaliknya mengambil masa selama sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari. Pihak Audit telah menyemak 175 sampel daripada 926 fail permohonan pemberimilikan tanah permohonan yang diangkat ke PTG dan mendapat kelulusan PBN melalui MMK bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017. Selain itu, sebanyak kesemua 40 permohonan pemberimilikan tanah permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN juga telah disemak.
- ii. Semakan Audit terhadap 175 permohonan yang diangkat ke PTG dan mendapat kelulusan PBN mendapati sebanyak 80 permohonan adalah daripada permohonan individu termasuk satu (1) permohonan adalah daripada permohonan agensi/BBN. Manakala, baki sebanyak 95 permohonan hanya diluluskan dalam tempoh lima (5) bulan daripada tarikh permohonan diterima di peringkat PTG sahaja dan tidak perlu kelulusan PBN. Semakan Audit selanjutnya terhadap 80 permohonan yang telah diangkat ke PTG dan mendapat kelulusan PBN mendapati

sebanyak 78 permohonan telah mengambil tempoh masa antara 13 hingga 76 bulan. Butiran lanjut mengenai permohonan yang diangkat ke PTG untuk mendapat kelulusan PBN bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 seperti **Jadual 2.8**.

JADUAL 2.8
ANALISIS PENGUMURAN PERMOHONAN YANG DIANGKAT
KE PTG UNTUK KELULUSAN PBN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

PROSES PERMOHONAN	TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH MASA (BULAN)					JUMLAH
		<3	4-9	10-24	25-36	>36	
Lulus MMK	2013	2	0	0	16	10	28
	2014	0	0	20	2	6	28
	2015	0	0	22	1	0	23
	2016	0	0	1	0	0	1
	2017	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		2	0	43	19	16	80

Sumber: PDT Raub

- iii. Analisis Audit terhadap pengumuran permohonan pemberimilikan tanah yang diangkat ke PTG untuk diluluskan oleh PBN bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 mendapati sebanyak dua (2) permohonan diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN kurang daripada tiga (3) bulan dan 43 permohonan diluluskan antara 10 hingga 24 bulan. Manakala sebanyak 19 permohonan lagi adalah di antara 25 hingga 36 bulan dan sebanyak 16 permohonan telah diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN melebihi 36 bulan.
- iv. Selain itu, pihak Audit juga menyemak kesemua sampel daripada 40 permohonan pemberimilikan tanah permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN. Semakan Audit mendapati kesemua sampel berkenaan melebihi tempoh masa yang ditetapkan iaitu sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari. Tempoh masa yang diambil adalah antara 22 hingga 58 bulan. Butiran lanjut mengenai permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 seperti **Jadual 2.9**.

JADUAL 2.9
ANALISIS PENGUMURAN PERMOHONAN YANG DIANGKAT
KE PTG TETAPI TIDAK DILULUSKAN PBN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

PROSES PERMOHONAN	TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH MASA (BULAN)					JUMLAH
		<3	4-9	10-24	25-36	>36	
Tidak Diluluskan MMK	2013	0	0	0	2	26	28
	2014	0	0	1	5	5	11
	2015	0	0	1	0	0	1
	2016	0	0	0	0	0	0
	2017	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		0	0	2	7	31	40

Sumber: PDT Raub

- v. Analisis Audit terhadap pengumuran permohonan pemberimilikan tanah yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN bagi tempoh 2013 hingga 2017 mendapati dua (2) permohonan tidak diluluskan antara 10 hingga 24 bulan, tujuh (7) permohonan antara 25 hingga 36 bulan dan selebihnya sebanyak 31 permohonan pula melebihi tempoh 36 bulan untuk permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN.
- vi. PDT Raub memaklumkan keutamaan pemprosesan fail pemberimilikan tanah diberikan kepada permohonan yang belum selesai. Namun begitu, penyelesaian permohonan pada tahun semasa diproses dengan segera berdasarkan keperluan semasa. Perkara ini mengakibatkan peningkatan tunggakan bilangan penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah pada setiap tahun.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Bagi penambahbaikan untuk mengelakkan kelewatan tempoh permohonan yang diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN, mulai bulan Julai 2018 PDT Raub telah menetapkan sasaran sebanyak 16 fail yang perlu diselesaikan dalam tempoh sebulan. Setiap seorang Penolong Pegawai Tanah perlu menyelesaikan sebanyak 10 fail permohonan yang tertunggak dan sebanyak enam (6) fail permohonan semasa.

Pada pendapat Audit, sebanyak 118 (98.3%) daripada 120 permohonan yang diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN adalah tidak cekap serta tidak mematuhi piagam pelanggan dan objektif kualiti yang ditetapkan iaitu selama sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari.

d. Kelewatan Pemprosesan Permohonan yang Ditolak Ringkas

- i. Perkara 6, Kaedah Tanah Pahang Tahun 1992, menetapkan kriteria-kriteria tertentu yang membolehkan Pentadbir Tanah Daerah membuat tolak ringkas. Manakala Arahan Pentadbiran Tanah Negeri Pahang (APTN) Bil. 2/2008 pula dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai langkah-langkah bagi mempercepatkan proses kelulusan permohonan tanah Kerajaan di negeri Pahang. APTN ini menjelaskan MMK yang bersidang pada 30 April 2008 memutuskan supaya JKPTD menyediakan terlebih dahulu senarai pemohon yang disyorkan ditolak untuk dipertimbangkan di MMK. Sehubungan itu, siasatan lanjut dibuat oleh PTD Raub hanya ke atas permohonan yang diperakukan oleh JKPTD untuk diluluskan. Mengikut tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah berdasarkan piagam pelanggan yang disediakan di PDT Raub menetapkan tempoh bagi proses permohonan pemberimilikan tanah dari permohonan diterima sehingga keputusan tolak ringkas adalah 44 hari.
- ii. Semakan Audit terhadap 184 sampel daripada 1,751 permohonan yang ditolak ringkas di peringkat JKPTD mengambil tempoh masa antara satu (1) hingga 42 bulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 179 permohonan adalah melebihi tempoh masa yang ditetapkan bagi membuat keputusan penolakan iaitu selama 44 hari. Butiran lanjut mengenai permohonan yang ditolak ringkas bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 seperti **Jadual 2.10**.

JADUAL 2.10
ANALISIS PENGUMURAN PERMOHONAN
YANG DITOLAK RINGKAS BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

PROSES PERMOHONAN	TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH MASA (BULAN)					JUMLAH
		<3	4-9	10-24	25-36	>36	
Tolak Ringkas	2013	0	0	72	1	1	74
	2014	4	2	77	2	2	87
	2015	0	11	7	1	0	19
	2016	0	2	1	0	0	3
	2017	1	0	0	0	0	1
JUMLAH		5	15	157	4	3	184

Sumber: PDT Raub

- iii. Analisis Audit terhadap pengumuran permohonan pemberimilikan tanah yang ditolak ringkas bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 mendapati hanya lima (5) permohonan telah ditolak ringkas kurang daripada tiga (3) bulan. Selain itu, didapati sebanyak 15 permohonan telah ditolak ringkas antara empat (4) hingga sembilan (9) bulan. Manakala sebanyak 157 permohonan pula mengambil tempoh antara 10 hingga 24 bulan

untuk ditolak ringkas dan selebihnya sebanyak tujuh (7) permohonan lagi ditolak ringkas dalam tempoh 25 hingga 42 bulan.

- iv. PDT Raub memaklumkan selepas proses *charting*, Penolong Pegawai Daerah akan mengarahkan supaya fail permohonan disimpan untuk perhatian terlebih dahulu sehingga arahan untuk menyemak semula dikeluarkan. Fail akan disemak semula oleh Penolong Pegawai Daerah untuk mengesahkan permohonan boleh disyor Tolak Ringkas. Syor keputusan tolak ringkas akan disediakan dengan mencatatkannya ke atas kertas minit untuk diputuskan Tolak Ringkas oleh Pentadbir Tanah. Peringkat proses ini juga kebiasaannya mengambil masa untuk diambil tindakan Pentadbir Tanah kerana perlu menyemak fail dan membuat keputusan Tolak Ringkas.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Bagi penambahbaikan untuk memastikan keputusan Tolak Ringkas diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan selepas selesai proses *charting*, PDT Raub telah menetapkan sasaran sebanyak 16 fail yang perlu diselesaikan dalam tempoh sebulan bermula bulan Julai 2018. Setiap seorang Penolong Pegawai Tanah perlu menyelesaikan sebanyak 10 fail permohonan yang tertunggak dan sebanyak enam (6) fail permohonan semasa.

Pada pendapat Audit, tempoh masa pemprosesan permohonan yang ditolak ringkas adalah tidak cekap serta tidak mematuhi piagam pelanggan yang ditetapkan. Sebanyak 179 (97.3%) daripada 184 permohonan pemberimilikan tanah telah melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu selama 44 hari.

e. Kelewatan Permohonan yang Belum Diselesaikan (Dalam Proses)

- i. Mengikut tempoh masa bagi proses permohonan pemberimilikan tanah berdasarkan piagam pelanggan dan objektif kualiti yang disediakan di PDT Raub menetapkan tempoh bagi proses permohonan pemberimilikan tanah dari permohonan diterima sehingga permohonan diangkat ke PTG untuk kelulusan PBN atau sebaliknya mengambil masa iaitu sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari.
- ii. Pihak Audit telah menyemak sebanyak 401 daripada 3,789 permohonan pemberimilikan tanah yang masih belum selesai (dalam proses) bagi

tempoh dari tahun 2013 hingga 2017. Sebanyak 371 daripada 401 permohonan belum selesai (dalam proses) adalah daripada permohonan individu. Manakala selebihnya sebanyak 30 permohonan yang belum selesai (dalam proses) adalah daripada permohonan agensi/BBN. Pihak Audit mengambil kira tempoh permohonan diterima di PDT Raub sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan.

- iii. Semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil untuk permohonan individu adalah antara satu (1) hingga 63 bulan bagi proses *charting* oleh pelukis pelan. Manakala tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan yang belum selesai (dalam proses) bagi permohonan agensi/BBN pula adalah antara satu (1) hingga 56 bulan.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati status permohonan tanah yang belum selesai adalah seperti di peringkat penyediaan kertas kerja untuk diangkat ke JKPTD, mohon maklumat daripada pemohon dan siasatan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah. Pihak Audit mendapati sebanyak 324 daripada 401 permohonan yang belum selesai (dalam proses) telah melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 284 hari. Butiran lanjut permohonan yang belum selesai (dalam proses) bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 2.11**.

JADUAL 2.11
ANALISIS PENGUMURAN PERMOHONAN YANG
BELUM SELESAI (DALAM PROSES) BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

PROSES PERMOHONAN	TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH MASA (BULAN)					JUMLAH
		<3	4-9	10-24	25-36	>36	
Belum Selesai	2013	0	0	0	0	69	69
	2014	0	0	0	0	85	85
	2015	0	0	1	40	20	61
	2016	0	2	79	20	0	101
	2017	24	51	10	0	0	85
JUMLAH		24	53	90	60	174	401

Sumber: PDT Raub

- v. Analisis Audit terhadap pengumuran permohonan pemberimilikan tanah yang belum selesai (dalam proses) bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 mendapati hanya 24 permohonan yang belum selesai diproses kurang daripada tiga (3) bulan. Didapati sebanyak 53 permohonan yang belum selesai diproses antara empat (4) hingga sembilan (9) bulan. Manakala sebanyak 90 permohonan pula mengambil tempoh antara 10 hingga 24 bulan untuk diproses dan selebihnya sebanyak 234 permohonan yang belum selesai diproses dalam tempoh 25 hingga 63 bulan.

- vi. PDT Raub memaklumkan selepas proses *charting*, Penolong Pegawai Daerah akan mengarahkan supaya fail permohonan disimpan untuk perhatian terlebih dahulu sehingga arahan untuk menyemak semula dikeluarkan.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Bagi penambahbaikan untuk mengelakkan kelewatan tempoh permohonan yang belum selesai (dalam proses), mulai bulan Julai 2018 PDT Raub telah menetapkan sasaran sebanyak 16 fail yang perlu diselesaikan dalam tempoh sebulan. Setiap seorang Penolong Pegawai Tanah perlu menyelesaikan sebanyak 10 fail permohonan yang tertunggak dan sebanyak enam (6) fail permohonan semasa.

Pada pendapat Audit, tempoh masa pemprosesan permohonan yang belum selesai (dalam proses) adalah tidak cekap serta tidak mematuhi piagam pelanggan dan objektif kualiti yang ditetapkan. Sebanyak 324 (80.8%) daripada 401 permohonan pemberimilikan tanah telah melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu selama sembilan (9) bulan 14 hari bekerja atau 224 hari.

2.6.4. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah (JKPTD) Tidak Bermesyuarat Mengikut Ketetapan

2.6.4.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan pemberimilikan tanah di setiap daerah. APTN Bil. 1 Tahun 2013 melalui keputusan MMK pada 20 Julai 2013 juga telah menetapkan bahawa mesyuarat JKPTD hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ia bertujuan bagi mempercepatkan proses permohonan tanah yang hendak dikemukakan ke Pejabat Tanah Galian Negeri untuk dibawa ke MMK dan juga kelulusan pemberimilikan tanah di peringkat daerah.

2.6.4.2. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat JKPTD mendapati pada tahun 2013 dan 2014, JKPTD Raub telah bermesyuarat masing-masing hanya sebanyak tujuh (7) kali berbanding 12 kali sepatutnya pada setiap tahun. Manakala pada tahun 2015 dan 2016, JKPTD Raub telah bermesyuarat masing-masing sebanyak lapan (8) dan 10 kali berbanding 12 kali sepatutnya pada setiap tahun. Pada tahun 2017, JKPTD Raub telah bermesyuarat hanya sebanyak empat (4) kali berbanding 12 kali pada tahun tersebut. Secara keseluruhan bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017, JKPTD Raub telah

bermesyuarat sebanyak 36 kali berbanding 60 kali sepatutnya. Butiran lanjut mengenai bilangan mesyuarat adalah seperti **Jadual 2.12**.

JADUAL 2.12
BILANGAN MESYUARAT JKPTD YANG
DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	BILANGAN MESYUARAT	
	SEPATUTNYA	DILAKSANAKAN
2013	12	7
2014	12	7
2015	12	8
2016	12	10
2017	12	4
JUMLAH	60	36

Sumber: PDT Raub

2.6.4.3. PDT Raub memaklumkan tarikh mesyuarat JKPTD akan ditetapkan berdasarkan tarikh yang sesuai oleh Pentadbir Tanah dan juga wakil Menteri Besar serta ahli mesyuarat yang lain. Perkara ini mengakibatkan penambahan bilangan tunggakan fail permohonan pemberimilikan tanah pada setiap tahun.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub menjelaskan mesyuarat JKPTD tidak dapat bersidang mengikut takwim tahunan iaitu 12 kali setahun adalah disebabkan terdapat kekangan masa dan jadual yang padat oleh ahli mesyuarat JKPTD. Bagi penambahbaikan, sehingga 14 September 2018, PDT Raub telah menjalankan mesyuarat JKPTD sebanyak enam (6) kali dan penetapan tarikh mesyuarat mengikut takwim telah dibuat bagi mencapai sasaran mengikut APTN Bil. 01/2013.

Pada pendapat Audit, pengurusan mesyuarat JKPTD adalah kurang berkesan kerana PDT Raub hanya berjaya mengadakan sebanyak 36 kali berbanding 60 kali mesyuarat sepatutnya.

2.6.5. Bayaran Notis Borang 5A Tidak Dapat Disahkan

2.6.5.1. Mengikut Seksyen 81(1) KTN 1965 telah menetapkan bayaran hasil tanah hendaklah dituntut seperti yang dinyatakan dalam notis melalui Borang 5A apabila kelulusan telah diberikan. Manakala Seksyen 81(2) KTN 1965 pula menghendaki Pentadbir Tanah hendaklah secepat mungkin mencadangkan sejumlah wang untuk dibayar oleh pemohon yang diluluskan pemberimilikan tanah melalui Borang 5A. Selain itu, mengikut perkara 7(4), Kaedah Tanah

Pahang 1992 (KTP) Notis Borang 5A perlu dijelaskan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh Borang 5A diserahkan kepada pemohon. Sekiranya gagal, kelulusan atas permohonan pemberimilikan tanah akan luput dan disifatkan sebagai telah ditarik balik. Pentadbir Tanah boleh memberi lanjutan tempoh bayaran tetapi tidak melebihi tiga (3) bulan daripada tarikh permohonan semula. Manakala Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG) boleh memberi masa tambahan untuk menjelaskan bayaran Notis Borang 5A.

2.6.5.2. Semakan Audit terhadap laporan Notis Borang 5A yang disediakan bagi tempoh tahun dari 2013 hingga 2017 di PDT Raub mendapati sebanyak 1,576 Notis Borang 5A yang dikeluarkan dengan berjumlah RM11.98 juta. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak 953 Notis Borang 5A yang telah selesai dibayar oleh pemohon dengan jumlah kutipan premium berjumlah RM5.34 juta. Manakala sebanyak 623 Notis Borang 5A yang masih belum dibayar oleh pemohon berjumlah RM6.64 juta.

2.6.5.3. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan bilangan dan jumlah belum bayar serta tempoh yang ditetapkan bagi pembayaran Notis Borang 5A. Ia disebabkan tiada penyimpanan rekod yang khusus terhadap pengeluaran Notis Borang 5A. PDT Raub menjelaskan laporan bayaran Notis Borang 5A yang disediakan adalah berdasarkan Buku Rekod *Despatch* Notis Borang 5A. Ia tidak dapat disahkan sama ada bilangan dan jumlah patut bayar diambil dari Buku Rekod *Despatch* Notis Borang 5A adalah tepat atau sebaliknya. Butiran lanjut mengenai bayaran Notis Borang 5A yang tidak dapat disahkan ketepatan bilangan dan jumlah belum bayar bagi Notis Borang 5A adalah seperti **Jadual 2.13**.

JADUAL 2.13
BAYARAN NOTIS BORANG 5A YANG DIKELUARKAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PATUT BAYAR		TELAH SELESAI BAYAR		BELUM BAYAR	
	BILANGAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN	JUMLAH (RM)
2013	256	2,042,733	116	1,846,888	140	195,845
2014	340	2,352,029	193	658,483	147	1,693,546
2015	220	1,994,215	183	1,571,179	37	423,036
2016	265	783,873	238	621,838	27	162,035
2017	495	4,805,180	223	639,927	272	4,165,253
JUMLAH	1,576	11,978,030	953	5,338,315	623	6,639,715

Sumber: PDT Raub

2.6.5.4. Perkara ini disebabkan berlaku pengiraan secara berulang kali kerana maklumat fail yang sama akan direkodkan dalam Buku Rekod berkenaan sekiranya ada kelulusan rayuan lanjutan tempoh bayaran. Selain itu, berlaku perselisihan maklumat daripada rekod di Unit Pelupusan dan Unit Hasil kerana Unit Hasil hanya akan merekodkan maklumat bayaran hasil yang dikutip

berdasarkan resit. Manakala, rekod di Unit Pelupusan akan berubah-ubah berdasarkan proses rayuan pengurangan premium dan Notis Borang 5A yang dikeluarkan pada hujung tahun. Pihak Audit juga mendapati Notis Borang 5A yang dibayar oleh pemohon melangkaui tahun kerana notis tersebut dikeluarkan pada hujung tahun. Antara contoh fail permohonan bayaran Notis Borang 5A yang telah disemak silang dengan Buku Rekod *Despatch* Notis Borang 5A yang tidak dapat disahkan ketepatan bilangan dan jumlah belum bayar bagi Notis Borang 5A adalah seperti **Jadual 2.14**.

JADUAL 2.14
ANTARA FAIL PERMOHONAN BAYARAN
NOTIS BORANG 5A YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	NOTIS BORANG 5A DIKELUARKAN (TAHUN)
1.	PTRb.1/01/G/0661/11	2013, 2015 dan 2016
2.	PTRb.1/01/S/0210/11	2017
3.	PTRb.1/01/S/0337/12	
4.	PTRb.1/01/S/0338/12	
5.	PTRb.1/01/S/0240/12	
6.	PTRb.1/01/S/0398/10	
7.	PTRb.1/01/S/0032/07	2013

Sumber: PDT Raub

2.6.5.5. Perkara ini mengakibatkan PDT Raub tidak dapat melaksanakan pemantauan kepada pemohon yang telah tamat tempoh pembayaran Notis Borang 5A. Selain itu, ia menyukarkan PDT Raub dalam mengambil tindakan pembatalan kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerana ketidaktepatan data berkenaan.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Sebagai langkah penambahbaikan, mulai bulan Januari 2019 PDT Raub akan melaksanakan Inovasi Sistem *Microsoft Excel* mengenai bayaran dan kutipan hasil Notis Borang 5A. Sistem ini akan memudahkan Unit Pelupusan dan Unit Hasil berinteraksi mengenai bayaran serta kutipan Notis Borang 5A serta memantau permohonan yang telah tamat tempoh bayaran Notis Borang 5A.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan hasil bagi Notis Borang 5A adalah tidak cekap kerana PDT Raub tidak dapat menentukan jumlah sebenar bilangan dan amaun belum bayar serta tempoh masa Notis Borang 5A. Selain itu, PDT tidak dapat mengambil tindakan mengikut undang-undang kepada pemohon yang tidak menjelaskan bayaran Notis Borang 5A mengikut tempoh yang ditetapkan.

2.6.6. Pengurangan Bayaran Premium Notis Borang 5A

2.6.6.1. Keputusan MMK Bil. 33 Tahun 2014 yang bertarikh 24 Disember 2014 telah bersetuju menolak sebarang permohonan rayuan pengurangan bayaran premium Notis Borang 5A dan rayuan tersebut tidak akan dipertimbangkan lagi. Selain itu, surat pemberitahu permohonan tanah yang telah diluluskan memaklumkan tiada lagi sebarang permohonan rayuan untuk pengurangan bayaran premium akan dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

2.6.6.2. Semakan Audit terhadap Daftar Rayuan Pengurangan Bayaran Premium Notis Borang 5A pada tahun 2017 mendapati sebanyak 36 permohonan Notis Borang 5A berjumlah RM1.0 juta. Bagaimanapun, kesemua permohonan rayuan telah mendapat kelulusan pengurangan bayaran premium daripada PBN melalui keputusan mesyuarat MMK. Pihak Audit mendapati jumlah pengurangan bayaran premium yang diberikan adalah berjumlah RM770,871 dan hanya sejumlah RM229,189 perlu dijelaskan kepada Kerajaan Negeri oleh pemohon.

2.6.6.3. Semakan selanjutnya, pihak Audit mendapati hanya sebanyak 13 daripada 36 fail permohonan tersebut telah menjelaskan bayaran pengurangan bayaran premium yang berjumlah RM82,891. Sehingga bulan Julai 2018, sebanyak 23 pemohon masih belum membuat pembayaran berjumlah RM146,298. Ini disebabkan permohonan tersebut masih dalam tempoh pembayaran dan tempoh yang diberikan masih belum tamat. Butiran lanjut mengenai permohonan pengurangan bayaran premium Notis Borang 5A yang telah diluluskan pada tahun 2017 adalah seperti **Jadual 2.15**.

JADUAL 2.15
KELULUSAN PERMOHONAN PENGURANGAN
BAYARAN PREMIUM NOTIS BORANG 5A PADA TAHUN 2017

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	BAYARAN PREMIUM NOTIS BORANG 5A		KURANGAN HASIL (RM)
		BAYARAN KELULUSAN (RM)	SELEPAS PENGURANGAN (RM)	
1.	PTRb.1/01/G/0953/09	22,680	11,525*	11,155
2.	PTRb.1/01/G/0087/10	25,250	17,675	7,575
3.	PTRb.1/01/G/0097/10	33,125	7,375*	25,750
4.	PTRb.1/01/G/0078/10	38,000	8,000	30,000
5.	PTRb.1/01/G/0091/10	25,750	5,375*	20,375
6.	PTRb.1/01/G/0082/10	38,000	8,000	30,000
7.	PTRb.1/01/G/0686/11	15,000	3,255*	11,745
8.	PTRb.1/01/G/6869	22,275	11,138	11,137
9.	PTRb.1/01/G/0070/10	32,120	6,370	25,750
10.	PTRb.1/01/G/0671/09	25,870	5,370	20,500
11.	PTRb.1/01/G/0074/10	25,120	5,370	19,750
12.	PTRb.1/01/G/0096/10	29,625	7,375	22,250

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	BAYARAN PREMIUM NOTIS BORANG 5A		KURANGAN HASIL (RM)
		BAYARAN KELULUSAN (RM)	SELEPAS PENGURANGAN (RM)	
13.	PTRb.1/01/G/0061/09	39,250	8,370*	30,880
14.	PTRb.1/01/G/0396/09	36,750	8,375*	28,375
15.	PTRb.1/01/G/0101/10	36,750	5,375*	31,375
16.	PTRb.1/01/G/0098/10	29,250	6,380*	22,870
17.	PTRb.1/01/G/0785/09	35,500	7,000	28,500
18.	PTRb.1/01/G/0071/10	31,750	5,000	26,750
19.	PTRb.1/01/G/0787/09	45,250	7,376*	37,874
20.	PTRb.1/01/G/0102/10	25,500	4,370*	21,130
21.	PTRb.1/01/G/0069/10	16,620	5,000	11,620
22.	TIADA MAKLUMAT	7,875	3,000	4,875
23.	PTRb.1/01/G/0093/10	25,500	5,370*	20,130
24.	PTRb.1/01/G/0099/10	23,750	5,000	18,750
25.	PTRb.1/01/G/0031/05	28,710	3,375*	25,335
26.	PTRb.1/01/G/0709/10	19,040	5,000	14,040
27.	PTRb.1/01/G/0092/10	26,250	5,000	21,250
28.	PTRb.1/01/G/0100/10	28,250	4,000	24,250
29.	PTRb.1/01/G/0075/10	24,750	5,000	19,750
30.	PTRb.1/01/G/0080/10	26,000	5,000	21,000
31.	PTRb.1/01/G/0095/10	27,250	5,000	22,250
32.	PTRb.1/01/G/0068/10	30,000	5,000	25,000
33.	PTRb.1/01/G/0083/10	23,250	6,000	17,250
34.	PTRb.1/01/G/0086/10	27,500	5,000	22,500
35.	TIADA MAKLUMAT	25,250	7,000	18,250
36.	PTRb.1/01/G/0666/09	27,250	6,370*	20,880
JUMLAH		1,000,060	229,189	770,871

Sumber: PDT Raub

Nota: * - Amaun yang Telah Dibayar oleh Pemohon Berjumlah RM82,891

2.6.6.4. Selain itu juga, pihak Audit juga mendapati sebelum tahun 2017 tiada pengurangan premium Notis Borang 5A diberikan. Keputusan terhadap pemberian pengurangan premium ini telah memberi impak yang besar menyebabkan kurangan kutipan hasil kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, sasaran kutipan hasil yang patut dikutip tidak dapat dicapai pada tahun berkenaan.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub memaklumkan pemberian pengurangan premium adalah tertakluk kepada keputusan kelulusan pengurangan bayaran premium daripada PBN melalui keputusan mesyuarat MMK. PDT Raub hanya memproses permohonan rayuan pengurangan premium Notis Borang 5A setelah mendapat surat arahan daripada pihak PTG Pahang dan Pejabat Menteri Besar. Selain itu, PDT Raub juga tidak mengambil tindakan

terhadap 23 pemohon yang masih belum membuat pembayaran berjumlah RM146,298 disebabkan tempoh bayaran masih belum tamat.

Pada pendapat Audit, kutipan hasil di PDT Raub adalah tidak memuaskan kerana pengurangan premium Notis Borang 5A mengakibatkan PDT Raub telah kekurangan hasil sejumlah RM770,871 (77%) pada tahun 2017 dan sasaran kutipan sebenar hasil tidak dapat dicapai.

2.6.7. Deposit Tanah Belum Dikembalikan

2.6.7.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 158(a) dan (b) menyatakan apabila seseorang hendak mengambil balik sesuatu deposit atau sebahagian sesuatu deposit Pegawai Pengawal mestilah berpuas hati bahawa orang itu berhak menerima wang itu dan amaun itu sebenarnya ada dalam deposit setelah merujuk kepada lejar deposit. Selain itu resit asal perlu dikembalikan jika ada. Sekiranya resit asal hilang maka surat sumpah mestilah dibuat. Manakala AP 158(c) pula menyatakan deposit tidak boleh dipulangkan balik di sesuatu pejabat lain dari pejabat deposit itu diterima melainkan kebenaran dari pejabat yang menerima diperoleh dan pemberitahuan mengenai pembayaran serta pelarasan pembayaran dihantar ke pejabat yang menerima deposit itu. Selain itu, AP 162 menghendaki sesuatu deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh deposit boleh dikembalikan, hendaklah diberitahu dalam warta kerajaan. Sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam masa tiga (3) bulan selepas pewartaan ianya hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil (kod 81302 - Wang Tak Dituntut).

2.6.7.2. Semakan Audit terhadap fail permohonan dan kelulusan mendapati sebanyak 18 permohonan pemberimilikan tanah di Bukit Koman, Mukim Gali pada tahun 2013 tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Tarikh permohonan tidak diluluskan oleh MMK adalah pada 9 November 2016. Kesemua pemohon telah membayar sejumlah deposit yang berjumlah RM157,770 bagi tujuan permohonan semula. Kesemua pemohon pernah memohon lokasi tanah yang sama pada tahun 1999 bagaimanapun pemohon tidak menjelaskan bayaran kelulusan sehingga tamat tempoh. Kegunaan jenis tanah adalah untuk membina kediaman dan lawatan Audit pada bulan Jun 2018 bersama pegawai PDT Raub mendapati tanah berkenaan tidak diterokai dan berkeadaan belukar serta semak.

2.6.7.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2017, kesemua deposit masih belum dituntut atau dikembalikan kepada pemohon. PDT Raub hanya memaklumkan keputusan penolakan permohonan

pemberimilikan tanah kepada pemohon pada 1 Jun 2017. Bagaimanapun, PDT Raub tidak memaklumkan kepada pemohon bahawa deposit boleh dituntut semula dalam tempoh yang ditetapkan. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pemantauan terhadap pengurusan deposit dan mengakibatkan pemohon tidak dimaklumkan agar menuntut semula deposit berkenaan. Butiran lanjut seperti **Jadual 2.16**.

JADUAL 2.16
DEPOSIT TANAH BELUM DIPULANGKAN

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	JUMLAH DEPOSIT DIBAYAR (RM)	TARIKH BAYAR DEPOSIT	TARIKH MOHON BARU	TARIKH TOLAK MMK	TARIKH MAKLUM TOLAK MMK
1.	PTRb.1/01/G/0347/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
2.	PTRb.1/01/G/0346/13	8,765				
3.	PTRb.1/01/G/0345/13	8,765				
4.	PTRb.1/01/G/0344/13	8,765				
5.	PTRb.1/01/G/0343/13	8,765				
6.	PTRb.1/01/G/0356/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
7.	PTRb.1/01/G/0357/13	8,765				
8.	PTRb.1/01/G/0358/13	8,765				
9.	PTRb.1/01/G/0359/13	8,765				
10.	PTRb.1/01/G/0352/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
11.	PTRb.1/01/G/0353/13	8,765				
12.	PTRb.1/01/G/0354/13	8,765				
13.	PTRb.1/01/G/0355/13	8,765				
14.	PTRb.1/01/G/0348/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
15.	PTRb.1/01/G/0349/13	8,765				
16.	PTRb.1/01/G/0351/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
17.	PTRb.1/01/G/0341/13	8,765	17.10.2013	05.09.2013	09.11.2016	01.06.2017
18.	PTRb.1/01/G/0342/13	8,765				
JUMLAH		157,770				

Sumber: PDT Raub

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada pemohon berkenaan untuk menuntut deposit permohonan tanah pada 24 Ogos 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan deposit terhadap permohonan pemberimilikan tanah adalah tidak cekap kerana PDT Raub tidak mematuhi arahan perbendaharaan yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan pemulangan deposit tidak dapat dilaksanakan.

2.6.8. Pewartaan Tanah Bandar/Pekan Daerah Raub Tidak Dilaksanakan

2.6.8.1. Seksyen 11, KTN 1965 menyatakan bahawa PBN melalui pemberitahuan dalam pewartaan menetapkan sebagai tanah bandar dan tanah pekan bagi kawasan yang telah membangun selepas pengukuran tanah.

2.6.8.2. Semakan Audit terhadap fail pewartaan mendapati PDT Raub telah memohon cadangan pewartaan sebagai tanah bandar dan tanah pekan bagi Daerah Raub. PTG telah memperakui kawasan yang dicadangkan untuk diwartakan telah membangun dan menikmati kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan sosioekonomi yang sama seperti kawasan bandar sedia ada. Kawasan yang terlibat adalah Bandar Raub, Pekan Raub, Pekan Sungai Ruan, Pekan Sungai Klau, Pekan Cheroh, Pekan Sang Lee, Pekan Tras, Pekan Bukit Fraser dan Pekan Dong. Cadangan tersebut telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah pada 22 Disember 1992 dan telah dipersetujui. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pahang ke 47 yang bersidang pada 19 Mei 1993 telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan pewartaan berkenaan. Bagaimanapun, kertas MMK ke 20 pada 28 Februari 1996 telah disediakan dan diangkat semula untuk mendapat pertimbangan dan kelulusan MMK mengenai cadangan pewartaan tersebut. Sehubungan itu, melalui MMK ke 21 yang bersidang pada 20 Mac 1996 telah memutuskan bersetuju untuk mewartakan kawasan tanah bandar dan tanah pekan Daerah Raub.

2.6.8.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga tarikh pengauditan dijalankan, PDT Raub tidak menghantar pelan ukur kepada PTG untuk pengisytiharan pewartaan tersebut. Pihak Audit juga telah membuat semakan terhadap kawasan yang dicadangkan pewartaan dan mendapati kesemua kawasan tersebut masih mengikut kadar yang lama.

2.6.8.4. Perkara ini berlaku disebabkan tiada tindakan susulan oleh PDT Raub untuk mempercepatkan proses pewartaan tersebut. Kelewatan pewartaan kawasan terlibat mengakibatkan PDT Raub tidak dapat melaksanakan kewajiban untuk mengutip hasil tanah mengikut kadar yang baru. PDT Raub juga tidak memperoleh hasil apabila pemberimilikan tanah berkenaan mendapat kelulusan.

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

PDT Raub dalam tindakan menyemak semula persempadanan untuk proses Permohonan Ukur (PU) dan akan diangkat ke JUPEM bagi penyediaan Pelan Warta. Setelah selesai proses Pelan Warta, ia akan diangkat ke PTG bagi tujuan pengisytiharan pewartaan kawasan tanah

bandar dan tanah pekan Daerah Raub seperti mana mengikut Seksyen 11 Kanun Tanah Negara.

Pada pendapat Audit, pengurusan proses pewartaan adalah tidak cekap kerana kelemahan di peringkat pengurusan PDT Raub menyebabkan hasil tanah yang boleh dikutip menggunakan kadar baru mengikut tanah bandar dan tanah pekan Daerah Raub telah tertangguh selama 22 tahun.

2.6.9. Pemantauan dan Penguatkuasaan Kurang Berkesan

2.6.9.1. Pemantauan yang berterusan terhadap proses pemberimilikan tanah adalah bagi memastikan ia dijalankan dengan cekap dan teratur. Mekanisme pemantauan yang dijalankan adalah seperti mesyuarat, penguatkuasaan dan tindakan siasatan terhadap aduan yang dijalankan.

2.6.9.2. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Pemantauan dan Penguatkuasaan serta Statistik Rondaan dan Tindakan Penguatkuasaan Kesalahan mendapati Unit Kuat kuasa PDT Raub hanya menyiasat dan mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya ada aduan daripada orang awam diterima. Pemeriksaan secara berjadual dan berkala bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 juga tidak dilaksanakan kerana bergantung pada aduan dan arahan semasa serta kelapangan kenderaan jabatan. Selain itu, laporan pemeriksaan dan penguatkuasaan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Unit sebanyak dua (2) kali bagi tempoh Januari hingga Jun 2018.

2.6.9.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap prestasi penyelesaian aduan orang awam bagi pencerobohan tanah Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 mendapati sebanyak 53 aduan telah diterima. Sebanyak 48 daripada 53 aduan tersebut telah dapat diselesaikan dan satu (1) notis telah dikeluarkan pada tahun 2014 dan bakinya sebanyak lima (5) aduan dari tahun 2013 hingga 2017 belum diselesaikan kerana dalam proses siasatan.

2.6.9.4. PDT Raub memaklumkan perkara ini disebabkan penstrukturan semula organisasi serta perpindahan kakitangan mengakibatkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan. Butiran lanjut penyelesaian aduan orang awam bagi pencerobohan tanah kerajaan adalah seperti **Jadual 2.17**.

JADUAL 2.17
PENYELESAIAN ADUAN ORANG AWAM BAGI PENCEROBOHAN
TANAH KERAJAAN (SEKSYEN 425, KTN 1965) BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

JENIS PELANGGARAN (SEKSYEN KTN)	TAHUN	BILANGAN ADUAN		TINDAKAN PENGUATKUASAN		
		TERIMA ADUAN	ADUAN DISELESAIKAN	NOTIS	PEROBOHAN	LAIN-LAIN
425	2013	8	8	TIADA		
	2014	13	11	1	Operasai Musnah (Kelapa Sawit)	
	2015	14	13	TIADA		
	2016	11	10	TIADA		
	2017	7	6	TIADA		
JUMLAH		53	48			

Sumber: PDT Raub

2.6.9.5. Selain daripada pengauditan terhadap dokumen, lawatan bersama pegawai PDT Raub pada bulan Jun dan Julai 2018 dilaksanakan ke 80 lokasi permohonan tanah pemberimilikan tanah di Daerah Raub meliputi Mukim Batu Talam, Gali, Tras, Semantan Ulu, Dong, Sega dan Ulu Dong. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada tanah yang dimohon telah diceroboh dan diteroka secara haram. Permohonan pemberimilikan tanah tersebut terdiri daripada permohonan yang diluluskan oleh PBN sebanyak 38 lokasi, permohonan yang diangkat ke PTG tetapi tidak diluluskan oleh PBN sebanyak 18 lokasi. Permohonan yang ditolak ringkas oleh PDT Raub sebanyak empat (4) lokasi, permohonan yang belum selesai (dalam proses) sebanyak 20 lokasi. Pemberimilikan tanah tersebut meliputi permohonan oleh individu dan agensi kerajaan seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

2.6.9.6. Semasa lawatan Audit dilaksanakan didapati PDT Raub tidak melaksanakan penguatkuasaan terhadap pemohon yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan menyebabkan berlaku pelanggaran syarat tanah. Lawatan Audit di 27 daripada 80 lokasi pemberimilikan tanah mendapati perkara seperti berikut:

a. Tanah Kerajaan Diusahakan dan Dibangunkan Sebelum Diberi Milik

- i. Seksyen 425(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah untuk membersihkan, membajak, menggali, membuka atau bercucuk tanam di atas tanah kerajaan negeri, tanah rizab atau tanah perlombongan. Denda sebanyak RM10,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-dua sekali boleh dikenakan terhadap penceroboh.

- ii. Lawatan Audit bersama pegawai PDT Raub pada bulan Mei dan Julai 2018 telah dijalankan ke 38 lokasi permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan oleh PBN. Semasa lawatan dijalankan pihak Audit mendapati seramai 19 pemohon yang merupakan peserta belia Batu Talam, Raub telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum permohonan tanah diluluskan. Tanah yang diluluskan telah ditanam dengan tanaman pisang melibatkan kawasan yang berkeluasan 0.8 hektar bagi setiap permohonan. Kelulusan pemberimilikan tanah tersebut adalah melalui MMK Bil. 15 Tahun 2016 yang bertarikh 4 Mei 2016.
- iii. Semakan Audit terhadap fail berkenaan mendapati permohonan pemberimilikan tanah telah dibuat pada tahun 2015 dengan tujuan penanaman getah. Bagaimanapun, mengikut laporan siasatan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah mendapati kawasan permohonan telah diusahakan dengan tanaman pisang sejak tahun 2013. Selain itu, pihak Audit juga mendapati PDT Raub telah mengeluarkan Notis Borang 5A pada 28 November 2016, bagaimanapun denda bagi tempoh pencerobohan tanah tersebut tidak dikenakan kepada pemohon.
- iv. PDT Raub tidak mengenakan denda kerana ia tertakluk kepada keputusan MMK sama ada perlu dikenakan denda atau sebaliknya. Selain itu, tiada kadar denda yang dinyatakan dalam Kaedah Tanah Pahang 1992 bagi tanaman kontan. Perkara ini mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan negeri dari segi kutipan premium tanah dan cukai tanah tahunan. Ketiadaan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan menyebabkan pihak lain juga turut terpengaruh untuk mengusahakan tanah terlebih dahulu walaupun kelulusan belum diterima. Senarai 19 pemohon yang telah mengusahakan tanah milik kerajaan terlebih dahulu dengan tanaman pisang sebelum permohonan diluluskan adalah seperti **Jadual 2.18** dan **Gambar 2.1**.

JADUAL 2.18
19 LOT TANAH YANG TELAH DIUSAHAKAN DENGAN
TANAMAN PISANG SEBELUM KELULUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	KELUASAN (Hektar)	JENIS KEGUNAAN SEPATUTNYA	TANAMAN YANG DIUSAHAKAN
1.	PTRb. 1/01/BT/ 0047/(4)15	15.2	Getah	Pisang
2.	PTRb. 1/01/BT/ 0048/(4)15			
3.	PTRb. 1/01/BT/ 0049/(4)15			
4.	PTRb. 1/01/BT/ 0050/(4)15			
5.	PTRb. 1/01/BT/ 0051/(4)15			
6.	PTRb. 1/01/BT/ 0052/(4)15			
7.	PTRb. 1/01/BT/ 0053/(4)15			
8.	PTRb. 1/01/BT/ 0054/(4)15			

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	KELUASAN (Hektar)	JENIS KEGUNAAN SEPATUTNYA	TANAMAN YANG DIUSAHAKAN
9.	PTRb. 1/01/BT/ 0055/(4)15			
10.	PTRb. 1/01/BT/ 0056/(4)15			
11.	PTRb. 1/01/BT/ 0057/(4)15			
12.	PTRb. 1/01/BT/ 0058/(4)15			
13.	PTRb. 1/01/BT/ 0059/(4)15			
14.	PTRb. 1/01/BT/ 0060/(4)15			
15.	PTRb. 1/01/BT/ 0061/(4)15			
16.	PTRb. 1/01/BT/ 0062/(4)15			
17.	PTRb. 1/01/BT/ 0063/(4)15			
18.	PTRb. 1/01/BT/ 0064/(4)15			
19.	PTRb. 1/01/BT/ 0065/(4)15			

Sumber: PDT Raub



GAMBAR 2.1

Mukim Batu Talam
- 19 Lot Tanah Telah Diusahakan Dengan
Tanaman Pisang Sebelum Kelulusan
Pemberimilikan Tanah
(23.05.2018)

- v. Lawatan Audit selanjutnya ke 20 lokasi permohonan pemberimilikan tanah yang belum selesai mendapati seramai tiga (3) pemohon telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum kelulusan pemberimilikan tanah. Pihak Audit mendapati permohonan tersebut adalah daripada individu yang memohon pemberimilikan tanah untuk kegunaan bangunan kediaman dan pertanian dusun. Masing-masing telah memohon pada tahun 2013, 2014 dan 2017. Senarai pemohon yang telah mengusahakan tanah terlebih dahulu sebelum kelulusan diberikan adalah seperti **Jadual 2.19** dan **Gambar 2.2** hingga **Gambar 2.4**.

JADUAL 2.19
TANAH TELAH DIUSAHAKAN SEBELUM KELULUSAN DIBERIKAN

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	TARIKH PERMOHONAN	JENIS KEGUNAAN	KELUASAN (HEKTAR)	STATUS PERMOHONAN TANAH	HASIL LAWATAN AUDIT
1.	PTRb. 1/01/BT/0062/(8)17	24.08.2017	Bangunan Kediaman	148 (meter persegi)	Proses Lapor Siasat	Telah Bina Rumah Sejak Tahun 1999
2.	PTRb. 1/01/SU/0038/13	03.04.2013	Bangunan Kediaman	0.809	Proses Lapor Siasat	Telah Bina Rumah Sejak Tahun 2013
3.	PTRb. 1/01/G/0562/14	02.09.2014	Pertanian – Dusun Durian		Proses Lapor Siasat	Tanaman Durian

Sumber: PDT Raub

GAMBAR 2.2



Mukim Batu Talam
- Bangunan Kediaman Dibina Sebelum
Kelulusan Pemberimilikan Tanah
(PTRb. 1/01/BT/0062/(8)17)
(03.07.2018)

GAMBAR 2.3



Mukim Semantan Ulu
- Bangunan Kediaman Dibina Sebelum
Kelulusan Pemberimilikan Tanah
(PTRb. 1/01/SU/0038/13)
(03.07.2018)



GAMBAR 2.4

Mukim Gali
- Tanaman Durian Diusahakan Sebelum
Kelulusan Pemberimilikan Tanah
(PTRb. 1/01/G/0562/14)
(04.07.2018)

b. Tanah Kerajaan Diusahakan dan Dibangunkan Walaupun Permohonan Tidak Diluluskan

- i. Lawatan Audit yang dilakukan bersama pegawai PDT Raub pada bulan Jun dan Julai 2018 mendapati sebanyak lima (5) daripada 18 lokasi permohonan pemberimilikan tanah yang tidak diluluskan oleh PBN telah diusahakan oleh pemohon secara haram. Semasa lawatan dijalankan pihak Audit mendapati pemohon telah menanam dengan tanaman getah di kawasan yang dimohon.
- ii. Semakan Audit terhadap laporan siasatan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah mendapati pemohon telah mengusahakan kawasan permohonan dengan tanaman getah bermula pada tahun 2010. PDT Raub telah menghantar surat kepada pemohon untuk memaklumkan penolakan permohonan mereka oleh PBN pada 15 Mei 2017 dan 10 April 2018. Bagaimanapun, sehingga tempoh pengauditan dilaksanakan, tiada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan terhadap pencerobohan tanah tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan pemohon akan membuat permohonan semula selepas menerima surat penolakan dan menganggap kelulusan akan diberikan kerana telah mengusahakan tanah tersebut. Selain itu, kelemahan pengurusan penguatkuasaan turut menyumbang kepada penerokaan tanah tanpa kelulusan. Ini


menyebabkan kerajaan negeri telah kerugian hasil dari segi kutipan cukai dan premium tanah selama empat (4) tahun dan ketiadaan penguatkuasaan undang-undang boleh mempengaruhi pihak lain untuk meneroka tanah walaupun permohonan tidak diluluskan oleh PBN. Senarai pemohon yang telah meneroka tanah walaupun permohonan tidak diluluskan oleh PBN adalah seperti **Jadual 2.20** dan **Gambar 2.5** hingga **Gambar 2.10**.

JADUAL 2.20
TANAH DIUSAHAKAN WALAUPUN
PERMOHONAN TIDAK DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI

BIL.	NO. FAIL PERMOHONAN	TARIKH PERMOHONAN	RUJUKAN BILANGAN MMK	TARIKH TIDAK DILULUSKAN PBN	KELUASAN (HEKTAR)	PENEROKAAN TANAH
1.	PTRb. 1/01/S/0014/14	15.01.2014	30/2017	15.11.2017	0.668	Tanaman Getah
2.	PTRb. 1/01/S/0166/14	14.05.2014	30/2017	15.11.2017	0.878	
3.	PTRb. 1/01/S/0221/14	25.09.2014	36/2016	09.11.2016	4.336 (ekar)	
4.	PTRb. 1/01/S/0222/14	25.09.2014	36/2016	09.11.2016	1.74	
5.	PTRb. 1/01/S/0226/14	25.09.2014	36/2016	09.11.2016	3.918 (ekar)	

Sumber: PDT Raub

GAMBAR 2.5




Mukim Segu
- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman Getah Walaupun Permohonan Tidak Diluluskan oleh PBN (PTRb. 1/01/S/0014/14) (04.07.2018)

GAMBAR 2.6




Mukim Segu
- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman Getah Walaupun Permohonan Tidak Diluluskan oleh PBN (PTRb. 1/01/S/0014/14) (04.07.2018)

GAMBAR 2.7



Mukim Segu
- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman Getah Walaupun Permohonan Tidak Diluluskan oleh PBN (PTRb. 1/01/S/0166/14) (04.07.2018)

GAMBAR 2.8



Mukim Segu
- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman Getah Walaupun Permohonan Tidak Diluluskan oleh PBN (PTRb. 1/01/S/0222/14) (04.07.2018)

GAMBAR 2.9



Mukim Sega

- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman
Getah Walaupun Permohonan Tidak
Diluluskan oleh PBN
(PTRb. 1/01/S/0221/14)
(04.07.2018)

GAMBAR 2.10



Mukim Sega

- Tanah Diusahakan Dengan Tanaman
Getah Walaupun Permohonan Tidak
Diluluskan oleh PBN
(PTRb. 1/01/S/0266/14)
(04.07.2018)

Maklum Balas PDT Raub yang Diterima pada 18 September 2018

Bagi penambahbaikan, PDT Raub dalam perancangan untuk meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan. Sebagai proses penambahbaikan, Unit Kuat kuasa membuat rondaan secara berkala tiga (3) kali seminggu dan rondaan berjadual sejak tahun 2017. PDT Raub juga menjelaskan terdapat kekangan lain yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan seperti logistik, peralatan dan kekurangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan terhadap pemberimilikan tanah adalah kurang berkesan mengakibatkan pencerobohan tanah kerajaan.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pengurusan pemberimilikan tanah di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Pejabat Daerah dan Tanah Raub mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

2.7.1. mengkaji semua mekanisme sedia ada seperti kaedah pelaksanaan dan pemantauan supaya masalah kelewatan memproses permohonan dan penyelesaian pemberimilikan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh sewajarnya. Selain itu, PDT Raub perlu menetapkan sasaran penyelesaian permohonan pemberimilikan tanah bagi mengukur kecekapan pengurusan pemberimilikan tanah;

2.7.2. menetapkan tempoh masa dan piagam pelanggan serta objektif kualiti bagi setiap proses kerja dalam urusan pemberimilikan tanah sebagai panduan dan kawalan bagi memastikan tempoh penyelesaian permohonan tanah dapat dicapai.

Langkah-langkah meningkatkan kecekapan pengurusan perlu diberi perhatian segera;

2.7.3. memantapkan prosedur kerja dan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan serta mempercepatkan proses pewartaan tanah bandar/pekan Daerah Raub bagi memastikan hasil kerajaan negeri diuruskan dan dikutip dengan cekap; dan

2.7.4. melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan dengan lebih kerap dan tegas bagi memastikan tanah yang dimohon tidak diusahakan sebelum hak milik diberikan atau selepas ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

3. PKNP AGRO-TECH SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd. (PASB) ditubuhkan pada 26 Ogos 2010 di bawah Akta Syarikat 1965. PASB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Modal dibenarkan dan modal berbayar PASB masing-masing berjumlah RM10 juta. Aktiviti utama syarikat ialah perladangan tanaman kelapa sawit dan penjualan hasil tanaman berkenaan serta mengurus ladang-ladang kelapa sawit milik PKNP. Objektif PASB adalah bagi meningkatkan pertumbuhan industri kelapa sawit di Negeri Pahang dan menjalankan aktiviti secara langsung dan tidak langsung bagi membantu PKNP dalam menggalakkan pembangunan penanaman kelapa sawit.

3.1.2. Bagi tahun 2010 hingga 2015, aktiviti utama PASB hanya menfokus kepada pengurusan ladang-ladang kelapa sawit PKNP dan pendapatan utama PASB adalah yuran pengurusan yang diperoleh daripada pengurusan ladang tersebut. Manakala mulai 19 Ogos 2015, PKNP telah memajakkan Ladang Mukim Ganchong, Ladang Sebeyan dan Ladang Ulu Tembeling kepada PASB untuk diuruskan sepenuhnya.

3.1.3. Lembaga Pengarah PASB dianggotai oleh tujuh (7) orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh mantan Menteri Besar Pahang. Pengurusan PASB diketuai oleh Pengarah Eksekutif Operasi dan dibantu oleh satu (1) Pengurus Kanan, empat (4) eksekutif serta 24 orang kakitangan. Pengurusan PASB tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan PASB adalah kukuh, amalan tadbir urus adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kedudukan kewangan PASB bagi tahun 2015 hingga 2017 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Mac 2018. Aktiviti perladangan kelapa sawit dipilih untuk diaudit kerana ia menyumbang kepada lebih 90% pendapatan PASB. Pengauditan dijalankan di ibu pejabat PASB di Kuantan, Pahang dan lawatan Audit ke tiga (3) ladang kelapa sawit PASB.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan PASB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 yang telah diaudit dan diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Mohamed Asri & Co. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Bagi amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan PASB. Selain itu, pihak Audit menjalankan analisis terhadap data syarikat dan menemu bual pegawai berkaitan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pemeriksaan fizikal turut dilakukan bagi menilai pelaksanaan aktiviti yang dijalankan di tiga (3) ladang kelapa sawit PASB iaitu Ladang Mukim Ganchong Daerah Pekan, Ladang Sebayang Daerah Rompin dan Ladang Ulu Tembeling Daerah Jerantut.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PASB adalah kurang stabil di mana PASB mencatatkan kerugian sebelum cukai bagi tiga (3) tahun kewangan berturut-turut iaitu berjumlah RM0.64 juta pada tahun 2015, RM1.15 juta pada tahun 2016 dan RM0.26 juta pada tahun 2017. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 0.16:1 menunjukkan syarikat kurang berupaya memenuhi obligasi jangka pendek menggunakan sumber dalaman pada akhir tahun 2017. Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan 2017 yang berbaki negatif sejumlah RM2.99 juta juga menunjukkan PASB tidak mempunyai tunai yang mencukupi bagi membiayai perniagaannya.

b. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti perladangan kelapa sawit adalah kurang cekap di mana pengeluaran Buah Tandan Sawit Segar pada tahun 2016 dan 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu masing-masing hanya 83.1% dan 72.2%. Hanya tahun 2015 sahaja pencapaiannya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 113.8%. Namun, keluasan ladang kelapa sawit PASB yang dibangunkan telah meningkat setiap tahun iaitu seluas 5,904 hektar pada tahun 2017 berbanding 4,237 hektar pada tahun 2016 dan 2,759 hektar pada tahun 2015.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus PASB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek amalan tadbir urus berkaitan Rancangan Korporat, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh PASB adalah seperti berikut:

- i. prestasi pengeluaran Buah Tandan Sawit Segar pada tahun 2016 dan 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- ii. penyimpanan baja adalah tidak sempurna yang memberi risiko kepada kerosakan dan kecurian; dan
- iii. Rancangan Korporat bagi tahun 2015 hingga 2017 dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2015 dan 2016 juga tidak disediakan. Walaupun KPI tahun 2017 ada disediakan namun ia tidak dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah. Selain itu, Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas PASB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 4 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Kedudukan Kewangan

3.6.1.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan PASB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung

rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai adalah seperti **Jadual 3.1** berikut:

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
Pendapatan	2.00	3.96	5.64
Pendapatan Lain	0.01	0.13	0.03
JUMLAH PENDAPATAN	2.01	4.09	5.67
Kos Jualan	0.95	2.94	2.93
Kos Pentadbiran	1.46	1.25	1.49
Kos Kewangan	0.24	1.05	1.51
JUMLAH PERBELANJAAN	2.65	5.24	5.93
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(0.64)	(1.15)	(0.26)
Cukai	-	-	-
KERUGIAN SELEPAS CUKAI	(0.64)	(1.15)	(0.26)
KERUGIAN TERKUMPUL	(0.31)	(1.46)	(1.72)
JUMLAH ASET	34.25	41.66	45.81
JUMLAH LIABILITI	29.56	33.12	37.53
JUMLAH EKUITI	4.69	8.54	8.28
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	34.25	41.66	45.81
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2.39	(2.46)	(2.99)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan 2015, 2016 dan 2017


3.6.1.2. Pendapatan utama PASB diperoleh daripada aktiviti perladangan kelapa sawit dan yuran pengurusan ladang. PASB juga menerima pendapatan lain antaranya perolehan daripada hibah, faedah dan jualan borang sebut harga/tender. Pendapatan utama PASB bagi tahun 2017 berjumlah RM5.64 juta iaitu meningkat 42.4% berbanding tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016, pendapatan utama meningkat sebanyak 98% berbanding tahun 2015 iaitu dari RM2 juta kepada RM3.96 juta. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan pendapatan jualan buah tandan segar (BTS). Pendapatan lain PASB bagi tahun 2017 sejumlah RM29,706 menunjukkan penurunan sebanyak 76.9% berbanding tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016 pula, pendapatan lain meningkat kepada RM127,632 (1200%) berbanding RM9,332 bagi tahun 2015. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh diskaun diterima berjumlah RM95,939 dan jualan borang tender berjumlah RM17,200. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

3.6.1.3. Perbelanjaan PASB terdiri daripada kos jualan, kos pentadbiran dan kos kewangan. Bagi tahun 2017, jumlah perbelanjaan adalah RM5.93 juta meningkat RM689,592 (13.2%) berbanding tahun 2016. Manakala bagi tahun 2016, jumlah perbelanjaan meningkat sejumlah RM2.59 juta (97.7%) kepada RM5.24 juta berbanding RM2.65 juta bagi tahun 2015. Peningkatan


perbelanjaan bagi tahun 2017 berjumlah RM462,609 (43.8%) disebabkan kos kewangan yang meningkat iaitu faedah pinjaman bank dan faedah *overdraft*. Selain itu, kos pentadbiran meningkat sejumlah RM243,859 (19.2%) berbanding tahun 2016 disebabkan peningkatan elaun pengarah, lain-lain manfaat pengarah, derma/sumbangan, pemberian bonus dan sewa pejabat. Bagi tahun 2016 pula, antara faktor peningkatan jumlah perbelanjaan adalah disebabkan oleh peningkatan kos jualan terdiri daripada penyelenggaraan kawasan matang, penuaian, pengangkutan, pemprosesan, pengangkutan minyak sawit mentah (CPO), cukai dan ses CPO serta levi kastam sejumlah RM940,500. Selain itu, kos jualan juga meningkat sejumlah RM1.06 juta kerana kos pentadbiran bagi operasi Ladang Mukim Ganchong seperti gaji, elaun, kemudahan dan lain-lain berkaitan pekerja ladang diambil kira sebagai kos jualan mulai tahun 2016 setelah PASB mengambil alih pengurusan ladang sepenuhnya melalui perjanjian antara PKNP dengan PASB, faedah *overdraft/cashline* dan faedah sewa beli yang dibuat pada 19 Ogos 2015. Kos kewangan iaitu faedah pinjaman bank juga meningkat sejumlah RM807,724. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

3.6.1.4. Hasil daripada analisis terhadap trend pendapatan dan perbelanjaan di atas mendapati PASB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM256,746 pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM894,577 (77.4%) berbanding kerugian pada tahun 2016 yang berjumlah RM1.15 juta. Manakala bagi tahun 2016, kerugian sebelum cukai meningkat 79.7% daripada RM636,817 pada tahun 2015. Penurunan kerugian pada tahun kewangan berakhir tahun 2017 adalah disebabkan peningkatan di dalam jumlah pendapatan yang diperoleh pada tahun tersebut. Manakala peningkatan kerugian pada tahun 2016 adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan bagi kos jualan dan kos kewangan. Sehingga 31 Disember 2017, kerugian terkumpul PASB berjumlah RM1.72 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.2**.

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI TAHUN
2015, 2016 DAN 2017



CARTA 3.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI
DAN KERUGIAN TERKUMPUL BAGI
TAHUN 2015, 2016 DAN 2017



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2015, 2016 dan 2017

3.6.1.5. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati PASB tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasa bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan ini. Komponen terbesar yang menyumbang bagi aset bukan semasa syarikat ialah aset biologi seperti perbelanjaan pembangunan ladang yang terdiri daripada kos pembersihan tanah, penjagaan pokok belum matang dan kos pentadbiran semasa pra-tanaman dan komponen terbesar bagi aset semasa syarikat ialah wang tunai dan baki di bank. Manakala komponen terbesar bagi liabiliti syarikat ialah pinjaman diikuti lain-lain pemiutang. Tahap kecairan syarikat adalah kurang memuaskan kerana aset semasa kurang daripada liabiliti semasa pada kadar 0.16:1. Selain itu, syarikat hanya mampu menjana pendapatan antara 6 sen hingga 13 sen bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa. Manakala tiada pulangan atas aset diperolehi bagi tempoh tiga (3) tahun kewangan disebabkan kerugian yang dialami.

3.6.1.6. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap aliran tunai syarikat PASB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2017, tunai dan kesetaraan tunai PASB berbaki negatif berjumlah RM2.99 juta. Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan pada tahun 2017 adalah negatif berjumlah RM5.16 juta kerana pembelian hartanah, loji dan peralatan sejumlah RM297,070 serta aset biologi sejumlah RM4.87 juta. Manakala aliran tunai adalah positif daripada aktiviti operasi dan pembiayaan pada tahun 2017 masing-masing berjumlah RM1.20 juta dan RM3.43 juta.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

Kedudukan kewangan PASB dilihat belum stabil pada masa ini kerana ladang-ladang PASB masih lagi di peringkat awal pembangunan. Mengikut norma dalam industri sawit, pengeluaran hasil buah sawit hanya dapat dilihat selepas empat (4) tahun penanaman. Walaupun PASB mempunyai tiga (3) ladang kelapa sawit, hanya satu (1) ladang sahaja yang telah menyumbang kepada pendapatan PASB iaitu sebahagian ladang di Ganchong Pekan. Manakala sebahagian kawasan ladang masih dikategorikan sebagai kawasan belum matang. PASB juga mempunyai dua (2) ladang yang dalam peringkat pembangunan iaitu ladang di Sebayan, Rompin dan Hulu Tembeling, Jerantut. Sehubungan itu, PASB telah mendapatkan pinjaman daripada Bank Islam bagi membiayai keseluruhan operasi ladang-ladang tersebut. Keadaan ini menyebabkan PASB mengalami kerugian yang berterusan kerana terpaksa menanggung kos kewangan yang tinggi di mana ia perlu diakaunkan termasuk kos kewangan bagi ladang yang belum mengeluarkan hasil. Pinjaman bank juga merupakan faktor berlakunya peningkatan liabiliti PASB. Semakin bertambah penggunaan pinjaman maka semakin tinggi liabiliti PASB dari semasa ke semasa. Oleh kerana PASB masih bergantung kepada pinjaman bank sebagai modal kerja, maka ia telah menyebabkan analisis nisbah-nisbah kewangan turut sama terjejas. Tunai dan kesetaraan tunai semasa berbaki negatif turut disumbangkan oleh penggunaan pinjaman *cash-line/overdraft* yang diberikan oleh bank bagi menampung keperluan operasi PASB pada masa ini. Ketidacukupan tunai ini sememangnya diakui apabila PASB pada setiap tahun mengalami bajet defisit melalui perancangan bajet tahunan yang diluluskan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis penyata kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan PASB adalah kurang stabil.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama PASB adalah perladangan kelapa sawit yang menyumbang lebih 90% kepada pendapatan PASB. Sehingga akhir tahun 2017, PASB telah memiliki sebanyak tiga (3) ladang kelapa sawit dengan keluasan keseluruhan 10,429 hektar meliputi Ladang Mukim Ganchong (1,930 hektar), Ladang Sebayan (405 hektar) dan Ladang Ulu Tembeling (8,094 hektar). Dari ketiga-tiga ladang PASB tersebut, hanya Ladang Mukim Ganchong yang telah mengeluarkan hasil tanaman iaitu seluas 908 hektar manakala baki tanaman seluas 1,002 hektar masih belum matang. Bagi Ladang Sebayan, proses pembangunan ladang mula dijalankan pada bulan

Februari 2016 dan siap ditanam pada bulan April 2017. Bagi Ladang Ulu Tembeling, kawasan seluas 4,047 hektar dimajukan sendiri oleh PASB mulai bulan Oktober 2015 manakala baki 4,047 hektar akan dimajukan oleh pihak swasta.

3.6.2.1. Ladang Mukim Ganchong

a) Pencapaian Output Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS)

- i. Berdasarkan Laporan Bajet, PASB telah menetapkan sasaran pengeluaran BTS di ladang miliknya pada tahun 2015 adalah sebanyak 1,749 tan, tahun 2016 sebanyak 7,756 tan dan tahun 2017 sebanyak 11,205 tan. Sasaran pengeluaran BTS dibuat berdasarkan kepada umur pokok sawit matang, keadaan cuaca pada tahun-tahun sebelumnya, jenis tanah dan keadaan bentuk muka bumi di ladang sama ada tanah tinggi, tanah rata atau tanah gambut. Analisis Audit terhadap Laporan Sistem *e-Submission* MPOB bagi ladang PASB yang telah mengeluarkan hasil tanaman iaitu Ladang Mukim Ganchong mendapati prestasi pengeluaran BTS bagi tahun 2015 melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 113.8% manakala pencapaian bagi tahun 2016 dan 2017 masing-masing hanya 83.1% dan 72.2% berbanding sasaran. Butiran lanjut pengeluaran BTS Ladang Mukim Ganchong bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 berbanding sasaran adalah seperti **Jadual 3.2** berikut:

JADUAL 3.2
PRESTASI PENGELUARAN BTS LADANG
MUKIM GANCHONG BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

2015			2016			2017		
SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)	SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)	SASARAN (Tan)	SEBENAR (Tan)	(%)
1,749	1,990	113.8	7,756	6,447	83.1	11,205	8,095	72.2

Sumber: Laporan Sistem *e-Submission* MPOB

- ii. Menurut Pengurus Kanan PASB pada 18 Julai 2018, faktor utama yang menyebabkan pengeluaran BTS bagi tahun 2016 dan 2017 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana sebahagian kawasan matang ditenggelami air akibat banjir pada bulan Januari hingga Februari 2016 dan bulan Oktober 2016 hingga Februari 2017. Kesan banjir menyebabkan kerja-kerja penuaian tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Selain itu, kekurangan tenaga kerja juga menjadi punca pengeluaran BTS tidak mencapai sasaran ditetapkan. Pada tahun 2015, bilangan tenaga kerja adalah seramai 34 orang dan meningkat kepada 63 orang pada tahun 2016. Pada tahun 2017 tenaga kerja hanya bertambah seramai 2 orang menjadikannya 65 orang. Manakala

keluasan ladang yang berhasil pada tahun 2015 dan 2016 hanya seluas 585.03 hektar bertambah seluas 223.15 hektar kepada 808.18 hektar bagi tahun 2017 berbanding bilangan tenaga kerja yang hanya bertambah seramai 2 orang pada tahun 2017. Bagi mengatasi masalah ini, PASB telah mengambil inisiatif dengan memohon kuota pekerja asing khususnya Tenaga Kerja Indonesia secara berperingkat mengikut keperluan semasa di ladang.

Pada pendapat Audit, prestasi output bagi pengeluaran BTS Ladang Mukim Ganchong pada tahun 2016 dan 2017 adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

b) Purata Kadar Perahan Minyak Sawit Ladang PASB

- i. Mengikut MPOB, Kadar Perahan Minyak (KPM) ialah jumlah atau kuantiti minyak sawit mentah yang dapat dihasilkan (*extract*) melalui pemprosesan daripada sejumlah BTS. KPM dinyatakan dalam unit peratusan merupakan parameter penting dalam pemprosesan BTS di sesebuah kilang. Kadar Perahan Minyak Sawit (KPM) adalah bergantung kepada biji benih yang berkualiti dan pengurusan operasi yang baik termasuk proses pembajaan dan penjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna.
- ii. Semakan Audit mendapati purata KPM Ladang Mukim Ganchong bagi minyak sawit mentah dan isirong bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 berbanding purata KPM Negeri Pahang yang dikeluarkan oleh MPOB adalah seperti **Jadual 3.3** berikut:

JADUAL 3.3
PURATA KADAR PERAHAN MINYAK SAWIT (KPM)
LADANG MUKIM GANCHONG BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

LADANG	2015		2016		2017	
	MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)	MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)	MINYAK SAWIT MENTAH (%)	ISIRONG (%)
Purata KPM Ladang Mukim Ganchong	17.0	5.0	18.0	5.0	19.1	5.25
Purata KPM Negeri Pahang Oleh MPOB	20.26	5.39	19.98	5.20	19.28	5.12
PENCAPAIAN (%)	83.9	92.8	90.1	96.2	99.1	102.5

Sumber: Tawaran Sebut Harga Ladang PASB & MPOB *Statistic*

- iii. **Jadual 3.3** menunjukkan purata KPM minyak sawit mentah bagi Ladang Mukim Ganchong pada tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masingnya adalah 17%, 18% dan 19.1%. Semakan Audit mendapati purata tersebut

adalah lebih rendah berbanding purata KPM minyak sawit mentah Negeri Pahang tetapi masih selaras dengan julat yang dikeluarkan oleh MPOB iaitu antara 16% hingga 19%. Selain itu, purata KPM ladang juga meningkat setiap tahun. Pada tahun 2015, purata KPM Ladang Mukim Ganchong adalah 83.9% berbanding KPM Negeri Pahang manakala pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing meningkat kepada 90.1% dan 99.1%.

- iv. Manakala semakan Audit terhadap purata KPM isirong bagi ladang tersebut pada tahun 2015, 2016 dan 2017 pula mendapati purata bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sama iaitu 5.00% manakala pada tahun 2017 adalah 5.25%. Purata bagi tahun 2015 dan 2016 adalah lebih rendah berbanding purata KPM isirong Negeri Pahang tetapi masih selaras dengan julat yang dikeluarkan oleh MPOB iaitu antara 4.5% hingga 5.5%. Pada tahun 2015, purata KPM ladang PASB adalah 92.8% berbanding KPM Negeri Pahang manakala pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing meningkat kepada 96.2% dan 102.5%.

Pada pendapat Audit, purata KPM minyak sawit mentah Ladang Mukim Ganchong adalah memuaskan kerana melebihi 80% berbanding dengan KPM Negeri Pahang dan meningkat setiap tahun. Manakala purata KPM isirong juga memuaskan kerana menunjukkan peningkatan peratusan yang tinggi iaitu melebihi 90% setiap tahun.

3.6.2.2. Pencapaian *Outcome*

Semakan Audit mendapati objektif penubuhan PASB untuk meningkatkan pertumbuhan industri kelapa sawit di Negeri Pahang telah tercapai berdasarkan kepada peningkatan keluasan ladang kelapa sawit PASB yang dibangunkan pada setiap tahun. Pada tahun 2015, keluasan ladang yang telah dibangunkan sejumlah 2,759 hektar dan meningkat kepada 4,237 hektar pada tahun 2016 serta 5,904 hektar pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.4** berikut:

JADUAL 3.4
KELUASAN LADANG PASB YANG DIBANGUNKAN PADA TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

LADANG PASB	KELUASAN TANAMAN (Hektar)		
	2015	2016	2017
Mukim Ganchong	1,930	1,930	1,930
Ulu Tembeling	829	1,902	3,569
Mukim Sebayam	-	405	405
JUMLAH	2,759	4,237	5,904

Sumber: PASB

a. Aktiviti Pembangunan dan Penanaman Kelapa Sawit

- i. Ladang Mukim Ganchong mempunyai keluasan sejumlah 1,930 hektar dan terbahagi kepada empat (4) Fasa. Fasa 1 dibangunkan mulai bulan Ogos 2010 dan siap ditanam pada bulan September 2011 manakala fasa terakhir iaitu Fasa 4 dibangunkan mulai bulan Mei 2011 dan siap ditanam pada bulan September 2013. Ladang Mukim Ganchong telah mengeluarkan hasil tanaman bagi kawasan seluas 908 hektar manakala baki tanaman seluas 1,002 hektar masih belum matang.
- ii. Ladang Sebayan mempunyai keluasan sejumlah 405 hektar dan dibangunkan mulai bulan Februari 2016 dan siap ditanam sepenuhnya pada bulan April 2017. Berdasarkan Laporan Anggaran Hasil Ladang dan Aliran Tunai PASB, ladang tersebut dijangka mula mengeluarkan hasil pada tahun 2019.
- iii. Ladang Ulu Tembeling mempunyai keluasan sejumlah 8,094 hektar. Seluas 4,047 hektar akan dimajukan sendiri oleh PASB manakala sebahagian lagi akan dimajukan oleh pihak swasta secara usahasama. Kawasan yang akan dimajukan oleh PASB terbahagi kepada 5 Fasa. Fasa 1 seluas 829 hektar yang dibangunkan mulai bulan Oktober 2015 telah siap ditanam pada bulan Ogos 2017. Manakala fasa terakhir yang telah dibangunkan iaitu Fasa 4 seluas 789 hektar yang dibangunkan mulai bulan Disember 2017 dijangka siap ditanam pada bulan Disember 2019. Bagi Fasa 5, proses pengeluaran tender sedang dijalankan. Berdasarkan Laporan Anggaran Hasil Ladang dan Aliran Tunai PASB, Ladang Ulu Tembeling dijangka mula mengeluarkan hasil pada tahun 2019. Butiran lanjut kemajuan aktiviti pembangunan dan penanaman ladang PASB sehingga 31 Mac 2018 adalah seperti **Jadual 3.5** berikut:

JADUAL 3.5
KEMAJUAN PEMBANGUNAN DAN
PENANAMAN KELAPA SAWIT PASB SEHINGGA 31 MAC 2018

BIL.	LADANG	FASA	KELUASAN (Hektar)	MULA	SIAP	PEMBERSIHAN HUTAN	CATATAN
1.	Ladang Mukim Ganchong (1,930 Hektar)	Fasa 1	367	Ogos 2010	September 2011	-	Baki 20 hektar adalah tapak nurseri, perumahan pekerja, pejabat dan lain-lain.
		Fasa 2	426	Februari 2011	Julai 2012		
		Fasa 3	558	Mei 2011	Jun 2013		
		Fasa 4	559	Mei 2011	September 2013		
2.	Ladang Sebayan (405 Hektar)	-	405	Februari 2016	April 2017	-	-
3.	Ladang Ulu Tembeling (4,047 Hektar)	Fasa 1	829	Oktober 2015	Ogos 2017	-	Hanya 748 hektar yang ditanam dan baki 81 hektar tidak ditanam

BIL.	LADANG	FASA	KELUASAN (Hektar)	MULA	SIAP	PEMBERSIHAN HUTAN	CATATAN
							kerana bentuk muka bumi yang curam.
		Fasa 2	1,073	Mac 2016	Dijangka siap Ogos 2018	607 hektar siap dibersihkan & 466 hektar dalam proses pembersihan	303 hektar dari kawasan yang dibersihkan telah siap ditanam.
		Fasa 3	878	Februari 2017	Dijangka siap Februari 2019	203 hektar siap dibersihkan & 675 hektar dalam proses pembersihan	-
		Fasa 4	789	Disember 2017	Dijangka siap Disember 2019	40 hektar siap dibersihkan & 749 hektar dalam proses pembersihan	-
		Fasa 5	478	-	-	-	Dalam proses pengeluaran tender.
JUMLAH			6,362				

Sumber: PASB

Pada Pendapat Audit, kemajuan pembangunan ladang PASB adalah memuaskan kerana setiap tahun keluasan ladang yang dibangunkan semakin bertambah.

3.6.2.3. Pengurusan Ladang

a. Prestasi Kewangan

- i. Semakan Audit terhadap Laporan Bajet dan Penyata Kewangan Beraudit yang disediakan bagi ladang PASB bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati pencapaian pendapatan sebenar bagi tahun 2015 dan 2016 adalah baik kerana melebihi sasaran bajet. Namun begitu pendapatan sebenar ladang PASB bagi tahun 2017 adalah kurang memuaskan kerana varian adalah negatif 18.3% iaitu pendapatan sebenar kurang RM1.24 juta berbanding sasaran bajet.
- ii. Semakan Audit terhadap prestasi perbelanjaan ladang PASB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 pula mendapati perbelanjaan sebenar adalah baik bagi ketiga-tiga tahun tersebut kerana perbelanjaan sebenar adalah kurang berbanding perbelanjaan yang dibajetkan.
- iii. Butiran lanjut bajet dan pencapaian sebenar pendapatan dan perbelanjaan ladang PASB bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 3.6** berikut:

JADUAL 3.6
BAJET DAN PENCAPAIAN SEBENAR PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN LADANG PASB BAGI TAHUN 2015, 2016 DAN 2017

BUTIRAN	2015 (RM Juta)			2016 (RM Juta)			2017 (RM Juta)		
	BAJET	SEBENAR	VARIAN (%)	BAJET	SEBENAR	VARIAN (%)	BAJET	SEBENAR	VARIAN (%)
Pendapatan	1.12	1.45	29.5	3.52	3.85	9.4	6.78	5.54	(18.3)
Perbelanjaan	1.64	0.95	42.1	4.19	2.94	29.8	5.43	2.93	46.0

Sumber: PASB

Pada Pendapat Audit, pendapatan sebenar Ladang PASB pada tahun 2015 dan 2016 adalah memuaskan kerana melebihi dari sasaran bajet manakala perbelanjaan sebenar Ladang PASB bagi ketiga-tiga tahun adalah baik kerana kurang dari sasaran bajet.

b. Perolehan Baja

- i. Berdasarkan Manual Prosedur Perolehan PASB, perolehan melebihi RM10,000 hingga RM500,000 dibuat melalui kaedah sebut harga. Semakan Audit terhadap fail sebut harga mendapati perolehan baja bagi ladang PASB dibuat daripada pelbagai pembekal melalui kaedah sebut harga. Pada tahun 2015, tiada perolehan baja dibuat oleh PASB kerana pengambilalihan ladang-ladang milik PKNP oleh PASB hanya bermula pada bulan Ogos 2015 dan semua perolehan baja pada tahun tersebut diuruskan oleh PKNP. Sebanyak 11 sebut harga telah dikeluarkan pada tahun 2016 dan empat (4) sebut harga pada tahun 2017 bagi perolehan baja.
- ii. Semakan Audit terhadap fail sebut harga mendapati penentuan dan pemilihan syarikat yang berjaya dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga berdasarkan harga terendah dan munasabah yang ditawarkan oleh syarikat yang menyertai sebut harga. Butiran lanjut perolehan baja untuk ladang-ladang PASB bagi tahun 2016 dan 2017 adalah seperti **Jadual 3.7** berikut:

JADUAL 3.7
PEROLEHAN BAJA UNTUK LADANG PASB BAGI TAHUN 2016 DAN 2017

BIL.	JENIS BAJA	SYARIKAT PEMBEKAL	AMAUN SEBUT HARGA (RM)	
			2016	2017
1.	Slow Release Fertilizer	Pembekal 1	477,000	TB
		Pembekal 2	126,246	TB
		Pembekal 3	63,123	TB
2.	Compound	Pembekal 1	445,200	TB
		Pembekal 2	291,383	TB
3.	Compound NPK Blue	Pembekal 1	15,900	TB

BIL.	JENIS BAJA	SYARIKAT PEMBEKAL	AMAUN SEBUT HARGA (RM)	
			2016	2017
		Pembekal 2	48,899	TB
4.	Compound NPK Yelow	Pembekal 1	12,614	TB
		Pembekal 2	35,288	TB
5.	CIRP	Pembekal 1	13,038	TB
		Pembekal 2	13,038	TB
6.	Compound 44	Pembekal 1	TB	306,094
		Pembekal 2	TB	327,594
7.	Compound 25	Pembekal 1	TB	61,304
		Pembekal 2	TB	60,531
	JUMLAH		1,541,729	755,523

Sumber: PASB

Nota: TB – Tidak Berkenaan

- iii. Semakan Audit terhadap proses pembekalan baja mendapati baja-baja dihantar ke ladang PASB oleh pembekal mengikut tempoh seperti yang telah ditetapkan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada mereka. Selain itu, semakan Audit terhadap kesemua baucar bayaran bagi pembekalan baja mendapati bayaran dibuat kepada pembekal mengikut tempoh dan peraturan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit proses perolehan dan pembekalan baja adalah baik kerana mengikut SOP yang telah ditetapkan.

c. Penyimpanan Baja Tidak Sempurna

- i. Mengikut perenggan 14.3.4, AM 6.4, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia menetapkan baja hendaklah disimpan di tempat yang mempunyai peredaran udara, dingin dan kering kerana jika terkena air, ia akan rosak dan mengeluarkan bahang panas. Platform kayu hendaklah digunakan untuk mengalas baja tersebut.
- ii. Semakan Audit terhadap *Standard Operating Procedures* (SOP) mendapati PASB tidak mempunyai prosedur bagi pengurusan stor di ladang. Lawatan Audit di tiga (3) ladang PASB mendapati hanya stok baja di Ladang Mukim Ganchong disimpan dalam bangunan stor baja yang berkunci. Manakala stok baja di Ladang Ulu Tembeling dan Ladang Sebayan hanya disimpan di bawah bangsal yang berbumbung tetapi tidak berdinding dan ditutup dengan kanvas yang terdedah kepada risiko kerosakan dan kecurian. Kaedah penyimpanan stok baja di ketiga-tiga ladang PASB tersebut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.1



Ladang Mukim Ganchong, Pekan
- Keadaan di Stor Baja
(02.05.2018)

GAMBAR 3.2



Ladang Ulu Tembeling, Jerantut
- Keadaan di Bangsal Baja
(03.07.2018)



GAMBAR 3.3

Ladang Sebayon, Rompin
- Keadaan di Bangsal Baja
(16.07.2018)

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

SOP pengurusan Stor di ladang telah disediakan dan pelan cadangan pembinaan stor ladang telah disediakan bagi perancangan pembinaan pada pertengahan tahun 2019.

Pada pendapat Audit, kaedah penyimpanan baja di ladang PASB adalah kurang cekap kerana terdapat baja yang hanya disimpan di bawah bangsal yang tidak berdingding dan terdedah kepada risiko kerosakan dan kecurian.

3.6.3. Tadbir Urus

3.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus syarikat berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, *Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan)* Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

3.6.3.2. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus PASB adalah kurang memuaskan. Aspek amalan terbaik tadbir urus yang telah diamalkan oleh PASB adalah pelantikan serta peranan Pengerusi dan Lembaga Pengarah.

3.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh PASB adalah seperti penemuan berikut:

a. Ketua Pegawai Eksekutif

- i. Berdasarkan amalan terbaik, *CEO* hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, *MCCG 2017 principle A, practice 1.3* dan *Green Book* perenggan 2.1.3 menyatakan tugas dan tanggungjawab *CEO* hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas.
- ii. Semakan Audit mendapati PASB tidak mempunyai jawatan Ketua Pegawai Eksekutif tetapi telah melantik salah seorang Ahli Lembaga Pengarah sebagai Pengarah Eksekutif Operasi mulai 24 Ogos 2015 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2 Tahun 2015 untuk memantau operasi syarikat serta pengurusan kewangan syarikat. Selain itu, Pengurus Kanan juga dilantik bagi membuat perancangan aktiviti syarikat berkaitan operasi perladangan, pentadbiran dan kewangan.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

Pengarah Eksekutif Operasi menjalankan tugas-tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif buat masa ini memandangkan kedudukan kewangan syarikat masih belum stabil.

Pada pendapat Audit, walaupun jawatan Ketua Pegawai Eksekutif tidak diwujudkan, fungsinya telah dilaksanakan oleh Pengarah Eksekutif Operasi dan Pengurus Kanan. Bagaimanapun, tugas dan tanggungjawab Pengarah Eksekutif Operasi perlu dinyatakan secara bertulis dengan jelas.

b. Standard Operating Procedures (SOP)

- i. *Handbook* perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28 menyarankan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan SOP merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu

dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

- ii. Semakan Audit mendapati PASB ada menyediakan proses kerja dan prosedur berkaitan urusan dan operasi syarikat yang meliputi perkhidmatan, kewangan, pentadbiran dan perladangan. PASB mengguna pakai *Standard Operating Procedure Account* bagi aktiviti berkaitan kewangan syarikat. SOP tersebut telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3 Tahun 2010. Sebarang perubahan atau penambahbaikan SOP juga dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Bagaimanapun, didapati prosedur bagi pengurusan stor di ladang tidak disediakan oleh pihak pengurusan.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

PASB telah menyediakan SOP Pengurusan Stor di ladang pada tahun 2018 dan akan dibentangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah akan datang.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penyediaan SOP adalah lengkap dan memuaskan kecuali prosedur pengurusan stor di ladang yang masih belum dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi diterima pakai memandangkan perladangan merupakan aktiviti utama syarikat.

c. Jawatankuasa Audit

- i. MCCG 2017 *intended outcome 8.0* dan *Green Book* perenggan 1.2.1 menyarankan Lembaga Pengarah mewujudkan Jawatankuasa Audit (JKA) yang bertanggungjawab menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat. Semakan Audit mendapati PASB tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit sejak dari penubuhannya. Ketiadaan Jawatankuasa Audit menyebabkan syarikat tidak dapat menilai kualiti kawalan dalaman operasi syarikat bagi tujuan meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

PASB bercadang menubuhkan Jawatankuasa Audit pada tahun 2020 dan sekretariat Jawatankuasa Audit juga merupakan juruaudit bagi Audit Dalaman yang akan ditubuhkan nanti.

Pada pendapat Audit, penubuhan Jawatankuasa Audit adalah perlu bagi menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalaman operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.

d. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Audit Dalaman ialah untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Ia membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit mendapati fungsi Audit Dalaman tidak diwujudkan. Bagaimanapun, Unit Audit Dalam PKNP telah melaksanakan pemeriksaan Audit ke atas operasi PASB kali terakhir pada tahun 2013. Ketiadaan Unit Audit Dalaman akan menyebabkan syarikat tidak dapat meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

Audit Dalaman dicadangkan untuk ditubuhkan pada tahun 2020 apabila kewangan syarikat PASB telah stabil dan buat masa ini, Juruaudit Dalaman PKNP turut menjalankan khidmat pengauditan ke atas operasi PASB.

Pada pendapat Audit, penubuhan Audit Dalaman adalah perlu untuk menilai pematuhan, pengurusan kepada dasar dan prosedur yang ditetapkan. Selain itu, ia dapat membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

e. Rancangan Korporat

- i. *Green Book* menyatakan syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik korporat adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik korporat menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 *practice 1.1, guidance 1.1*. Antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- ii. Semakan Audit mendapati PASB tidak menyediakan rancangan korporat bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 yang sepatutnya menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat disebabkan syarikat tersebut baru memulakan operasi perladangan tanaman kelapa sawit mulai bulan Ogos 2015. Ketiadaan Rancangan Korporat tersebut boleh menyebabkan syarikat tidak dapat membuat penilaian terhadap aktiviti yang dijalankan serta tiada hala tuju yang jelas dalam mencapai matlamat syarikat.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

PASB telah menyediakan rancangan korporat melalui pelan strategik PASB 2017 hingga 2020 dan akan dibentangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah akan datang.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus PASB bagi aspek rancangan korporat adalah tidak memuaskan.

f. Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- i. *Green Book* Bahagian 1 Perenggan 3.2 menyarankan peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan. Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan KPI.

- ii. Semakan Audit mendapati PASB tidak menyediakan KPI bagi tahun 2015 dan 2016. Ketiadaan KPI menyebabkan prestasi syarikat tidak dapat diukur melalui petunjuk prestasi utama sekali gus syarikat tidak dapat membuat penilaian terhadap aktiviti yang sedang dan bakal dijalankan. Bagaimanapun, KPI bagi tahun 2017 ada disediakan tetapi tidak dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi KPI mendapati PASB telah menetapkan tujuh (7) elemen KPI bagi tahun 2017 iaitu pendapatan, untung, aliran tunai, hasil sewa/hektar, kadar perahan minyak (OER), keluasan ladang berhasil dan pembukaan ladang baru. Empat (4) dari tujuh (7) elemen tersebut telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu untung, aliran tunai, OER dan keluasan ladang berhasil.

Maklum Balas PASB yang Diterima pada 29 Ogos 2018

PASB mengambil maklum dan KPI akan dibentangkan setiap awal tahun dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.


Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus bagi aspek penyediaan KPI adalah kurang memuaskan.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PASB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan Lembaga Pengarah serta pengurusan PASB mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan seperti berikut:

- 3.7.1. mewujudkan saluran yang baik bagi mengurangkan kawasan tanaman kelapa sawit terlibat banjir supaya dapat meningkatkan hasil kelapa sawit;
- 3.7.2. memastikan langkah diambil bagi meningkatkan pengeluaran BTS ladang kelapa sawit seperti penggunaan teknologi baru serta mengatasi kekurangan tenaga kerja dengan segera;
- 3.7.3. kaedah penyimpanan baja hendaklah dibuat mengikut SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan segera; dan
- 3.7.4. menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam bagi memastikan pematuhan dan mekanisme kawalan dalaman yang berkesan terhadap organisasi; dan

3.7.5. mengkaji dan menyediakan pelan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang dengan petunjuk prestasi yang jelas, mampu dicapai dan berdaya saing.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

2 November 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773